

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 39

Isnin

9 Julai 2007

K A N D U N G A N

| | |
|--|-------------------|
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 1) |
| USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1): | |
| ■ Menggubal Undang-undang dan melesenkan Syarikat-syarikat Rujukan Kredit (Credit Reference Agencies) | |
| - <i>Y.B. Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu)</i> | (Halaman 28 & 88) |
| RANG UNDANG-UNDANG: | |
| Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007 | (Halaman 30) |
| Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 | (Halaman 80) |
| USUL: | |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 36) |
| UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN: | |
| Cadangan Menjual Rumah PPR Kepada Penyewa | |
| - <i>Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i> | (Halaman 140) |
| Menyegerakan Rancangan Wilayah Pembangunan Malaysia Timur | |
| - <i>Y.B. Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas)</i> | (Halaman 144) |

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 9 Julai 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang [Hulu Terengganu]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan tempatan menyatakan, apakah langkah yang diambil oleh kementerian bagi mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang terhadap peminjam tidak berlesen seperti *Ah Long* yang telah menimbulkan banyak masalah sosial sehingga mencederakan serta menyeksa para peminjam yang tidak menjelaskan hutang mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan mentadbirkan Akta Pemberi Pinjaman Wang dan Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang yang mula berkuat kuasa pada tahun 2003. Akta dan peraturan ini digubal dan dipinda bagi memberi perlindungan kepada peminjam dan untuk mengawasi perniagaan pemberi pinjam wang sama ada yang berlesen atau tidak berlesen. Ini adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjalankan pengawasan ke atas aktiviti-aktiviti pemberi pinjam wang sama ada yang berlesen atau tidak berlesen.

Bagi mengawal dan menghapuskan aktiviti *Ah Long* daripada menimbulkan masalah sosial sehingga mencederakan serta menyeksa para peminjam yang tidak menjelaskan hutang mereka, kementerian dengan kerjasama polis telah menubuhkan satu pasukan khas pada tahun 2006. Pasukan ini terdiri daripada pegawai daripada Bahagian Penguatkuasaan di Jabatan Siasatan Jenayah dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial. Pasukan ini telah memutuskan bahawa kes-kes yang melibatkan kekerasan yang dilakukan oleh *Ah Long* disiasat oleh Jabatan Siasatan Jenayah, manakala kementerian berperanan menjalankan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis yang berlesen untuk menentukan tidak ada pelanggaran akta.

Di samping mengambil tindakan undang-undang ke atas pemberi pinjaman wang yang tidak berlesen, kerajaan juga bertindak proaktif dan sedang mengambil beberapa langkah pencegahan dan kesedaran

Untuk makluman, kerajaan juga telah bersetuju supaya beberapa tindakan susulan diambil seperti menjalankan satu kempen memberi kesedaran kepada orang ramai supaya tidak meminjam wang daripada *Ah Long* dan sebaliknya meminjam daripada pemberi peminjam wang yang berlesen dan institusi kewangan.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Disember 2006, telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Khas Membanteras Kegiatan Pemberi Pinjam Wang Tanpa Lesen yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri Dalam Negeri dan ahli-ahli terdiri daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kewangan, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia dan pertubuhan bukan kerajaan atau NGO. Tujuan jawatankuasa ini di antaranya adalah untuk:

- (i) merancang kempen membanteras gejala *Ah Long* dan objektif kempen ialah untuk memberikan kesedaran kepada kumpulan sasaran mengenai gejala *Ah Long*;
- (ii) mengarahkan kerjasama kumpulan sasaran supaya melaporkan kepada pihak berkuasa mengenai kegiatan; dan
- (iii) memberi panduan dan kesedaran kepada kumpulan sasaran mengenai pinjaman di institusi perbankan dan agensi pinjam wang lesen.

Di samping itu, kementerian juga sedang membuat kajian tentang keberkesanan penguatkuasaan Akta Pemberi Pinjam Wang. Kajian juga sedang dibuat terhadap beberapa peruntukan di dalam seksyen-seksyen tertentu seperti kuasa menangkap dan memudahkan cara penerimaan laporan dengan tujuan untuk memperkukuhkan penguatkuasaan Akta Pemberi Pinjaman Wang. Masalah sosial yang ditimbulkan oleh peminjam tidak berlesen *Ah Long* ini dapat diatasi dengan kerjasama antara pihak berkuasa, pihak polis dan orang ramai. Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, edisi kisah *Ah Long* dan penghutang ini telah banyak didedahkan di media dengan terlalu banyak kekalutan yang di luar perikemanusiaan yang telah berlaku, di mana anak isteri menjadi taruhan malah nyawa sendiri. Seolah-olah urusan ini di negara kita sekarang ini adalah mafia. Jadi apakah kerajaan tidak bercadang supaya urusan pinjam-meminjam ini hanya diberi hak kepada Bank Negara Malaysia dengan penguatkuasaannya di bawah Akta BAFIA, dan jika tidak bercadang sedemikian, mengapa?

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini tugas memberi lesen kepada perniagaan pemberi lesen adalah di bawah kerajaan negeri. Sebagai satu langkah untuk menyelaras perkara ini, dan supaya kita dapat mengawalinya, kerajaan telah memutuskan bahawa tugas ini dipindahkan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tugas kementerian ialah untuk memberi lesen kepada satu perniagaan

yang sah, perniagaan yang positif, perniagaan yang dituju untuk memberi bantuan kepada orang yang memerlukan bantuan kecemasan pada satu masa yang singkat.

Tujuan kementerian ialah untuk memastikan bahawa di bawah menyediakan satu sistem perundangan, di mana kegiatan dan perniagaan ini boleh dijalankan secara licin dan dengan tidak ada masalah. Walaupun ada undang-undang, ada pihak-pihak yang lain yang menggunakan sistem cara-cara yang berlainan; di mana kejadian ugutan, kecederaan dan kekerasan berlaku. Perkara ini boleh dikatakan sebagai aktiviti *criminal* dan kerana ia jatuh di bawah lingkungan *criminality*, tindakan ke atas ini diambil oleh pihak polis. Baru-baru ini pihak polis telah mengambil beberapa tindakan yang positif dan saya dengan sukacitanya memberitahu bahawa kita telah nampak kesan positif daripada langkah-langkah yang telah diambil terhadap kes-kes aduan dan laporan dalam enam bulan pada tahun ini.

Untuk menjawab soalan khusus Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang, tidak ada apa-apa cadangan supaya mengehadkan kuasa pemberian lesen ini kepada Bank Negara Malaysia melalui Akta BAFIA. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya berpendapat bahawa *Ah Long* ini sudah menjadi kronik di negara ini dan mereka ini sudah bermaharajalela di negara ini. Saya rasa perkara ini bukan suatu perkara yang tidak boleh diatasi. Satu di antaranya ialah bukan setakat mengetatkan undang-undang. Kita perlu satu sistem untuk *out law*, betul-betul mengambil tindakan. Saya hairan, saya menjalankan suatu firma peguam, tiap-tiap minggu saya nampak dia punya pamflet ada di pejabat saya, dihantar ke pejabat saya dan apabila saya naik tangga pejabat, saya nampak ia ada tampal di sana. Takkan polis dan kementerian tidak tahu? Saya rasa bukan sahaja pejabat saya, merata-rata hal ini terjadi. Kita boleh tengok di tiang-tiang lampu, tiang-tiang telefon dan lain-lain lagi pun ada juga.

Ini adalah suatu perkara yang modus operandi mereka yang kita semua ketahui. Dari *initial source* itu boleh diambil tindakan. Kita tahu siapa itu, kenapa kerajaan, kenapa kementerian sangat lewat, sangat tidak peduli *source* nya terus pergi tangkap atau dengan senang-senang boleh membanteras perkara ini. Saya rasa bila saya berbincang dengan pihak polis, mereka mengatakan bahawa ini adalah kuasa yang patut diambil tindakan oleh pihak kementerian.

Bila kita tanya kepada pihak kementerian, dia kata pihak polis. Yang mana yang betul-betul yang menjalankan tugas ini? Kenapa lalai dan bilakah perkara yang sangat serius ini boleh diatasi?

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari segi *advertisement* yang dibuat oleh *Ah Long*, di bawah Akta Peminjam Wang, Bahagian 11, semua orang yang membuat secara iklan tentang perniagaan peminjam wang ini mesti mendapat kebenaran daripada kementerian dan jikalau tidak mendapat kebenaran, mereka boleh didakwa dan didenda sampai RM10 ribu atau 12 bulan penjara.

Sebenarnya kementerian telah mengambil tindakan kerana kad-kad yang diterima oleh kita atau dihantar ke kementerian, kementerian mendaftar dan cuba menyiasat perkara ini dan menghubungi melalui nombor-nombor dan alamat yang telah ditetapkan di dalam kad tetapi kadang-kadang apabila cuba dihubungi, syarikat yang didaftarkan itu tidak ada di dalam senarai sebagai sebuah syarikat yang sah dan didaftarkan di dalam *Registrar of Companies* dan kadang-kadang telefon pun tidak berjaya dihubungi dan alamat kadang-kadang pun alamat palsu.

Oleh keadaan yang sedemikian, untuk mengenal pasti sesiapa pihak yang membuat pengiklanan ini adalah susah. Oleh kerana itu, susah untuk diambil tindakan tetapi di dalam kes-kes di mana kita boleh memastikan bahawa inilah orang yang membuat, memang kerajaan sedang ambil tindakan. Di dalam hal ini, mungkin kita memerlukan bantuan daripada pihak polis untuk melakukan siasatan, bagaimana cara-cara dan jalan-jalan yang lain untuk mengenal pasti siapa mereka ini dan mengambil tindakan ke atas mereka. Terima kasih.

2. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah dengan cara pembuangan persekolahan pelajar sekolah, benar-benar memberi kesan positif serta dapat menyelesaikan masalah disiplin pelajar; dan
- (b) apakah pihak kementerian mempunyai rancangan atau tindakan lain yang lebih berkesan bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat dua pertanyaan yang menyentuh isu disiplin pelajar yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertama Yang Berhormat Bintulu pada hari ini dan juga Yang Berhormat Sri Gading pada 10 Julai 2007. Oleh itu saya mohon izin supaya menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pelajaran Malaysia amat memandang serius tentang masalah disiplin murid-murid termasuklah ponteng sekolah. Ini kerana ponteng sekolah boleh menyebabkan mereka terlibat dengan gejala-gejala negatif yang lain seperti dadah, gengsterisme, minuman keras, seks bebas, buli, perjudian dan lain-lain.
Dalam tempoh tiga tahun ini, masalah ponteng didapati berada pada kadar purata 0.26%. Bagi mengatasi salah laku murid ini terus berulang, mereka yang terlibat dalam apa juga pelanggaran disiplin sekolah akan dikenakan tindakan seperti yang digariskan dalam Akta Pendidikan, surat-surat pekeliling ikhtisas yang menetapkan bentuk tindakan

hukuman, seperti amaran, rotan, gantung sekolah dan juga buang sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perangkaan KPM menunjukkan penurunan bilangan murid yang dikenakan hukuman buang sekolah iaitu:

| Jenis Hukuman | 2005 | 2006 |
|-----------------|------|------|
| Buang sekolah | 0.4% | 0.2% |
| Gantung sekolah | 0.9% | 0.6% |
| Rotan | 3.8% | 1.4% |

Hari ini menunjukkan kegiatan murid yang terlibat dengan salah laku disiplin yang melibatkan hukuman-hukuman tersebut semakin berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Dalam menangani masalah disiplin murid ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil pendekatan bahawa mencegah adalah lebih baik daripada mengubati. Sehubungan itu, pelbagai langkah dan tindakan telah dilakukan. Di antaranya bagi mengatasi masalah ponteng sekolah:
- (i) satu pasukan telah ditubuhkan di setiap daerah yang dinamakan Pasukan Petugas Anti Ponteng yang melibatkan Pegawai Pelajaran Daerah, PDRM, pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan yang lain yang berkaitan, badan-badan bukan kerajaan dan juga PIBG;
 - (ii) mewujudkan saluran aduan terus melalui talian terus *hotline*, *e-mail*, *facsimile* dan laman web. Usaha ini menunjukkan ketelusan KPM dalam membendung salah laku murid dan tidak ada sesiapa lagi boleh menyembunyikannya;
 - (iii) mengkaji semula undang-undang dan peraturan disiplin murid di sekolah. Draf peraturan baru sedang dalam penelitian pihak Peguam Negara dan juga Kementerian Pelajaran;

- (iv) melaksanakan program jati diri kepada murid yang telah dikenakan tindakan seperti buang sekolah, gantung sekolah dan juga kesalahan-kesalah berat yang lain. Program ini merupakan program pemulihan kepada murid tersebut yang dilaksanakan di pusat-pusat kokurikulum negeri; dan
- (v) tindakan tegas diambil terhadap murid termasuk pihak pengurusan sekolah yang terlibat sekiranya terdapat kecuaiian atau kelalaian mereka menguruskan disiplin murid di sekolah.

KPM juga sentiasa mengharapkan masyarakat khususnya ibu bapa dan murid perlu diberi kesedaran tentang disiplin murid dan mengharapkan kerjasama yang berterusan daripada pihak media bagi memberi kesedaran kepada masyarakat umum berkaitan perkara ini.

Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak tahu sama ada kementerian ada sedar atau tidak. Memang jawapan ini kita kata cantik, memang sesuai, memang bagus tetapi masalah pelaksanaannya. Pelaksanaannya sampai ke bawah, tidak jalan.

Saya berikan contoh iaitu alamat ibu bapa, sekolah pun tiada. Bila hantar surat yang mengatakan anak mereka ada masalah disiplin. Saya pernah sendiri menangkap beberapa orang murid yang ponteng. Saya buka dia punya beg. Surat semua ada di dalam beg. Ini bermakna dia tidak berikan kepada ibu bapa. Sepatutnya ini surat mesti mahu hantar kepada ibu bapa, jangan melalui anak ataupun melalui murid-murid tetapi kita sekarang masalahnya melalui murid.

Kadang-kadang sekolah perlu memaksa murid-murid membawa ibu bapa datang ke sekolah. Kadang-kadang murid membawa kawan-kawan datang ke sekolah. Dia kata ini saya punya saudara, saya punya ibu bapa tidak boleh *contact*, bekerja jauh. Sebenarnya ibu bapa ada di rumah, dia tidak tahu.

Itu tadi contoh mengenai kawan, sekarang ini satu lagi contoh, masalah yang serius iaitu dalam sekolah SMK Methodist di Sib. Bolehkah dalam *compound* ...

Seorang Ahli: Hisap rokok.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bukan hisap rokok tetapi dia buli *student*, minta telan batu dan puntung rokok. Ini perkara yang serius. Guru nampak tetapi guru tidak berani ambil tindakan sebab dia ada gengster di luar. Jadi saya mintalah kementerian ambil perkara ini secara serius, mesti mengkaji semula sistem pendidikan. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat Bintulu. Saya faham dulu Sekolah Menengah Teknik Bintulu dalam kawasan Parlimen Yang Berhormat memang ada

terlibat dengan kes buli yang menyebabkan ada pelajar yang mati. Jadi, apa Yang Berhormat nyatakan memang kita sedar dari segi pelaksanaan, namun demikian kita selalu memberikan penekanan kepada pengurusan sekolah. Oleh sebab itu kita ada pengetua cemerlang dan guru besar cemerlang. Garis panduan sudah jelas.

Saya lihat mengenai masalah mengalamatkan surat kepada ibu bapa. Banyak sekolah, ia memang dapat menghubungi ibu bapa. Ada sekolah membuat peraturan supaya buku laporan atau *report card* pelajar-pelajar diwajibkan ibu bapa datang mengambil. Ada sekolah membuat sistem SMS dia sendiri, di mana murid-murid yang tidak datang sekolah, akan menghantar SMS kepada ibu bapa.

Namun kita sedar bahawa ini masalah pelaksanaan. Oleh sebab itu saya menyatakan tadi, kita memberikan penekanan kepada pengetua dan juga guru besar untuk mereka benar-benar bertindak mengikut peraturan. Mana-mana pengetua dan guru besar yang tidak mengikut peraturan dan mengabaikan masalah-masalah disiplin ini, maka pihak guru besar dan pengetua itu akan diambil tindakan tatatertib. Itu yang senang saya nyatakan. Ada enam orang dan satu PPD kita ambil tindakan kerana mereka telah mengendalikannya masalah tidak mengikut peraturan seperti mana yang ditetapkan.

Mengenai sekolah di Sibul seperti Yang Berhormat nyatakan, itu *specific case*. Selalunya kalau terdapat kes-kes seperti ini, pihak nazir akan serta-merta turut menyiasat kes-kes yang dilaporkan.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, dalam pendidikan anak-anak kita, pendidikan sekolah dan pendidikan ibu bapa memainkan peranan yang sama penting tetapi kita dapati ramai ibu bapa yang melalaikan kewajipan mengasuh anak-anak mereka dan menyerahkan bulat-bulat kepada pihak sekolah sahaja. Soalan saya, apakah strategi selain daripada yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, apakah strategi dan mekanisme yang sedia ada di Kementerian Pendidikan untuk mengabung-jalinkan usaha ibu bapa dan usaha pihak sekolah supaya mereka berganding bahu untuk menjayakan pendidikan anak-anak mereka. Mengapa tidak melalui undang-undang, kementerian mewajibkan ibu bapa kepada pelajar-pelajar yang bermasalah disiplin yang serius itu untuk menghadiri kursus yang diperlukan. Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Ada tiga isu Yang Berhormat bangkitkan tadi. Pertama ialah mengenai kerjasama. Mulai tahun ini kita telah mengeluarkan satu pekeliling mewajibkan setiap Mesyuarat Agung PIBG mesti ada satu agenda mengenai disiplin pelajar-pelajar. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang merasmikan mana-mana Mesyuarat Agung PIBG harap dapat tengok agenda mesyuarat. Kalau tidak ada agenda mesyuarat itu di dalam Atur Cara Mesyuarat bolehlah melaporkan kepada saya secara terus kerana kita mahu dalam Mesyuarat Agung PIBG, PIBG bukan sahaja hendak membincangkan mengenai pencapaian akademik pelajar-pelajar sahaja tetapi mesti juga membincangkan masalah disiplin. Ini sesuai dan selaras

dengan falsafah pendidikan negara dan juga membina modal insan sebagai salah satu teras di bawah Pelan Induk Pembangunan Pelajaran.

Kedua, dalam melibatkan PIBG ini, peraturan yang ada pada hari ini, PIBG tidak terlibat sebagai Lembaga Tatatertib dan Disiplin Pelajar-pelajar. Dalam peraturan yang kita sedang kaji ini, kita akan mencadangkan supaya wakil PIBG mestilah dilantik sebagai Lembaga Tatatertib dan Disiplin di sekolah supaya segala masalah disiplin dan juga tindakan yang hendak diambil kepada pelajar-pelajar dapat dimaklumkan kepada PIBG. Kita juga sedar, kadang-kadang dalam mesyuarat Lembaga Tatatertib dan Disiplin ini adalah guru-guru semua, jadi pelajar-pelajar ini seolah-olah tidak ada tempat mereka bergantung. Dengan adanya wakil PIBG ini, kita harap pelajar-pelajar ini akan dapat menceritakan perkara yang benar, mengapa mereka dikenakan tindakan tatatertib.

Ketiga, mengenai cadangan Yang Berhormat yang ini, belum lagilah dalam perancangan kita hendak mewajibkan ibu bapa untuk terlibat di dalam kursus keibubapaan kalau anaknya terlibat dalam kes disiplin. Yang kita sedang buat sekarang ialah hanya anak-anak yang terlibat dalam kes disiplin seperti kena gantung sekolah dan juga buang sekolah, mereka ini diwajibkan menghadiri Kursus Jati Diri di pusat kokurikulum. Kalau ibu bapa ini tidak mahu menghantar anak mereka menghadiri Kursus Jati Diri maka rayuan yang dibuat oleh ibu bapa mereka tidak akan dilayan. Terima kasih.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) tidak hadir]

4. **Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, jumlah kes yang melibatkan peniruan tandatangan pemilik dalam pindah milik tanah dari tahun 2001 hingga Mei 2007 dan langkah-langkah yang diambil oleh pejabat tanah untuk membendung kes-kes peniruan tersebut.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:
Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, statistik kes-kes yang melibatkan peniruan tandatangan pemilik dalam pindahan milik tanah daripada tahun 2001 hingga 2007 adalah seperti berikut:

| TAHUN | BILANGAN KES |
|-------|--------------|
| 2001 | 16 |
| 2002 | 19 |
| 2003 | 22 |
| 2004 | 32 |

| | |
|-------------------|----|
| 2005 | 35 |
| 2006 | 40 |
| 2007 sehingga Mei | 16 |

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kes-kes ini tidak berulang, kementerian ini telah menasihatkan agar mangsa lebih berhati-hati pada masa yang akan datang supaya mengelak daripada penipuan. Mengenai langkah-langkah supaya perkara ini tidak berulang, ini melibatkan kementerian atau pejabat Jabatan Tanah dan Galian.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan kes-kes dalam kes melibatkan peniruan tandatangan pemilik dalam pindah milik tanah ini merupakan satu perkara yang cukup malang. Saya rasa adalah lebih malang adalah kerana dalam tahun 2001, Mahkamah Persekutuan dalam kes Bunsum Bunyanin telah pun memutuskan bahawa hak milik muktamad masih boleh diberi kepada pembeli *bona fide* walaupun tandatangan pemilik tanah itu adalah ditiru.

Saya ingin kemukakan dua soalan tambahan yang pendek sahaja kepada pihak kementerian. Pertama, sama ada pihak kerajaan bersedia meninjau semula undang-undang ini dan menggubal undang-undang yang baru untuk memperbetulkan keadaan ini. Kedua, sama ada buat sementara waktu ini kita akan mewujudkan satu tabung pampasan untuk membantu pemilik-pemilik yang teraniaya ini. Sekian.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih, Yang Berhormat. Pertama sekali kita mestilah menghormati undang-undang iaitu keputusan mahkamah. Kedua, berkenaan dengan langkah-langkah itu, ia tidak melibatkan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri seperti mana yang saya katakan tadi tetapi ia melibatkan Pejabat Tanah dan Galian. Kita hanya terlibat dengan kes-kes penipuan sahaja. Kes-kes mengenai langkah-langkah, itu melibatkan kementerian yang lain. Terima kasih.

■1030

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada statistik yang diberikan, terdapat peningkatan yang berterusan angka-angka kes penipuan tandatangan bagi tujuan pindah milik tanah. Adakah pihak kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat, misalnya kursus-kursus wajib atau tertentu terutamanya sekali kepada kerani-kerani Pejabat Pendaftaran di Pejabat Tanah itu sendiri, dan dalam hal Pejabat Tanah yang mengendalikan pendaftaran milik tanah dengan cara sistem berkomputer, apakah nasihat, apakah peranan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bagi mengurangkan angka ini. Peningkatan ini akan menyebabkan ramai pelabur terutama pelabur luar negara dan pemilik-pemilik tanah dalam negeri akan merasa bimbang berkenaan dengan pemilikan tanah mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya seperti mana yang saya katakan tadilah ia melibatkan penipuan. Polis hanya menyiasat kes-kes yang melibatkan penipuan. Soal cara bagaimana kita hendak mengelak daripada penipuan dibuat ialah kementerian yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, kita sentiasa memberi pandangan dan nasihat kepada mereka sekiranya pihak PDRM atau kementerian dipanggil untuk berbuat demikian pada bila-bila masa sekiranya kita diperlukan untuk tujuan-tujuan ini, kita akan memberi kerjasama yang sepenuhnya seperti mana kementerian-kementerian lainlah. Terima kasih.

5. **Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan sedar skim pinjaman khusus mengerjakan haji dan umrah seolah-olah mencabar hukum syarak serta menggalakkan amalan berhutang di kalangan generasi muda yang jelas bertentangan dengan Hukum Haji dan konsep ibadah haji atau umrah. Apakah langkah susulan kerajaan mengenai perkara tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpandangan skim pinjaman khusus untuk mengerjakan ibadah haji dan umrah dalam keadaan-keadaan tertentu adalah harus. Ini selaras dengan keputusan muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ke-69 pada 13 sehingga 15 Jun 2005 yang memutuskan bahawa:

- (i) adalah harus seseorang berhutang untuk menunaikan haji atau umrah sekiranya diyakini mampu untuk membayar balik hutang tersebut dan ia tidak menjejaskan kehidupan normalnya; dan
- (ii) skim pinjaman tersebut hendaklah diuruskan melalui badan atau koperasi yang mementingkan prinsip ikhlas, *ta'awun* iaitu kerjasama, adil dan telus dalam operasinya di samping bebas daripada unsur-unsur riba.

Namun begitu, terpulang kepada setiap individu sama ada untuk membuat pinjaman bagi menunaikan ibadah haji dan umrah atau sebaliknya. Sekiranya mereka merasakan bahawa masa yang sesuai untuk menunaikan ibadah haji telah pun sampai, tetapi wang simpanan masih belum mencukupi, maka pada ketika itu individu berkenaan bolehlah membuat pinjaman tersebut dengan institusi-institusi pinjaman yang diharuskan oleh syarak serta diyakini mampu untuk membayarnya balik. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Pilah.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan penjelasan yang begitu *detail* kepada saya, diucapkan terima kasihlah kerana menunaikan haji ini adalah merupakan Rukun Islam yang kelima dan kita memang diwajibkan sebagaimana Allah berfirman dalam surah Al-Imran yang menyebutkan, bahawa Allah mewajibkan haji ke Baitullah bagi orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke sana. Makna yang sanggup ke sana. Jadi kalau kita

tidak sanggup terpaksa berhutang hendak pergi haji, saya takut esok selesai menunaikan haji, dia mati pula. Jadi dia pergi itu tidak apalah. Oleh sebab itu saya hendak tanya dua soalan dalam konteks ini Yang Berhormat Menteri.

Pertamanya, Pakej Insurans Takaful pun ada menganjurkan skim pergi haji ini, umrah dan juga haji, adakah ini juga adalah mengikut hukum-hukum Islam yang sedia ada?

Yang Keduaanya, adakah perancangan daripada pihak Tabung Haji sendiri untuk hendak mengadakan skim pinjaman ini, sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan ini harus disebut. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebelum Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengambil keputusan sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, iaitu mengharuskan dalam keadaan-keadaan tertentu, tetapi sudah tentulah perbincangan ulama-ulama sebelum ini mensyaratkan dengan ketat iaitu '*al-zat wa rahillah*' iaitu yang dimaksudkan dengan '*al-zat*' itu perbekalan, ada kemampuan untuk mengerjakan haji dan '*al-rahillah*' iaitu aman dalam perjalanannya. Maksudnya tidak ada gangguan-gangguan yang mengancam keselamatan dan sebagainya.

Yang kedua itu adalah merupakan syarat yang utama bagi seseorang Islam itu diwajibkan mengerjakan haji adanya dua syarat tersebut. Iaitu kemampuan dalam kedua-dua bidang tersebut, tetapi ulama-ulama yang mutakhir yang masa kini, mereka berpandangan adanya semacam fleksibiliti, keluasan dalam mengerjakan haji ini diberi semacam ruang untuk membuat pinjaman. Pinjaman mesti disyaratkan oleh badan-badan yang tidak melibatkan dengan riba, tidak melibatkan dengan keuntungan dan sebagainya, tetapi berdasarkan kepada apa yang telah disebut tadi iaitu berdasarkan tulus, adanya tolong-menolong, bantu-membantu dan sebagainya seperti koperasi, institusi-institusi yang dibolehkan dalam agama Islam.

Jadi mengenai cadangan, pertanyaan yang kedua, adakah Tabung Haji berhasrat untuk memperkenalkan skim pinjaman kepada umat Islam, saya rasa dengan jelas kita mengatakan bahawa Tabung Haji tidak berhasrat untuk memperkenalkan skim ini, kerana memandangkan ibadah haji sebagaimana dalam perbincangan umum ulama-ulama Islam tidak diwajibkan ke atas mereka yang tidak mampu. Cuma dalam Fatwa Majlis Kebangsaan tadi, diberi ruang sekiranya ada pihak-pihak yang tertentu merasakan dari segi perancangan untuk mengerjakan haji, mereka tidak cukup wang tetapi mereka boleh berhutang.

Kita tidak galakan berhutang sebenarnya dan untuk memenuhi kuota, suka saya hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, untuk mendapatkan kuota pun begitu sukar. Kita ada 26,000 sahaja sedangkan mereka yang berhasrat untuk mengerjakan haji sebanyak 40,000. Jadi saya rasa, kita sangat tidak galakan mereka yang tidak mampu tadilah. Terutama golongan muda, mereka akan sampai masanya untuk menunggu giliran, tetapi mungkin orang-orang tua yang telah senior, dia rasakan masa kalau dia tunggu lagi tidak sesuai dari segi kesihatan, maka menurut fatwa tadi diberi pilihan iaitu diharuskan. Sekian.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tanah suci Mekah adalah merupakan tempat yang suci bagi orang Islam dan saya ditemui oleh beberapa orang pegawai-pegawai kerajaan, di mana dalam usaha kita untuk menaikkan integriti pegawai kerajaan ini, mereka hendak supaya kalau boleh, mereka menyucikan diri mereka dengan pergi ke Mekah, menunaikan haji dan sebagainya.

Syarat untuk pergi ke Mekah mengerjakan haji ini mestilah orang yang berkemampuan seperti yang Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi dan kita maklum. Saya kira tidak wajar kalau kita menggunakan orang-orang Melayu terutamanya pegawai-pegawai kerajaan ini untuk meminjam kerana hendak pergi menunaikan haji, tetapi pada saya, kita ada satu punca lain iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, di mana duit atau wang daripada pegawai kerajaan ini di carum di sini. Saya bertanya dengan beberapa orang pegawai di KWSP ini dan mengatakan bahawa mereka setakat ini tidak membenarkan untuk mengeluarkan wang KWSP ini kerana mengurangkan *fund* mereka, untuk menabung ataupun melabur di tempat-tempat lain.

Saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan bercadang untuk meminta KWSP ini membenarkan supaya pegawai-pegawai yang muda ini dapat mengeluarkan wang KWSP mereka bagi mereka menunaikan haji. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Dari segi memberi kebenaran kepada para pencarum daripada pegawai-pegawai kerajaan untuk mengeluarkan wangnya daripada simpanan KWSP, itu adalah merupakan di antara cadangan-cadangan, tetapi itu di luar daripada bidang kuasa yang ada pada saya...

Tuan Yang di-Pertua: Kejap Yang Berhormat. Yang Berhormat KWSP adalah saraan semasa tua.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: ...Ya, okey tetapi dibenarkan juga dalam keadaan-keadaan tertentu.

Saya berpandangan Tuan Yang di-Pertua, secara peribadinya lebih baik diberi keutamaan kepada perancangan masa depan.

Mengerjakan haji ini adalah disyaratkan sebagaimana yang telah saya sebut tadi perlu adanya perbekalan yang cukup, 'Al-zat' dan juga 'Al-Rohilah'. Al-Rohilah itu biasanya tidak masalahlah dari segi keamanan tempat mengerjakan haji di tanah suci. Jadi 'zat' itu maknanya pembekalan itu termasuk iaitu termasuk kos mengerjakan ibadat haji. Sekiranya tak cukup saya rasa tunggu dululah serta kalau pinjam pun nanti tunggu giliran tak dapat, kuota saya rasa sangat terhad 26,000 sahaja sedangkan nak mengerjakan haji 40,000. Jadi saya rasa itu sedikit penjelasan.

6. Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah pencapaian bioteknologi yang terkini yang telah berjaya diterima pakai dan bermanfaat untuk rakyat Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat..

Tuan Yang di-Pertua di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak 47 projek bioteknologi telah dibiayai oleh bahagian Bioteknologi Kebangsaan (MOSTI) iaitu berjumlah RM102.9 juta. Dalam tempoh berkenaan sebanyak sembilan paten dalam dan luar negara telah berjaya diperolehi, *granted* dan 58 paten lagi dalam proses mendapatkan kelulusan.

Sepanjang lima tahun program ini, seramai 505 modal insan dapat dijanakan yang berkelulusan ijazah Sarjana, *Masters* dan juga ijazah sarjana Kedoktoran, Ph.D termasuk sembilan orang pasca-doktoral, *post doctorate*.

Antara syarikat-syarikat bioteknologi Malaysia yang telah menembusi pasaran antarabangsa dan tempatan. Termasuklah:

- (i) Malaysian Bio-Diagnostic Research Sdn. Bhd (MBDr) yang membangunkan dan mengeluarkan lapan jenis cip diagnostik perubatan;
- (ii) KL Biotech Manufacturing Sdn. Bhd yang telah mengeluarkan produk makanan dan kesihatan berasaskan bioteknologi;
- (iii) Malaysian Genomics Resource Centre Sdn. Bhd, Synamatix Sdn. Bhd. dan InfoValley Life Sciences Sdn. Bhd yang menyediakan implikasi *bioinformatics* untuk kegunaan penyelidikan dan komersial; dan
- (iv) IPT Kosmo Bioteknologi Sdn. Bhd yang menggunakan *micro-organism* dalam teknologi merawat sisa kumbah dan memulihara alam sekitar.

Ini ialah sekadar untuk menyebut beberapa contoh. Adalah menjadi matlamat kerajaan bahawa lebih banyak penyelidik bioteknologi akan membawa produk masing-masing ke pasaran.

Selain daripada itu, Biotech Corp. juga sedang giat menarik syarikat-syarikat bioteknologi antarabangsa untuk melabur di Malaysia agar dapat membawa teknologi masing-masing untuk dimajukan dan diguna pakai bagi mengeluarkan produk-produk bioteknologi untuk manfaat umum.

Antara syarikat asing yang sedang dalam proses membangunkan operasi di Malaysia ialah Maniple Education and Medical Group International Limited dan Bharat Biotechnology dari India serta NanoBiotix dari Perancis. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya percaya Yang Berhormat, jumlah syarikat yang begitu betul-betul di dalam nanoteknologi di Malaysia ini, hak milik Malaysia

ini, tak lah begitu ramai , tapi saya tahu juga ada syarikat-syarikat hak milik Malaysia tetapi di luar negara yang ingin balik ke Malaysia.

Jadi cara manakah kita boleh menggalakkan mereka pulang balik ke Malaysia supaya penyelidikan-penyelidikan yang telah dibuat di luar negara itu boleh kita dapat di Malaysia, maka di situlah baru *branding* Malaysia kita boleh adakan.

Saya rasa inilah cara-cara untuk kita *jump start* dengan izin, betul-betul nanoteknologi, bukan nama saja tetapi teknologi yang betul-betul. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. Saya rasa di sini berkaitan yang lebih fokus kepada persoalan asal ialah bioteknologi bukan nanoteknologi.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengannya dia ada memang ada! Daripada bioteknologi kita ada nanoteknologi. Nanoteknologi itu lagi hebat!.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Saya faham, tapi nanoteknologi bukan saja implikasinya dalam bioteknologi, nanoteknologi implikasinya lebih meluas. Jadi dalam persoalan yang ditanya adalah berkaitan bioteknologi, itu yang saya katakan. *So that means*, saya sepatutnya menjawab pertanyaan bioteknologi sajalah berasaskan soalan asas, soalan yang asal.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita sebenarnya telah ada skim ataupun geran penyelidikan untuk pengkomersialan iaitu selalu saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu *Techno Fund*.

Iaitu jikalau ada mana-mana *company*, terutamanya *company* daripada rakyat Malaysia ingin *joint venture* ataupun memindahkan teknologi mereka ke negara kita, kita kerajaan sangat mengalu-alukan. Jadi mereka boleh mencarikan *partner* di mana-mana dengan syarikat ataupun *researcher* di Malaysia. Melalui program itu mereka boleh memohon *Techno Fund* sehingga RM13 juta untuk membantu membangunkan atau memindahkan teknologi itu di Malaysia.

Jadi kita memang telah ada skim, hanya *researcher* di sana dapatkan seorang, dua *partner* di Malaysia dan melalui *partner* di Malaysia memohon geran *Techno Fund* untuk memindahkan teknologi mereka di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita bukan sahaja biotek, nanotek dan sebagainya seperti Yang Berhormat Arau, dia cenderung kepada nanotek kerana di Perlis itu kurang [*Ketawa*].

Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini peruntukan pihak kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan juga Rancangan Malaysia Kesembilan, begitu juga kos *benefit analysis* telah dibuat oleh pihak kementerian, bilangan *researcher* atau orang Malaysia yang terlibat dengan biotek di luar negara?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Kepong.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini seperti yang pernah saya beri makluman, dalam Rancangan Malaysia Kesembilanlah iaitu *for future*, Rancangan Malaysia Kelapan dah lepas sebanyak seratus juta lebih.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, geran yang telah diluluskan oleh kita di Dewan di sini iaitu geran penyelidikan di bawah MOSTI adalah hampir RM2.1 bilion, geran penyelidikan ini bukan sahaja kepada nanoteknologi termasuklah bioteknologi termasuklah ICT dan juga sebagainya.

Oleh kerana di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, pemfokusan kita adalah lebih kepada bioteknologi dan juga nanoteknologi, kita memperuntukkan lebih 60% kepada geran ini, keseluruhan geran ini untuk aktiviti-aktiviti bioteknologi, nanoteknologi dan sebagainya.

Untuk makluman juga, selain itu kita juga ada geran-geran lain yang boleh menyumbang kepada pembangunan penyelidikan bioteknologi ataupun nanoteknologi, sebagai contohnya kita ada tujuh program di bawah HCD iaitu di bawah Pembangunan Sumber Manusia yang mana sebahagian besarnya adalah melibatkan program bioteknologi iaitu, Skim Biasiswa penyelidikan Gunaan Pasca Siswazah bagi pegawai dalam perkhidmatan kita juga ada skim penyelidikan *post doctoral*, kita juga ada Skim Biasiswa Penyelidikan Sains Nasional atau *National Science Scholarship*, kita juga ada skim jempunan pakar luar dalam R&D dan kita juga ada Skim *Fellowship* penyelidikan termaju luar negara. Kita juga ada skim penyelidikan pasca siswazah universiti.

■ 1050

Jadi skim-skim pembangunan sumber manusia tidak termasuk dalam RM2 bilion. Memang ada skim tambahan yang boleh kita dapat, membuatkan pengambilan ataupun *transfer* teknologi daripada luar negara kepada negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ketujuh. Saya ada sedikit pembetulan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu selepas perkataan 'menahan' dibaca sebagai Aung San Suu Kyi dan lain-lain orang. Terima kasih.

7. **Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilakah kementerian akan mencadangkan untuk melucutkan Myanmar dari Pertubuhan ASEAN bagi melanggar hak asasi dan menahan Aung San Suu Kyi dan lain-lain orang di rumah (*house arrest*) dan meminta Pertubuhan ASEAN memutuskannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat atas soalan yang dikemukakan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, proses ke arah pendemokrasian di Myanmar masih lagi belum selesai. Masalah dalaman dan sistem pemerintahan di Myanmar telah menimbulkan banyak persoalan terhadap ASEAN terutamanya perhubungan kita dengan rakan dialog, khususnya mereka dari negara maju. Namun begitu sehingga sekarang belum ada cadangan untuk menyingkirkan Myanmar dari ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia melalui ASEAN akan terus mendesak Myanmar supaya mempercepatkan proses pendemokrasiannya. Dalam pada itu, ASEAN akan meneruskan perhubungan yang membina atau *constructive engagement* dengan izin dengan Myanmar bagi mengelakkan persepsi bahawa ada perpecahan di dalam ASEAN.

ASEAN juga akan terus menggesa Myanmar supaya lebih bersifat terbuka dan memberi kerjasama positif bagi meyakinkan masyarakat antarabangsa tentang kesungguhan negara itu melaksanakan proses pendemokrasiannya. ASEAN dan juga badan-badan lain seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah dan beberapa badan NGO yang lain telah melahirkan kekesalannya terhadap keputusan Kerajaan Myanmar yang melanjutkan hukuman tahanan di rumah ke atas pemimpin Aung San Suu Kyi untuk setahun lagi yang menjadikan tahanan di rumahnya selama 11 tahun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1990 di mana melalui pilihan raya yang telah diadakan dan Aung San Suu Kyi dan LND telah menang di Burma tetapi nampaknya desakan-desakan yang telah dibuat oleh ASEAN termasuk *senior members* iaitu Malaysia bukan tidak berapa berkesan tetapi *no effect at all*. Bila kita hantar duta yang besar, *special reporter* dan sebagainya, tidak ada apa-apa kesan. Bila dia pergi ke Rangoon, *military junta* enggan berjumpa ataupun berjumpa dengan dia tetapi tidak membenarkan mereka berjumpa dengan Aung San Suu Kyi.

Jadi adakah kerajaan dan kementerian berpendapat bahawa *constructive engagement* ini boleh mencapai apa-apa atau bolehkah ia menolong atau lebih ramai orang perlu mati di Myanmar dan baru timbul kesedaran bagi pihak ASEAN?

Yang saya khawatir ialah beribu-ribu orang yang terpaksa keluar dari negara tersebut *refugees* dengan izin yang datang ke Malaysia akibat daripada situasi politik di sana. Saya rasa kerajaan perlu mengambil tindakan yang lebih aktif, jangan kita tutup sebelah mata. Ini adalah situasi yang sangat serius di mana Myanmar adalah satu anggota di ASEAN. Selain daripada *constructive engagement*, apakah sistem yang sedia ada oleh kementerian supaya kita dapat mencapai satu dasar dan sekurang-kurangnya ada satu pemaksaan yang betul-betul boleh mencapai *democracy principle* di Myanmar.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa masalah Myanmar dianggap sebagai duri dalam daging kepada ASEAN dan kepada imej kita di rantau ini dan di kaca mata antarabangsa. Ini tidak bermakna kalau Myanmar terkeluar daripada ASEAN

ataupun terkeluar daripada Bangsa-bangsa Bersatu sekalipun, masalah yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan pendemokrasian dalam negara itu boleh selesai serta-merta.

Sebab itulah dalam beberapa hal yang dahulu dianggap bahawa ASEAN cuba mempertahankan Myanmar di kaca mata antarabangsa, kita telah hentikan perkara itu sehinggakan ada pihak telah membawa isu Myanmar ini ke Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi di sana ada halangannya kerana negara China dan Rusia telah menggunakan kuasa veto supaya Myanmar tidak diambil tindakan di peringkat itu.

Ertinya di sini, bukan sahaja peringkat ASEAN tetapi di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu pun perkara ini telah dibenarkan dibawa, tetapi ada halangan yang tertentu. Di peringkat kita, kita mencadangkan, kita mengharapkan apabila ditubuhkan kumpulan, *Eminent Persons Group* dengan izin bagi mengasaskan *ASEAN Charter*. *ASEAN Charter* ialah satu piagam bagi memberikan satu wajah baru dari segi *legal* dan juga memberikan *frame work* ataupun kerangka bagi masa depan ASEAN bagi mengkhususkan perkara-perkara yang tertentu seperti soal *human rights* ataupun soal hak asasi manusia dan sebagainya bagi membolehkan tindakan-tindakan ataupun pemantauan di buat bagi negara-negara anggotanya.

Jadi kita mengharapkan apabila *ASEAN Charter* ataupun Piagam ASEAN ini terbentuk di dalam sidang kemuncak yang akan datang, ia akan memberi kekuatan kepada ASEAN untuk memastikan dan mendisiplinkan anggota-anggotanya bagi melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab sebagaimana yang dikehendaki di dalam semangat ASEAN itu sendiri. Inilah usaha yang sedang dilakukan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setiausaha Parlimen menyebut tentang mengadakan *ASEAN Charter* di mana nilai-nilai hak asasi manusia dan demokrasi akan lebih terserlah. Saya ingin bertanya kalau biasanya ASEAN bertindak berasaskan kepada *consensus*, kita semua kena setuju di sebelum apa-apa tindakan di lakukan. Apakah akan terjadi kepada *ASEAN Charter* ini kalau Myanmar tidak setuju? Apakah ASEAN dan Malaysia sendiri sanggup melakukan sesuatu yang lebih tegas dalam hal ini?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Kota Bharu. Sehingga ini terlalu awal untuk kita menghuraikan apa itu *ASEAN Charter* kerana ia masih lagi di dalam peringkat penggubalan. Benar, dalam banyak hal ada usaha, ada prinsip yang dikatakan tentang *consensus* yang diperlukan bagi negara-negara ASEAN bagi melaksanakan apa-apa keputusannya.

Sekiranya *ASEAN Charter* itu memaparkan perkara-perkara yang positif, yang berkaitan dengan soal menghapuskan kemiskinan secara bersama, tentang soal mengangkat kepentingan hak asasi manusia misalnya. Sekiranya dalam soal yang sebegitu baik ditolak oleh Myanmar, ini lebih memberikan kekuatan kepada ASEAN untuk mengatakan bahawa Myanmar, cukuplah kamu, kalau perkara yang sebegini baik kamu tidak boleh terima, maka tindakan-tindakan yang

seterusnya mungkin akan dapat diambil apabila kita telah dapat memaparkan secara jelas apakah yang ternyata di dalam *ASEAN Charter* yang disebutkan tadi. Terima kasih.

[Soalan No 8 - Yang Berhormat Datuk Juslie bin Ajirol (Libaran) tidak hadir]

9. Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapa peratus pekebun kecil yang dibantu oleh RISDA telah mencapai sasaran pekebun kecil keluar dari paras kemiskinan negara.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Pasir Puteh. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan nombor 12 kerana menyentuh perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekebun kecil pekebun RISDA bagi kategori miskin tegar bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seramai 2,392 orang manakala bagi kategori miskin adalah seramai 7,817 orang. Peratus pekebun kecil untuk dibantu oleh RISDA dan telah mencapai sasaran keluar daripada paras kemiskinan negara adalah berjumlah 2,199 orang atau 90.2% daripada kategori miskin tegar. Manakala daripada kategori pekebun kecil miskin, seramai 1,089 orang 13.9% daripada 7,817 orang.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, bagi kadar bantuan semula getah ke getah ialah RM7,000 sehektar. Manakala bantuan tanaman semula getah ke tanaman sawit ataupun tanaman lain (TSGL) ialah RM4,448 sehektar tertakluk kepada luas pemilikan iaitu kurang daripada lima hektar. Bantuan tanaman semula tersebut diberikan kepada pekebun-pekebun kecil berdasarkan kepada syarat-syarat seperti berikut iaitu:

- (i) pemohon adalah warganegara Malaysia;
- (ii) pekebun kecil yang mempunyai pemilikan tanah keseluruhan kurang daripada 40.46 hektar; dan
- (iii) pemohon mempunyai hak milik tanah yang sah bagi kebun yang dipohon bantuan tanam semula.

Sekian, terima kasih.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya yang saya kasihi Timbalan Menteri kerana lama di Sarawak 12 tahun. Dato' Syeikh pun Sarawak. Saya hendak tanya *our prophet Muhammad said* dengan izin, Tiga perkara mesti perang dalam dunia kalau kita hendak maju. Bukan marah. Satu kejahatan, kemiskinan, penyakit. Kejahilan, modal insan, Pak Lah sebut Yang Amat Berhormat.

Kemiskinan RISDA, FELDA, FELCRA, banyak lagi kalau hendak sebut dan juga KEJORA. Yang ketiga, penyakit hospital begitu hebat tetapi yang saya hendak ambil ialah

kemiskinan. Apakah kementerian telah bersedia untuk membuat R&D? Ada *database*, kerana kita menggunakan *database* untuk mengenal pasti tanah-tanah terbiar, Tuan Yang di-Pertua. Di Perak banyak dan di Kelantan juga masih banyak. Kita hendak supaya tanah-tanah terbiar ini *diincludekan* dengan izin, di dalam kelompok-kelompok RISDA ini sama ada getah ataupun kelapa sawit.

Ada potensi kerana saya tengok peratus tadi begitu hebat. Kita sudah berjaya Tuan Yang di-Pertua. Orang pembangkang tidak fikir bab ini barangkali, minta izin, tetapi kita hendak supaya beri bantuan kepada tanah terbiar. Boleh kita keluar daripada belunggu kemiskinan. Jadi, inilah yang saya rasa dan apa pandangan kementerian?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sekali lagi sahabat saya. Memang kementerian sedar bahawa negara kita masih mempunyai banyak tanah-tanah yang kosong dan juga terbiar. Tanah terbiar yang dimaksudkan adalah tanah-tanah yang dipunyai oleh orang perseorangan di kawasan luar bandar. Namun demikian, setakat ini kita belum lagi ada *database* yang terkini oleh kerana masalah tanah ataupun isu tanah adalah di bawah kelolaan ataupun tanggungjawab kerajaan negeri masing-masing. Sekian.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini pengerusi RISDA ada membuat pengumuman bahawa setiap pekebun kecil yang mempunyai kebun getah satu hektar mampu memperoleh pendapatan sebanyak kira-kira RM2,000. Saya kira kadar kemiskinan ini juga berubah dari semasa ke semasa. Kalau kos kehidupan kita semakin meningkat dengan kenaikan barang-barang, maka kemiskinannya mungkin bertambah.

Jadi, persoalan saya ialah berapa tahun sekalikah dibuat kajian bilangan ataupun peratus kemiskinan penduduk-penduduk yang miskin? Berapa tahun sekali pula dibuat kajian tentang berapa ringgitkah dan berapa ratuskah mereka yang berada di paras garis kemiskinan? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini maklumat terkini yang diguna pakai oleh kementerian adalah daripada statistik ataupun kajian yang telah dilakukan pada tahun 2004. Namun demikian, kementerian pada masa sekarang sedang menjalankan kajian atau pemutihan kepada senarai kemiskinan yang sedia ada. Dari segi berapa ringgit itu, saya tidak ada maklumat sekarang. Saya akan beri jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Sekian.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf. Tadi Timbalan Menteri menjawab soalan bersama dengan soalan saya yang bernombor 12. Boleh atau tidak saya membuat soalan tambahan? Dia telah bersekali dengan soalan nombor 12, soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlulah.

10. **Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah pelaksanaan projek pemeriksaan kenderaan secara mandatori untuk pertukaran pendaftaran atau pemilikan mempunyai justifikasi yang meyakinkan dan bukan menyusahkan rakyat. Adakah PUSPAKOM berkemampuan menguruskan pemeriksaan di bawah projek ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tebrau yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan kenderaan sebelum tukar hak milik telah pun dijalankan oleh pihak JPJ sebelum bahagian pemeriksaan kenderaan diswastakan kepada PUSPAKOM. Apabila ianya diswastakan, JPJ masih meneruskan pemeriksaan sebelum menukar hak milik di PUSPAKOM untuk negeri-negeri tertentu seperti di Pulau Pinang, Muar Johor dan Wilayah Persekutuan. Ia terutamanya untuk kenderaan-kenderaan mewah. Isu kes mahkamah yang melibatkan Encik Manoharan di Muar pada tahun 2004 telah menyebabkan JPJ terpaksa membayar ganti rugi kerana mendaftarkan kenderaan tersebut tanpa membuat pemeriksaan terlebih dahulu. Ini seterusnya telah menjadi perintah mahkamah untuk Kementerian Pengangkutan dan JPJ melaksanakan pemeriksaan sebelum proses tukar hak milik dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, PUSPAKOM kini menjalankan pemeriksaan kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan kenderaan dan juga telah mengenal pasti lebih 11,000 daripada 880,000 kenderaan yang diperiksa mempunyai identiti tidak sah kerana terlibat dalam gangguan pada nombor enjin, nombor casis dan kereta potong.

Oleh yang demikian, kenderaan yang belum ditukar hak milik perlu menjalani pemeriksaan di PUSPAKOM untuk:-

- (i) mematuhi perintah mahkamah; dan
- (ii) membuat saringan agar kenderaan yang tidak sah tidak mematuhi Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan tidak selamat daripada digunakan di jalan raya, didaftar kepada pemilik baru dan digunakan di atas jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, PUSPAKOM mempunyai kapasiti untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan tidak kurang daripada 5.2 juta setahun berbanding dengan jumlah kenderaan yang perlu diperiksa sebanyak 2.6 juta setahun sahaja. Di samping itu, bilangan cawangan PUSPAKOM telah ditambah daripada 31 cawangan kepada 64 cawangan. PUSPAKOM juga akan membuka 30 cawangannya sehingga pukul lapan malam.

Sementara itu, cawangan-cawangan di Wangsa Maju, Padang Jawa, Johor Bahru dan Mak Mandin yang mempunyai pelanggan yang ramai akan menambah hari operasi iaitu pada setiap hari Sabtu. Dengan langkah-langkah yang diambil, PUSPAKOM telah bersedia untuk menampung jumlah kenderaan yang besar bagi tujuan membuat pemeriksaan sebelum proses tukar hak milik kenderaan dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, yang membebankan rakyat sebenarnya apabila perlu menunggu untuk kenderaan itu diperiksa. Itu yang membebankan rakyat. Walau bagaimanapun, saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana mengadakan program ini demi kepentingan pengguna jalan raya.

Soalan tambahan saya, apakah piawai prosedur pemeriksaan khususnya dari segi masa menunggu? Apakah langkah-langkah memendekkan masa menunggu khususnya dengan tujuan menghalang rasuah daripada berlaku kerana orang-orang hendak memotong *queue*? Adakah sebarang jaminan keselamatan selepas pengesahan PUSPAKOM sekiranya sesuatu pemeriksaan itu kemudiannya didapati tidak ataupun *certification* itu dengan izin, tidak *valid*? Adakah PUSPAKOM dilindungi daripada diheret ke mahkamah? Minta penjelasan.

■ 1110

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan menunggu pemeriksaan terhadap sesuatu kenderaan itu, memanglah suatu yang telah kita bincangkan dari satu masa ke satu masa. Inilah orang kata dengan izin *complaints* yang kita dapati oleh pihak pengguna yang telah membawa kenderaannya ke PUSPAKOM. Ini perlu kita teliti dan kita akan kaji apakah cara-cara yang terbaik untuk melicinkan lagi perjalanan pemeriksaan di pusat-pusat PUSPAKOM ini.

Berkaitan dengan soalan tambahan Yang Berhormat tadi, apakah cara-cara untuk kita hendak memastikan bahawasanya segala pemeriksaan ini dari segi pengesahan kenderaan-kenderaan itu adalah penyelewengan tidak berlaku. Saya rasa ini juga memang dalam pemerhatian kementerian, kerana kita juga menghadapi berbagai-bagai tuntutan ataupun *complaint* daripada pihak pemilik kenderaan ini. Ini semua masih lagi kita kaji untuk kita mempertingkatkan lagi dari segi PUSPAKOM punya servis kepada pelanggan-pelanggannya. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan banyak kenderaan menukar pemilik setiap hari untuk menjual beli dan juga pinjaman dari institusi kewangan, 'mandatori' periksa kenderaan sebelum memberi pinjaman kepada peminjam. Saya ingin tanya oleh sebab PUSPAKOM tidak mampu menyelesaikan pemeriksaan kenderaan setiap hari dan banyak kenderaan. Ini mengakibatkan tunggu menunggu pemilik kenderaan yang hendak jual atau beli kenderaan ini.

Adakah kementerian bercadang bahawa lebih lesen penswastaaan diberi kepada *workshop* untuk pemeriksaan kenderaan untuk memudahkan orang awam memeriksa kenderaan. Oleh sebab ramai pemilik kenderaan tunggu menunggu setiap hari. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat hari ini pihak PUSPAKOM mampu untuk menjalankan tanggungjawabnya. Dan kerajaan pada hari ini tidak ada memikirkan atau hendak mencadangkan bahawasanya ada pihak-pihak

lain yang boleh membuat pemeriksaan kepada kenderaan-kenderaan ini. Setakat hari ini kerajaan amat berpuas hati dengan apa yang telah dilakukan oleh pihak PUSPAKOM. Terima kasih.

11. **Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah metodologi yang paling berkesan bagi membantu mangsa gangguan seksual di tempat kerja untuk mendapatkan bantuan proses keadilan di bawah undang-undang bertulis negara dan apakah keberkesanan dan kelemahan pemakaian Kod Amalan Mencegah dan Menghapus Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1990 yang dikeluarkan oleh kementerian.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius dengan gejala gangguan seksual terutama yang berlaku di tempat kerja. Namun demikian, Kementerian Sumber Manusia mendapati metodologi yang paling berkesan adalah melalui pendekatan pemupukan kesedaran di kalangan majikan dan pekerja tentang perbuatan tidak bermoral ini. Mekanisme dalaman yang ditubuhkan oleh majikan bagi menangani masalah gangguan seksual yang berlaku di dalam atau di tempat pekerjaan tersebut, merupakan proses pertama di mana seseorang mangsa gangguan seksual boleh membuat pengaduan dan memperoleh pembelaan.

Di samping itu, cadangan pindaan kepada Akta Kerja 1955 dengan memasukkan seksyen berkaitan gangguan seksual untuk menjadikan majikan bertanggungjawab bagi menyalut dan menghukum pekerja yang melakukan perbuatan tidak bermoral ini. Walau bagaimanapun, mangsa gangguan seksual juga boleh membuat laporan polis bagi mendapat keadilan melalui kanun acara jenayah dan kanun keseksaan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja sejak diperkenalkan pada tahun 1999 telah banyak membawa perubahan kepada masyarakat pekerjaan, di mana telah timbul kesedaran di kalangan majikan untuk mengadakan mekanisme dalaman bagi menangani masalah gangguan seksual di tempat pekerjaan mereka. Seramai 1,230 majikan telah mengadakan mekanisme dalaman bagi menangani masalah ini. Terima kasih.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalah gangguan seksual di tempat kerja berlaku diakibatkan oleh tindakan pihak superior terhadap mangsa yang lemah. Usaha pihak kementerian untuk memperkenalkan kod amalan ini adalah satu usaha yang baik, tetapi ia dianggap sebagai usaha separuh jalan yang tidak serius bagi menangani masalah yang sebenarnya banyak berlaku tetapi ramai mangsa yang terseksa secara diam; dia tidak boleh memberontak, tidak boleh mengadu, tidak boleh menentang tindakan itu kerana masalah tekanan pekerjaan itu sendiri. Malah dalam keadaan sekarang, pekerjaan sangat sukar diperolehi Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu, ia tidak langsung kesan *deterrent*, kesan menakutkan kepada majikan. Jadi nampaknya pihak kementerian sentiasa mengambil jalan yang terlalu mudah, tidak menekankan tentang berapa pentingnya gangguan seksual di tempat kerja. Saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, supaya kod amalan ini kalau boleh kita *qualified* kan, jadikannya sebagai satu akta, ada kesan undang-undang. Jadi boleh menghukum majikan atau pihak yang mempunyai *authority* terhadap mangsa ini dihukum secara terang-terangan dan dimaklumkan dalam media berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita melihat bahawa gangguan seksual di tempat kerja di Malaysia tidaklah begitu serius. Sebagai contohnya pada tahun ini, kita hanya menerima enam kes sahaja. Malah semenjak 1999 sehingga tahun ini, kita hanya menerima 254 kes sahaja. Walau bagaimanapun, kita terus menggiatkan pemupukan kesedaran terutama di kalangan majikan-majikan untuk menyedarkan tentang tugas dan tanggungjawab sosial serta keadilan pekerja di tempat-tempat mereka. Kita menyedarkan bahawa pekerja mesti selamat, pekerja mesti sihat, pekerja mesti merasakan tempat kerja itu harmoni dan sebagainya.

Oleh yang demikian, memandangkan kes-kes ini tidaklah begitu banyak dengan jumlah pekerja kita seramai 11.58 juta orang, kita terus mengatakan bahawa ia tidaklah serius sebagaimana yang didakwa. Apa pun cadangan Yang Berhormat untuk menjadikan kod amalan ini sebagai satu akta boleh dipertimbangkan dan dibahaskan dalam Akta Pekerja 1955. Terima kasih atas pandangan itu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat terkejut dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa gangguan seksual tidak serius. Kita boleh tengok, salah satu sebab mengapa pindaan terpaksa dibuat kepada Akta Pekerjaan dan memperuntukkan gangguan seksual ini di dalam Akta Pekerjaan itu ialah kerana kod yang sedia ada ini gagal melindungi wanita. Jadi saya hendak tanya mengapakah pihak kerajaan, kementerian enggan memperuntukkan satu akta khas untuk anti gangguan seksual di tempat kerja.

Sebaliknya memperuntukkan dalam Akta Pekerjaan, sebab Akta Pekerjaan dia ada hadnya dan bersediakah pihak kerajaan untuk memastikan Ahli-ahli Parlimen terutamanya Ahli Parlimen wanita diadakan konsultasi dengan mereka sebelum rang undang-undang pindaan ini dibentangkan di dalam Dewan ini. Bagaimana pula dengan Ahli-ahli Parlimen wanita dalam Parlimen apabila mereka menghadapi gangguan seksual. Apakah cadangan Yang Berhormat untuk menghapuskan gangguan seksual dalam Parlimen yang berlaku ini jadi satu contoh kepada majikan di luar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya amat terkejut dengan kejutan yang dibuat, sebab dia mendakwa ada gangguan seksual di Parlimen. Mana ada, itu loyar buruk sahaja.

■ 1120

Apa pun kita melihat bahawa sudah mencukupi dengan kod-kod amalan yang dibuat. Ini dia kod amalan Yang Berhormat. *[Mengangkat sebuah buku]* telah lama diedarkan. Lebih pada 1,200 buah telah kita edarkan dan akan diedarkan lagi dan dengan adanya kod amalan ini sudah di praktis, sudah diamalkan oleh majikan-majikan. Jadi berdasarkan pada rekod yang kita buat hanya 6 kes pada tahun ini dan 254 kes sepanjang 1999 sehingga 2007, mencerminkan kepada kita bahawa gangguan seksual itu tidak sampai pun 0.0005 peratus. Apa pun kita memandang walaupun ianya kecil dan tidak serius, sebagai satu perkara yang mesti ditangani seawal yang mungkin. Pendek kata majikan-majikan di tempat kita, di Malaysia ini memang banyak yang baiklah. Memang baguslah. Tidak mengganggu pekerja-pekerja. Terima kasih.

[Soalan No. 12 - Yang Berhormat Tuan Ismail bin Haji Mohamed (Kuala Krau) tidak hadir]

13. Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan memandangkan bilangan kes ragut yang berlaku di seluruh negara pada amnya dan di Sibu, Kuching, Bintulu dan Miri khasnya, pada tahun 2006. Antara angka ini, berapakah bilangan kes yang melibatkan kecederaan dan kematian.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, daripada statistik Polis Diraja Malaysia jumlah kes ragut seluruh negara yang dilaporkan daripada tahun 2006 adalah 9,551 kes dan daripada jumlah tersebut 4,264 kes telah berjaya diselesaikan. Manakala bagi tempoh yang sama, kes ragus yang dilaporkan di Kuching ialah 203 kes, di Sibu sebanyak 213 kes dan masing-masing di Bintulu dan Miri adalah sebanyak 22 kes dan 41 kes. Kes-kes yang melibatkan kecederaan adalah 25 kes di Kuching, 36 kes di Sibu, 3 kes di Bintulu 58 kes di Miri. Daripada rekod juga, tidak ada kes kematian.

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan kes ragut yang berlaku banyak di seluruh negara kita, apakah langkah-langkah yang berkesan yang diambil oleh kerajaan supaya kes ragut yang terdapat di seluruh negara dapat dikurangkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai kes-kes ragut yang terdapat di seluruh negara, sekarang ini seperti mana yang telah diumumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memasang CCTV di semua kawasan kerajaan tempatan. Kebanyakannya di Kuala Lumpur telah dipasang, tetapi di Kuching, walaupun keputusan telah dibuat, sehingga kini hanya satu sahaja dipasang iaitu di *India Street* di Kuching. Walau bagaimanapun, pihak PDRM Sarawak telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang terlibat dengan kes-kes ragut ini dan cadangan telah dibuat kepada pihak kerajaan negeri untuk memasang CCTV di tempat-tempat yang tertentu.

Namun demikian, kes-kes ragut ini daripada apa yang saya lihat dia tidak berlaku di kawasan-kawasan bandar. Kebanyakannya yang berlaku di Sarawak ini di kawasan-kawasan perumahan. Jadi di kawasan-kawasan bandar ini tidak banyak yang terlibat. Walau bagaimanapun, polis sentiasa mengadakan operasi-operasi yang melibatkan pegawai-pegawai daripada PGA, dan juga daripada polis simpanan, di kawasan-kawasan tertentu yang dikenal pasti sebagai kawasan yang selalu berlaku kes-kes ragut ini. Daripada apa yang kita lihat, banyak juga kes-kes ini telah kita selesaikan.

Tuan Lau Yong Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kes-kes ragut ini memang berlaku di kawasan-kawasan perumahan. Sebagai contoh, pagi ini sahaja, satu kes ragut, iaitu isteri kepada jiran saya kena di USJ 4 dan dua tahun yang lalu, isteri saya sendiri yang kena, ini di kawasan yang sama, "di rumah yang sama" dan saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai penggunaan PGA, polis-polis tambahan ini dan juga CCTV memang satu cara mungkin untuk mencegah berlaku kes ragut ini tetapi mungkin pencegahannya mengambil satu masa yang lama.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana kes ragut sekarang ini *getting very serious* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terutama di kawasan-kawasan perumahan yang baru, kawasan perumahan dan *target* mereka ialah perempuan atau pun wanita, yang berseorangan, mempunyai *hand beg* dan sebagainya. Jadi saya hendak tanya, adakah kementerian ingin mencadangkan kepada pihak polis, kerana IGP pun kontraknya telah dipanjangkan satu *term* lagi, so bolehkah Yang Berhormat mencadangkan kepada IGP supaya mengurangkan *under cover* atau polis yang menggunakan *plain coat* dengan izin dan kita meronda di kawasan-kawasan yang *prone* dengan kes-kes ragut ini supaya kita boleh memastikan, mengecam peragut-peragut ini dapat ditangkap *on the spot* kerana kalau kita hanya guna polis ini dengan program-program yang tertentu sahaja ini saya ingat kurang berkesan.

Dalam masa yang terdekat ini, kalau kita hendak buat drastik kita membuat sesuatu yang drastik, so apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya ini boleh Yang Berhormat cadangkan kepada IGP iaitu Ketua Polis Negara kita supaya ini mesti dilakukan dengan secepat mungkin, kerana ini telah mempengaruhi kehidupan orang ramai terutama kaum wanita. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Memanglah di antara kaedah yang kita gunakan ialah menggunakan polis-polis yang memakai pakaian *surveillance*, ini memanglah kita ada. Selalunya kita panggil SB dan sebagainya. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, di Kuala Lumpur kejadian-kejadian ini berlaku kebanyakannya di kawasan-kawasan perumahan.

Di Selangor pada tahun ini, antara Januari hingga Mei, kes ragut yang berlaku di kawasan perumahan ialah 316 kes dan berlaku di jalan besar, jalan raya. Jadi kalau hendak pasang polis, tiap-tiap jalan tu maka banyaklah polis hendak kena pasang, iaitu 500 kes lebih yang berlaku di jalan besar yang melibatkan tempat-tempat tertentu seperti di perhentian teksi dan sebagainya tidak banyak berlaku. Kita ambil contoh di perhentian teksi hanya 18 kes, di lampu isyarat 16 kes, di pasar raya 46 kes.

Jadi kes-kes di tempat-tempat ini terlalu sedikit berbanding dengan kes-kes di tempat-tempat yang saya disebutkan tadi dan kawasan ini adalah kawasan yang amat luas. Walau bagaimanapun kita sentiasa mengambil perhatian berkenaan perkara ini tetapi yang penting masyarakat sendiri pun kena faham kerana kita mestilah pandai untuk menjaga keselamatan diri kita. Mengenai langkah-langkah apabila kita pergi ke bank dan sebagainya kita mesti lihat apa dan siapa yang mengikut kita sebagainya, dan langkah-langkah ini mestilah diambil sendiri oleh orang awam. Kalau kita hendak tempatkan polis di tempat-tempat yang saya katakan tadi memang tidak cukup polis. Terima kasih.

14. Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pegawai penasihat undang-undang yang disediakan di Biro Bantuan Guaman dan sama ada tindakan diambil untuk menambah pegawai penasihat undang-undang yang boleh berbahasa Cina dan Tamil agar ia dapat membantu dalam kes penceraian bukan Islam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang berhormat. Di Biro Bantuan Guaman Malaysia terdapat Pegawai Undang-undang Gred L41 hingga JUSA B dan bagi Pembantu Undang-undang Gred L29 hingga L38 seperti jadual berikut:-

| Bil | Jawatan | Gred Jawatan | Jumlah Jawatan | Di Isi | Kosong |
|-----|------------------------------|--------------|----------------|--------|--------|
| 1. | Pegawai Undang-undang JUSA B | VU 6 | 1 | 1 | - |
| 2. | Pegawai Undang-Undang JUSA C | VU 7 | 1 | 1 | - |
| 3. | Pegawai Undang-undang | L 52 | 8 | 8 | - |
| 4. | Pegawai Undang-undang | L 48 | 7 | 2 | 5 |
| 5. | Pegawai Undang-undang | L 44 | 8 | 3 | 5 |
| 6. | Pegawai Undang-undang | L 41 | 22 | 6 | 16 |
| 7. | Pembantu Undang-undang | L 38 | 15 | 5 | 10 |
| 8. | Pembantu Undang-undang | L 32 | 20 | 16 | 4 |
| 9. | Pembantu Undang-undang | L 29 | 35 | 32 | 3 |

■ 1130

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara adalah jabatan yang bertanggungjawab dalam pengambilan baru pegawai-pegawai undang-undang. Bagi Jawatan pembantu undang-undang jabatan yang bertanggungjawab dalam pengambilan tersebut ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun Biro Bantuan Guaman menyedari keperluan pegawai yang boleh berbahasa Cina dan Tamil bagi membantu kes-kes penceraian bukan Islam. Biro Bantuan Guaman akan mengambil inisiatif untuk memaklumkan keperluan tersebut kepada pihak-pihak yang terlibat. Sekian, terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah, tujuan Biro Bantuan Guaman ialah untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan agar mereka boleh mengambil sebarang tindakan undang-undang khasnya dalam kes keluarga apabila mereka mengalami masalah keluarga, penceraian atau *custody* dengan izin, tetapi banyak kes di mana wanita-wanita yang tidak berkemampuan ini apabila pihak kami, pihak saya merujuk mereka kepada biro ini, mereka tidak langsung dapat layanan yang membolehkan mereka berkomunikasi di kaunter agar kes mereka boleh diambil oleh Biro Bantuan Guaman.

Saya hendak tahu apakah bentuk inisiatif yang akan diadakan dan jika langkah yang paling asas ini tidak dapat dibekalkan, objektif dan tujuan biro ini tidak akan dicapai. Jadi saya pohon jawapan kepada soalan ini.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau ada pihak-pihak ini pergi ke mana-mana kaunter kita haraplah di Malaysia sekarang ini semua orang boleh bertutur dengan bahasa Malaysia sedikit, *at least a little bit* dengan izin. Kalau masih lagi kita dapati orang di Malaysia ini belum cakap atau tidak tahu langsung bercakap dengan menggunakan bahasa Malaysia, ini satu keadaan saya harap pembangkang boleh betulkanlah di kalangan penyokong-penyokong pembangkang dan juga saya ingin beritahu kalau ada kes-kes spesifik di mana mereka datang ke kaunter dan langsung tidak ada jawapan ataupun tidak boleh berkomunikasi beritahulah maklumat terperinci kepada kita, kita akan ambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya hendak bertanya berapa banyakkah peguam di Biro Bantuan Guaman di Sarawak dan adakah perancangan untuk menambah melihatkan negeri itu amat besar untuk diberi perkhidmatan oleh hanya seorang ataupun dua orang di Kuching ataupun di Miri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jawapan.

Datuk M. Kayveas: Tolong ulang sekali lagi saya tidak dengar.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sama ada program untuk menambah pegawai ataupun peguam di Biro Bantuan Guaman di negeri Sarawak

memandangkan negeri itu amat besar kalau diberi khidmat oleh hanya seorang ataupun dua. Kadang-kadang peguam ini tidak boleh dijumpai di pejabat oleh sebab pergi daripada satu tempat ke tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik Yang Berhormat. Ada cadangan hendak besarkan?

Datuk M. Kayveas: Ya, kalau ada kes-kes spesifik boleh beritahu, selain daripada itu kalau adalah di pejabat itu peguam-peguam tidak ada saya ingat boleh beri laporanlah kita mesti ambil tindakan. Lagi satu kita tahu Sarawak sangat luas dan untuk mengadakan banyak peguam-peguam dan tidak ada begitu banyak kes-kes pun susah, kalau ada satu, dua peguam dan kalau mereka tidak berada di sana beritahu kepada kita, kita akan ambil tindakan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)

**MENGUBAL UNDANG-UNDANG DAN MELESENKAN SYARIKAT-SYARIKAT
RUJUKAN KREDIT (*CREDIT REFERENCE AGENCIES*)**

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

11.35 pg.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua dengan izin, bersama-sama ini saya kemukakan usul tergepar di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) yang berbunyi seperti berikut, "Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Dewan ini memberi laluan kepada Ahli Parlimen Kawasan Kota Bharu untuk membawa satu usul berkenaan satu perkara tertentu, berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu bahawa kerajaan dengan serta-merta menggubal undang-undang dan melesenkan syarikat-syarikat rujukan kredit dengan izin *credit reference agencies* atau *companies* bagi tujuan mengawasi, menyelia, mengawal dan memantau syarikat-syarikat tersebut yang memperdagangkan maklumat".

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan usul ini di atas kesedaran bahawa orang ramai telah sekian lama merasa gelisah, bimbang dan takut kerana terpaksa menanggung akibat buruk kerana maklumat kewangan mereka yang sepatutnya dianggap sulit dan kini menjadi komoditi yang sedang diperdagangkan oleh syarikat dan agensi rujukan kredit. Rakyat telah hilang

keyakinan dengan syarikat dan agensi rujukan kredit dan ini dapat dilihat daripada aduan-aduan yang dilaporkan kepada kami wakil-wakil rakyat dan persatuan-persatuan pengguna.

Maklumat yang diperdagangkan oleh *credit reference agencies* ini telah menyebabkan peniaga dan orang ramai hilang peluang untuk memperoleh kemudahan kredit daripada institusi kewangan, pinjaman kereta, pinjaman rumah dan reputasi dan nama baik mereka juga terjejas kerana maklumat yang dikeluarkan itu tidak lengkap, tidak terkini, tidak tepat dan mungkin juga melanggar peruntukan undang-undang di bawah Banking and Financial Institutions Act 1989 (BAFIA). Oleh yang demikian adalah jelas bahawa kita tidak mempunyai rangka undang-undang yang mencukupi sekarang ini berhubung dengan perlindungan data, di mana syarikat-syarikat atau agensi ini dapat dikawal.

Rakyat kita dan juga pelabur-pelabur asing yang biasa di negara mereka dengan *privacy laws* yang terkawal, mereka akan merasakan reputasi mereka dan *business* mereka juga akan terjejas jika maklumat ini tidak dikawal dan diawasi. Memang kita akui bahawa untuk pertumbuhan ekonomi negara khidmat yang ditawarkan oleh syarikat rujukan kredit ada faedahnya kerana ia membantu bank-bank dan mereka-mereka dalam membuat penilaian risiko ataupun *risk assessment* tetapi maklumat ini mestilah dikawal selia oleh kerajaan.

Kalau kita menjual barangan dan khidmat, kita dikehendaki mematuhi standard tertentu dan kita perlu memastikan barangan kita itu mempunyai nilai yang boleh didagangkan dengan izin *merchantable quality*. Saya merasakan samalah juga dengan 'perdagangan maklumat'. Di negara lain misalnya di United Kingdom kita boleh lihat bahawa perdagangan maklumat seperti ini dikawal oleh Office of Fair Trading di bawah Consumer Credit Act 1974 dan mereka juga ada Data Protection Act 1998. Di Amerika agensi-agensi ini juga dikawal oleh Fair Credit Reporting Act 1970. Oleh itu adalah jelas kepada kita, kita memerlukan satu rangka undang-undang yang mencukupi berhubung dengan perlindungan data dan maklumat orang ramai.

Dengan yang demikian, operasi 'perdagangan maklumat' seperti yang ditawarkan oleh Credit Tip-off Service Sdn. Bhd. (CTOS) atau mana-mana syarikat sekalipun mestilah diteliti dan dikaji semula.

■1140

Dengan itu saya menggesa kerajaan dengan segera menggubal Akta Undang-undang Data dan Maklumat yang berfungsi seperti berikut:

- Melesenkan syarikat yang memperniagakan maklumat seperti CTOS.
- Memastikan jenis maklumat yang boleh diurusniagakan.
- Kepada siapa maklumat berkenaan boleh didedahkan.
- Obligasi untuk memastikan ketetapan maklumat dan memastikan pendedahan maklumat tidak melanggar undang-undang tertentu.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat Kawasan Kota Bharu pada hari Rabu, 4 Julai 2007. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati, bahawa ia adalah perkara yang tertentu. Saya dapati perkara itu adalah perkara yang tertentu.

Kedua, berkepentingan orang ramai, ia adalah juga bagi kepentingan orang ramai.

Ketiga, berkehendak disegerakan, perkara ini juga perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b) Usul ini hendaklah ditangguhkan hingga jam 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[5 Julai 2007]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Kepong untuk menyambung ucapan.

11.42 pg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas saya ada menyentuh mengenai kadar pelaburan asing mengikut data daripada Unit Perancang Ekonomi dan tidak daripada CTOS. *[Ketawa]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Didapati bahawa daripada negara-negara yang paling aktif di dalam pelaburan di Malaysia ini tidak termasuk negara China. Ada ahli termasuk Sri Gading pun dia hendak galakkan pelaburan China terutama di WPI kita. Hulu Langat tak terlibat dengan hal ini. Dia pun tak tahu. Mungkin di dalam angka Unit Perancang Ekonomi kita itu ada lain-lain iaitu 37.2%,

saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan apakah negara-negara yang terlibat dengan 37.2% yang lain-lain, dan kita perlu mengkaji sebab apa negara-negara seperti China, Korea dia melabur lebih di Amerika Syarikat, di Afrika dan lain-lain negara tetapi di Malaysia tidak begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak hadir mesyuarat juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa mesyuarat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:Mesyuarat AIPA kita ini....

Seorang Ahli: Cepatkan, cepatkan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak boleh cepat juga, tak boleh cepat juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau macam ini boleh pilih duduklah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, ini satu rang undang-undang yang penting, kerana di dalam undang-undang ini ada peruntukan-peruntukan sekurang-kurangnya 10 peruntukan yang kena-mengena dengan galakan pelaburan dan yang pentingnya mengapa sejak Bajet 2001 lagi lima, enam tahun baru sahaja dimasukkan di dalam Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan. Lima, enam tahun, adakah ini bermakna cadangan ini, peruntukan ini tidak dilaksanakan, tidak dikuatkuasakan kerana lima enam tahun belum masuk di dalam rang undang-undang ini. Saya berharap Yang Berhormat, mana Yang Berhormat yang akan jawab ini Setiausaha Parlimen, Balik Pulaukah? Saya pun hairan kerana dia tak masuk di dalam rang undang-undang ini tapi.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ini MITI lah, MITI bukan kewangan. MITI.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: MITI kah? Kenapa pula MITI, MITI tak ada orang sini. Oh, ada. MITI punya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita. Kita bajet buat cadangan, syor-syor tapi tidak dimasukkan di dalam pindaan akta rang undang-undang ini lima, enam tahun. Adakah ini bermakna dalam tempoh lima, enam tahun ini tidak dikuatkuasakan. Ini yang penting dan saya pun ada tanya mengenai analisis kos faedah (*cost benefit analysis*) dalam pengeluaran langsung asing dan pertanyaan saya, adakah terdapat analisis kos faedah yang telah dibuat dalam menentukan insentif-insentif yang sesuai untuk menarik pelaburan.

Adakah kementerian sedar bahawa terdapat kajian di negara-negara tertentu walaupun ini pada teori tidak pada amalan praktis. Pada teori kajian-kajian seperti di Indonesia misalnya, yang mendapati bahawa insentif cukai sebenarnya tidak membawa kepada pertambahan pelaburan. Apakah kajian yang serupa telah dibuat oleh pihak kementerian. Saya mencadangkan supaya dengan insentif-insentif ini yang melibatkan berbilion ringgit, kita perlu buat kajian kos faedah bagi mengetahui apakah kesan kita.

Sedikit masa lagi saya akan singkatkan ucapan saya dan mengenai kajian-kajian kos faedah kita ini dan apakah rumusan analisis kos faedah ini? Apakah kos secara keseluruhan kepada negara dan apakah pula faedah-faedah yang telah dapat diperolehi hasil dari

pelaksanaan insentif-insentif ini, dan dalam berapa dekad ini kita adakan banyak insentif dan mengenai lawatan penarikan pelaburan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri terdapat lawatan-lawatan yang dibuat termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri juga, yang pergi banyak lawatan saya nampak dan lawatan yang dibuat bukan sahaja oleh Kerajaan Persekutuan tetapi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat nampak? Bererti Yang Berhormat ikut bersamalah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak, saya tak dipelawa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepong pun pergi juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana Yang Berhormat boleh nampak dia di luar negara?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Surat khabarlah, media menyiarkan kerana dia hendak tunjukkan, paparkan kejayaan lawatan itu. Bukan kita hendak tahu tapi dia hendak bagi kita tahu. Begitu berjayanya lawatan sambil kerja itu. Kerja apa pun tak tahulah itu. Jadi lawatan-lawatan dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri. Kesemuanya lawatan ini mengumumkan hasil lawatan yang paling berjaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jangan, jangan. Banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sendiri kata hendak ringkas sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya hendak jemput menteri jawab.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya ringkaskan sahaja.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong, adakah Yang Berhormat Kepong berpandangan bahawa rang undang-undang ini dibentangkan sebagai satu jawapan kepada pandangan yang disuarakan oleh Duta EU Eropah di Kuala Lumpur baru-baru ini yang mengatakan, bahawa suasana pelaburan khususnya pelaburan langsung FDI dengan izin amat muram di Malaysia ini kerana sebab-sebab yang penting, khususnya masalah yang dikaitkan dengan Dasar Ekonomi Baru, dengan rasuah dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat fikir bahawa rang undang-undang ini bercadang untuk menjawab kritikan-kritikan tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu merupakan salah satu faktor kerana setakat ini walaupun ada kritikan terhadap Duta EU, tapi saya belum nampak lagi tindakan yang lebih konkrit daripada kementerian. Mungkin ini salah satu langkah.

▪ 1150

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkinilah, kalau Tumpat tidak sebut, Yang Berhormat pun tidak fikirlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana tidak fikir, macam mana Tuan Yang di-Pertua tahu. Tunggulah dan di sini saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah bilangan dan jumlah lawatan-lawatan untuk menarik pelabur asing yang telah dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan dan berapakah bilangan sejak 1960, 17 tahun. Kalau tidak sempat, berikan jawapan bertulis.

Berapa jumlah kos sebenar mengadakan lawatan, bukan kecil peruntukan bayaran tu, berapa jumlah kos sebenar mengadakan lawatan-lawatan ini dan apakah faedah-faedah langsung dan tidak langsung daripada lawatan-lawatan ini yang boleh diterjemahkan kepada ringgit dan sen kita.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, teras pertama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan menyatakan bahawa negara ingin meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi dan ini juga bermakna bahawa kualiti dan hala tuju kerajaan dalam menarik pelaburan langsung asing harus lebih fokus dan selektif. Tetapi yang pentingnya ialah juga haruslah konsisten daripada kementerian ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa untuk Mesyuarat sudah sampai.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak sampai lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh berikan sedikit sebanyak contoh masalah-masalah, tetapi ini tidak banyak kerana nampak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya takut kawan-kawan Yang Berhormat tunggu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri dia hendak tahu, dia pun ahli jawatankuasa itu. Dia pun ahli jawatankuasa AIPA, kita mesti bagi tahu Yang Berhormat Padang Rengas, AIPA, [*Ketawa*] jika dibandingkan tidak tahu apa AIPA sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Betullah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jika dibandingkan dekad yang lepas, di sektor manakah fokus utama negara dalam menarik syarikat-syarikat antarabangsa untuk melabur dalam negara ini untuk sedekad yang akan datang. Apakah kita sudah bersedia dari segi kualiti sumber manusia, untuk memenuhi keperluan-keperluan pelabur-pelabur asing ini di era Tun Mahathir misalnya, fokus yang besar kepada sektor ICT sehinggakan ramai graduan yang lahir dalam bidang ini tetapi kebelakangan ini nampaknya sektor ini kehilangan kelihatan kurang menyerlah jika dibandingkan dengan industri asas tani seperti bioteknologi, biodiversiti dan sebagainya.

Apakah senario ekonomi yang kita akan lihat dari sekarang, apakah hala tuju ekonomi negara sebenar. Ini mengenai rekod perpindahan pelabur-pelabur asing dari negara ini sejak 1990an dan sebab utama di sebalik perpindahan ini, ini penting. Kerana banyak kilang kita

berpindah kepada negara seperti China dan Vietnam dan juga India dan kita sedia maklum bahawa sejak sedekad yang lepas terdapat perpindahan pelabur-pelabur asing yang melabur di negara ini ke negara-negara seperti China, Vietnam dan lain-lain negara dan adakah terdapat kajian yang dibuat oleh kementerian akan sebab musabab utama perpindahan ini.

Berapakah bilangan pelabur yang terlibat dan apakah sektor-sektor yang terlibat. Tetapi yang lebih penting, apakah sebab-sebab utama perpindahan ini, adakah disebabkan oleh kos atau kekurangan kemahiran tenaga buruh atau masalah-masalah lain seperti birokrasi, rasuah dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, misalnya Motorola, berapa bilangan kilang Motorola yang masih ada di negara ini dan apakah bahagian yang dipindahkan kepada negara China. Saya setuju bahawa pekerja-pekerja kita terutamanya dalam bahasa Inggeris mungkin lebih mahir daripada di negara China dan mungkin ini merupakan salah satu faktor syarikat-syarikat multinasional seperti Motorola akan kekal sebahagian kilangnya di Malaysia

Tetapi saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab setakat mana pihak syarikat-syarikat seperti Motorola dapat kekalkan kilang di sini dan bahagian yang dipindahkan kepada China ataupun mungkin kepada India. Terdapat kajian yang mendapati bahawa kos keluar atau *exit cost* adalah salah satu faktor, *exit cost* yang penting dalam penentuan keputusan syarikat-syarikat antarabangsa sama ada untuk melabur atau tidak dalam sesebuah negara. Apakah kedudukan kita jika dibandingkan dengan negara-negara lain dalam hal ini. Tuan Yang di-Pertua, kos keluar atau *exit cost* itu penting di dalam pelaburan. Saya akan pendekkan, banyak lagi. Saya hendak ulangi bahawa pihak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak pendek, lagi hendak ulang sekali.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ulang kerana penting saya tidak pernah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak payah hendak ulang-ulanglah....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Siapa yang bising sekarang? Tuan Yang di-Pertua mesti mengambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada seorang yang bising.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya akan ambil sekeras-kerasnya.

[Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, saya mencadangkan supaya kerajaan membuat kajian-kajian yang menyeluruh terhadap kesan-kesan insentif-insentif cukai. Kajian ini haruslah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya kita dapat tahulah setakat mana pihak kementerian sudah berjaya seperti mana yang sentiasa dilaung-langkan oleh Yang Berhormat menteri. Beberapa faktor termasuk data yang terhad, kajian-kajian antarabangsa, keputusan-

keputusannya adalah tidak tentu dan juga saling bertentangan. Terdapat perbezaan dan perubahan cukai seperti liberalisasi, perdagangan atau ketelusan dan lain-lain yang mempengaruhi keputusannya.

Tuan Yang di-Pertua, kadar cukai yang berkesan adalah bergantung kepada interaksi yang rumit di antara kadar *statutory*, rejim-rejim depresiasi dan juga peruntukan-peruntukan *clause carry forward*, inflasi dan lain-lain. Banyak faktor yang mempengaruhi kadar cukai yang berkesan.

Pada keseluruhannya bukti menunjukkan cukai-cukai boleh membawa kesan-kesan penting ke atas pelaburan. Ada kajian yang memutuskan bahawa, saya tidak sebutkan kerana ini pada teorilah, kita hendak amalan dan pada praktisnya yang akan dikaji oleh pihak kementerian. Kajian yang memutuskan bahawa kadar CIT mempengaruhi dengan ketara, pelaburan langsung domestik dan asing. Adakah benar bahawa bagi kekurangan setiap satu *point* kadar pendapatan cukai korporat, FDI pelaburan langsung asing meningkat 2%, kekurangan satu *point* dia meningkat 2%. Adakah ini benar. Skim-skim insentif cukai yang rumit tidak semestinya lebih berjaya berbanding dengan rejim-rejim CIT yang *simple* yang menumpukan kepada semua bentuk pelaburan dengan kadar rendah dan seragam semacam di Hong Kong. Hong Kong mempunyai sistem percukaian yang *simple* dan sebagainya dan mungkin dia lebih menarik daripada insentif-insentif.

■ 1200

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak gulung dah. Kita belum pasti sama ada insentif-insentif percukaian khas seumpama *tax holiday* dan *differential tax rate* yang termaktub di dalam undang-undang ini adalah lebih berkesan. Kita belum tahu dan kajian-kajian insentif-insentif cukai menyeluruh di Brazil, di negara ini sendiri dan di Thailand daripada 1995 tidak dapat memastikan sama ada insentif-insentif menyeluruh ini dapat membantu pelaburan dan pelaburan pun kita tidak tahu setakat mana bermakna untuk negara ini.

Sebenarnya banyak lagi yang tercatat di sini tetapi cukuplah bagi saya kerana soalan itu terlalu banyak dan saya pun tidak tahulah jawapan akan disediakan oleh pihak kementerian untuk hari ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum saya membenarkan Yang Berhormat berucap, saya minta mengemukakan usul. Yang Berhormat Menteri akan membawa usul.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT****12.01 tgh.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini serta sehingga selesai ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa 10 Julai 2007”.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita sambung semula. Tadi ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun. Saya akan membenarkan ketiga-tiga selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Kinabatangan sila.

12.03 tgh

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Rang undang-undang menggalakkan pelaburan ini merupakan suatu usaha rasa saya yang murni untuk melihat ke arah bagaimana negara kita Malaysia boleh menarik minat para pelabur asing dari seluruh negara dan ternyata usaha-usaha ini memang telah menghasilkan sesuatu.

Walau bagaimanapun, satu pendekatan rasa saya perlu dilihat oleh kementerian dan kerajaan secara menyeluruh sebab senario banyak pelabur-pelabur asing yang pada suatu ketika dahulu datang melabur ke negara kita tetapi mereka berpindah negeri ataupun berpindah arah. Kita tidak tahu apa sebab musabab dia sehingga mereka menutup seluruh rangkaian perniagaan dan berpindah sama ada ke China, Thailand atau Vietnam.

Saya perkara yang kita perlu ingat bahawa memang menjadi suatu lumrah pelabur-pelabur asing ini sebelum mereka melabur, mereka kena dahulu melihat bagaimana senario

ataupun keadaan di negara yang mereka hendak membuat pelaburan dan sudah semestinya mereka melihat akan keselamatan sesebuah negara itu, daripada kestabilan politik dia, bagaimana ekonomi dia mengembang dan bagaimana kerajaan dia dan juga bagaimana pengurus tadbir dia dari segi *delivery system* atau sistem penyampaian dia, tidak melengah-lengahkan permohonan sebab ada juga saya mendapat maklumat bahawa pelabur-pelabur ini mereka datang dengan membawa berjuta atau berbilion ringgit tetapi kerenah birokrasi di kalangan pegawai yang mengeluarkan satu-satu dokumen itu begitu mengambil masa sehingga mereka tidak mahu menunggu. Mereka tidak tahan lagi menunggu dan dengan ini mengakibatkan kerugian kepada negara kita.

Menteri dia, kementerian harus melihat bagaimana pelaksanaan di peringkat bawah ini boleh berjalan secara telus. Kalau tidak, kalau mereka terus melengah-lengahkan permohonan yang seharusnya satu bulan, jadi satu tahun maka pelabur-pelabur asing ini akan tidak berhasrat untuk membuat pelaburan dalam negara kita sebab kerenah birokrasi itu sahaja telah mengakibatkan mereka mengalami kerugian dan sebagainya.

Kadang-kadang ada pelabur-pelabur asing di minta untuk membuat *presentation* dan sebagainya, dua tiga kali, empat lima kali, tidak juga berjaya. Mereka telah kerugian dan Alhamdulillah, walau pun dalam keadaan yang sebegini ekoran daripada kemantapan pimpinan negara kita campur tangan kepimpinan tertinggi itu sendiri telah berjaya membawa pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam negara kita dalam berbagai-bagai industri.

Ini telah menyebabkan kerajaan berjaya pula memberi kenaikan gaji kepada kakitangan awam di atas apa yang kita peroleh ekoran daripada kebaikan ekonomi negara kita. Dalam masa yang sama kerajaan juga telah melihat bahawa dengan adanya akta seumpamanya ini ianya akan dapat terus menarik pelabur-pelabur asing itu ke negara kita dengan berbagai-bagai industri yang kita sediakan tetapi ini tidak cukup memadai sebab kerenah manusia itu harus ditangani dengan sebaik mungkin.

Banyak saya dengar keluhan-keluhan daripada pelabur-pelabur asing ini jadi ia mengakibatkan rasa saya satu kerugian besar bukan sahaja kepada kerajaan juga kepada rakyat. Dengan kehadiran mereka ini, ekonomi kita berkembang di samping dengan pelabur-pelabur tempatan itu sendiri tetapi ada pula masyarakat kita yang begitu daif saya rasa. Seharusnya kita berada dalam negara sekular, kita harus melihat ke hadapan iaitu apabila datang duta EU mengkritik dasar kerajaan iaitu Dasar Ekonomi Baru.

Dia itu, rasa saya diberi penjelasan yang cetek oleh mereka yang telah bertanggungjawab. Dia melihat Dasar Ekonomi Baru itu menjurus untuk membantu satu kaum sahaja. Sedangkan dia harus melihat dalam negara Malaysia ini banyak bergantung kepada kesaksamaan kepimpinan iaitu ekonomi harus diseimbangkan di antara satu kaum dengan kaum yang lain supaya negara kita lebih kukuh, lebih aman dan lebih adil sebab berlaku di negara-

negara lain apabila ekonomi melepasi batas suatu kaum itu sendiri kaum yang lain pula tidak berpuas hati dan berlakulah rusuhan perkauman di antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Saya harap kerajaan boleh memberi penjelasan yang sebaik mungkin khususnya kepada duta-duta daripada luar betapa inilah amalan yang menjadi satu formula yang berkesan kepada negara Malaysia, membentuk rakyat Malaysia dalam satu generasi yang memungkinkan kita akan berkembang ke generasi-generasi yang seterusnya.

Saya ingin bertanya kerajaan berkenaan kenaikan gaji kakitangan awam, kerajaan pula dalam masa yang sama menaikkan pula cukai rokok. Saya melihat daripada RM23 bilion yang dikutip oleh kastam, RM4.3 bilion daripada hasil jualan rokok. Dalam masa yang sama, seluruh NGO, Kementerian Kesihatan berkempen supaya berhenti merokok. Memang untuk sihat tetapi kalau mahu mati, mati juga Tuan Yang di-Pertua.

Bayangkan kalau semua rakyat Malaysia berhenti merokok, dari mana RM4.3 bilion itu datang pula. Cukai dari mana kita hendak ganti.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Dari pelaburan.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Dari pelaburan mana? Inilah masalah seharusnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa bilion Yang Berhormat kata?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: RM4 bilion lebih. Dari mana hendak dikutip kalau semua orang berhenti merokok dan apakah jaminan apabila seluruh rakyat tidak merokok, tidak ada orang mati? Tidak juga ada. Persoalannya sekarang kerajaan harus melihat bukan dari segi itu, sebab negara-negara maju ini, mereka lebih

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada hisap rokokkah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada hisap rokok?

■1210

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya sosial. Kadang-kadang saya hisap, kadang-kadang saya tidak. Saya tidak membeli kerana membazir.

Yang Berhormat Kinabatangan, sebenarnya memang merokok itu memudaratkan tetapi barangkali Yang Berhormat bercakap dari segi hak asasi manusia, hak sendirilah merokok itu. Jadi, apakah Yang Berhormat juga ingin mencadangkan supaya generasi muda ini kita latih supaya mereka tidak merokok. Generasi kita tidak apalah kerana tidak ada kempen pada zaman dulu dan ada yang berumur hingga 80 tahun pun hidup merokok, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan *bill* kesihatan dan ini bukan *bill* kastam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, tidak. Saya faham. Saya cuma hendak kaitkan pasal dia marah merokok tadi itu. Ada juga dalam kawasan saya, Tok Imam itu umurnya sudah dekat 70 tahun lebih. Dia merokok daripada muda sampai sekarang tetapi generasi muda ini kita latih supaya jangan merokok. Apakah Yang Berhormat bersetuju juga dengan pandangan saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya memang bersetuju sebab ini merupakan satu amalan yang sihat. Walau bagaimanapun, dari segi ekonomi, kerajaan kena mencari pula, apabila ini dimansuhkan, bagaimana pula pengganti dari segi kekurangan pendapatan tersebut sebab rokok ini juga pelaburan luar. Mereka melabur dengan berjuta-juta, berbilion-bilion dan kita akan kehilangan keuntungannya. Negara lain pula, negara maju yang meminta negara tidak maju itu supaya menjaga kualiti kesihatan tetapi mereka pula menjadi produser. Ini kena difikirkan. Mereka mengaut keuntungan tetapi dalam masa yang sama mereka menghalang kemajuan negara orang lain.

Ada ramai penagih dadah yang saya temui, dia kata, kita bayangkan bagaimana statistik dalam negara kita apabila tidak ada dadah, dia boleh merompak, dia boleh merogol dan dia boleh membunuh. Sekarang ini trendnya, budak-budak berumur 8 tahun, 10 tahun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini langsung tidak berkaitan dengan pengalakan pelaburan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ekoran daripada suasana ekonomi tidak baik itu, pelabur tidak datang. Apabila ada unsur-unsur macam pelajar Korea dibunuh oleh sebab letak kereta, baru-baru ini budak perempuan hilang dan sekarang ditemui terbakar, bagaimana boleh berlaku? Ini sebab daripada kegilaan, apabila dia ketagih dadah, tidak ada dadah, dia boleh membunuh. Dia tengok budak kecil itu pun macam dadah juga.

Jadi, ini merupakan satu senario yang kita perlu elak. Saya tanya kawan-kawan, kalau dia sudah gian merokok dia kata, saya tidak boleh bayangkan macam mana pula perbuatan orang gian merokok tetapi ia boleh diperoleh. Jadi, walaupun ada promosi dari pihak kerajaan, kita harus lihat dari segi fleksibilitinya, bagaimana kemungkinan-kemungkinan sebab rokok ini mendatangkan hasil yang lumayan kepada pendapatan negara dan pendapatan itu saya percaya digunakan untuk membangun masyarakat di luar bandar. Apabila luar bandar membangun, pelabur-pelabur asing pun akan datang beramai-ramai sebab mereka lihat bahawa Malaysia adalah merupakan satu pusat yang berkualiti dari segi buruh-buruh dan sebagainya...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Silakan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya rasa Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju, kita hendak rakyat masyarakat kita sihat dan lebih sihat. Apabila dia lebih sihat maka

aspek pelaburan itu maknanya akan menjadi lebih sihat dan boleh mengatasi masalah RM4 bilion yang hilang daripada rokok. Itu satu.

Keduanya, saya hendak tanya Yang Berhormat. Ini kita fokus, minta maaf pasal rokok ini tadi, kita fokus kepada generasi muda. Yang Berhormat ada anak bukan? Saya pasti kita pun tidak hendak mereka ini terjebak dalam merokok. Dalam konteks dadah ini sebenarnya hampir 100% mereka yang terjebak dalam dadah itu ialah dari rokok. Apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang pandangan yang baik. Cuma saya kurang bersetuju. Saya juga pernah berhadapan mereka tidak pernah merokok dahulu tetapi mereka terjebak dengan pergaulan dalam dadah, mereka terus menuju kepada dadah. Ini bergantung kepada ibu bapa sebenarnya, bagaimana pendedahan mereka kepada generasi ataupun modal insan ini. Memang saya setuju supaya kita kalau boleh menggalakkan - jangan menghapuskan. Dalam negara terbuka begini, ekonomi juga merupakan satu faktor yang boleh mendatangkan kebaikan kepada negara. Sesebuah negara itu, dalam al-Quran ada berkata, bahawa apabila kita miskin maka kita akan menjadi kufur. Negara yang miskin tidak ada orang mahu melabur. Apabila tidak ada orang mahu melabur, maka rasa saya lebih baik dia merokok daripada dia membuka tong sampah di pinggir jalan untuk dijadikan makanan. Saya lebih rela menengok dia merokok daripada dia merempat, berjalan kaki mencari makan di parit-parit seperti negara-negara yang lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang penghisap rokok tidak dihapuskan, betul kah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak. Cuma ada rakan-rakan menyarankan. Saya kata lebih baik kita melihat dia merokok daripada melihat anak-anak tersebut berbaris di pinggir-pinggir jalan, mengutip buangan makanan untuk dijadikan bahan makanan sebab mereka miskin. Itu *point* saya...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan, Yang Berhormat. Saya bercakap pasal rokok. Ini pun pelaburan juga. Syarikat-syarikat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi saya sudah cakap, tetapi Kinabatangan kata dia hendak wujudkan satu keadaan yang aman supaya mendapat pelaburan asing. Sebenarnya kita sekarang bukan dalam *bill* kastam atau *bill* kesihatan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak. Dia ada juga syarikat rokok luar negara yang melabur di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Ada, Syarikat RJ Reynolds daripada Amerika dan Philip Morris ada berkaitan untuk pelaburan. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat, harga rokok telah naik dan pendapatan kepada kerajaan akan bertambah. Maknanya Yang Berhormat sekarang membayar lebih, mungkin RM10 lebih sekotak, tetapi jangan lupa...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: RM8...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: RM8 ya? Jadi maknanya *confirm* saya bukan perokok, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: [*Mengangguk*] Hisaplah. Menghisap secara tidak langsung untuk membantu kerajaan menambah cukailah...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ..[*Ketawa*] Ya, ya, dan menyelamatkan kawan daripada sakitlah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Hati baik sangat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, baik, baik, tetapi adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat sedar bahawa penyeludupan sekarang ini meningkat. Dia menyeludup rokok tiruan dan ini lebih memudaratkan. Jadi, apakah cadangan Yang Berhormat supaya pelabur-pelabur, syarikat-syarikat rokok yang masuk itu pun okey melabur di sini dan kerajaan pun telah banyak stok dari segi pengiklanan. Sukan pun sudah tidak ada. Kalau tidak, dulu sukan diiklankan oleh syarikat rokok tetapi sekarang sudah tidak ada. Namun adakah Yang Berhormat sedar bahawa kerajaan sekarang ini rugi cukup banyak kerana penyeludupan rokok dan rokok tiruan. Terima kasih. Ini melibatkan pelaburan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, memang saya menyedari. Justeru itu, di situlah peranan pihak penguat kuasa sama ada Marin ataupun Kastam itu. Mereka harus bertanggungjawab sebab kalau mereka menjadi penguat kuasa yang bijaksana, akhirnya akan membawa kepada keuntungan negara sebab tidak ada penyeludup, bermakna apa pun yang masuk akan menjadi cukai pendapatan negara. Ini, Tuan Yang di-Pertua, ada kaitannya dengan kastam sebab kalau kastam tidak bekerja, Marin tidak bekerja, penyeludup masuk, rokok yang mereka bawa, satu sen pun kita tidak dapat, yang kita dapat adalah ancaman kesihatan. Ini saya setuju supaya kalau boleh, pihak penguat kuasa kita lebih mempertingkatkan bukan sahaja pengawasan bahkan mereka akan mempertingkatkan pemantauan tanpa ada unsur-unsur rasuah.

Memang kita akui, mereka bekerja keras untuk membanteras penyeludupan ini untuk kepentingan ekonomi negara, tetapi kalau boleh dipertingkatkan lagi. Jika tidak cukup dengan ini, kita ada polis, PGA yang bekerja 24 jam, mereka *standby*. Kita gunakan mereka ini untuk memerangi bukan sahaja penyeludup rokok bahkan penyeludup apa juga, sama ada manusia atau dadah, apa sahaja bentuk unsur-unsur negatif supaya kita banteras mereka dari masuk ke dalam negara kita. Kalau sudah masuk seperti dadah atau rokok ini, semua orang pun membeli sebab ia murah daripada yang dijual dengan harga yang berbayar cukai.

Jadi ini merupakan satu kerugian kepada ekonomi negara kita dan dalam usaha kita menarik pelabur asing datang, tetapi kita ada kelonggaran pula membuka pintu kepada pelabur-pelabur yang tidak halal ataupun tidak sah. Jadi, ada dua perkara yang berlaku dalam masa yang sama. Untung sedikit, rugi sedikit. Akhirnya kita *balance*, tidak dapat untung apa-apa. Kita *zero*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasin. Kastam kah?

■ 1220

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Ini bukan Kastam Tuan Yang di-Pertua. Yang ini kita bincangkan untuk galakkan pelaburan tetapi saya juga mendengar rungutan daripada pelabur-pelabur, selain daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi, kita banyak sangat *red tape* untuk meluluskan kelulusan permohonan mereka untuk buka kilang dalam negara. Adakala bila orang sudah hendak labur dalam negara kita tetapi kerajaan tolak dengan berbagai-bagai alasan, tolak pelabur hendak datang ke negara kita, kita tolak. Walhal pada hari ini, kita lihat banyak kawasan-kawasan industri kita dekat Klang baik, di Melaka baik dan rata-rata ada yang kawasan perindustrian kita kosong. Sabah banyak orang tidak datang melabur, kosong dan banyak orang-orang di Sabah menganggur. Jadi mengapa kita ini terlalu memilih-memilih, ada yang kita terima ada yang kita tolak. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Dia memang berlaku. Satu contoh dia, kita ada 14 negeri, kenapa pilihan pelabur asing ini datang ke Selangor, ke Lembah Klang, Pulau Pinang dan yang strategik. Kenapa tidak di Sabah, kenapa tidak di Sarawak? Justeru kita lihat pecutan ekonomi negeri yang banyak pelabur asing itu lebih nampak ketara pendapat dia, keuntungan dia daripada negeri-negeri yang tidak ada pelabur. Ini memang jelas. Jadi kenapa ada unsur-unsur pilih kasih, birokrasi. Saya bukan menuduh tetapi ada unsur-unsur sogokan yang mereka minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kerajaan dan kementerian ini harus lebih serius, harus lebih telus untuk melihat bagaimana kesungguhan, tidak ada guna akta kita ini kalau di bawah tidak bekerja sepenuh hati, tidak ada ikatan ketelusan. Kerja yang seharusnya boleh diperoleh oleh pelabur asing dalam masa tiga bulan dijadikannya dua tahun. Akhirnya kita akan kerugian Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang penting bukan sahaja akta harus dipinda, mentaliti kita semua termasuk penyampai-penyampai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Di peringkat bawah ini harus berubah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sedikit sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah minta dia gulung Yang Berhormat, baru hendak bangun...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ucapan saya ini boleh masuk dalam gulungan dia Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak ambil bahagian, badan tidak berapa sihatlah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sudah tidak berapa sihat, boleh rehatlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kerana batuk Tuan Yang di-Pertua tetapi kerana Parlimen lebih penting Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab merokoklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mungkin, mungkin kerana rokok tetapi orang yang tidak merokok pun batuk juga Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

Kita memang mengalu-alukan pelabur daripada luar Tuan Yang di-Pertua dan pihak kita pun memang ghairah sangat. Pelabur-pelabur bukan sahaja dibawa oleh MITI di negara kita, oleh kementerian-kementerian yang berkaitan malahan kerajaan negeri juga begitu ghairah menarik pelabur. Kita ucapkan tahniah atas usaha mereka tetapi satu yang menjadi saya satu keralatan..., betul bahasa itu? Satu apa, ralat? Ralat! Satu kemusykilan. Satu rasa ralat, kemusykilan, atau apa bahasa yang seumpamanya, kerana dalam keghairahan kita memanggil, menarik, menjemput pelabur daripada luar tetapi apabila pelabur sudah sampai ke negara kita sudah membuka kilang, *factory* dan sebagainya peluang kepada rakyat tempatan tidak dipedulikan. Apa makna pelabur yang datang ke negara kita mengambil segala kemudahan asas dan berbagai-bagainya tetapi kita tidak membuat satu undang-undang yang benar-benar pekerja tempatan atau rakyat tempatan akan lebih dahulu menikmati kerja-kerja yang disediakan oleh kilang-kilang ini. Ini... *[Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun]* Nanti sekejap Kinabatangan.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Beratus ribu orang di luar Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi dua, tiga juta orang dari luar datang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana *you* boleh minta Kinabatangan duduk Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya Tuan Yang di-Pertua, tak apalah Kinabatangan hendak gulung sekali dengan ucapan saya ini, dia gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, bolehlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kerana majikan-majikan ini lebih mementingkan keuntungan, kerana gaji yang dibayar begitu murah kepada pekerja-pekerja asing dan kerana itu kita memang untung, ghairah berjaya dalam menarik tetapi rakyat? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, saya tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan, Kinabatangan boleh beritahu Sri Gading, saya lebih minat mendengar Yang Berhormat berucap dengan cara inilah, yang lembut sikitlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...*[Ketawa]*.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, betul saya memang lebih suka Yang Berhormat berbicara sedemikian rupa. Sebab boleh melambangkan satu hasil yang mungkin kesimpulan dia juga boleh lebih kurang begitu, lemah lembut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Biasanya dia keras sangat, bising sangat, tidak begitu elok. Ini macam lebih baiklah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]*. Jadi Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya tidak begitu bersetuju 100%, sebab antara lain satu syarat pelabur-pelabur asing ini datang ke negara ini iaitu tenaga buruh kita itu bukan sahaja berkualiti, berdaya saing tetapi juga dari segi bayaran dia lebih, bukan tinggi tapi sederhana. Jadi inilah antara lain senario yang boleh mendatangkan pelabur asing kalau pekerja dia ada kualiti tetapi harga dia tinggi, dia tidak akan menuju ke negara kita. Dia akan melancong, melencong ke negara lain sebab mereka ini mencari tenaga yang boleh diasuh, boleh diberi pendidikan dan dalam masa yang sama, mereka tidak begitu mahal.

Baru-baru ini timbul tuntutan daripada MTUC untuk mempertingkatkan gaji kakitangan swasta iaitu syaratnya RM900 campur RM300, RM1200 dan kerajaan berfikir...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau ini diluluskan, alamat semua pelabur-pelabur ini akan gulung tikar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Puteh, Puchong bangun.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...an ini akan mendatangkan mudarat kepada ekonomi negara kita. Siapa dahulu bangun?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Puteh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, Pasir Puteh dahulu baru Puchong.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, abang saya. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kalau abang boleh bincanglah Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak hendak panjangkanlah kerana soal galakan pelaburan ini penting. Cuma pelaburan-pelaburan saya rasa yang tidak pentingnya kita kena halang. Satu pelaburan haram. Contoh kalau dia mari melabur untuk industri, dia ikutlah kita punya syarat-syarat dalam negara kita. Ambil orang tempatan kata 'Datuk Mat' tadi tetapi kalau dia mari melabur seks, saya tidak setuju, itu haram mutlak. Terima kasih, apa pandangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang kita, kerajaan pun tidak menggalakkan. Cuma pelaburan seks itu mungkin dia buat secara tidak sah. Negara kita tidak menghalalkan seks secara terbuka dalam industri ini. Sebab itu jelas, itu bukanlah satu pelaburan yang kita alu-alukan. Sila Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Berbalik kepada topik yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading. Saya memang setuju dengan apa yang dijelaskan bahawa memang ada kes penggunaan tenaga kerja dari luar ini memang berleluasa di industri pembuatan dan juga perkilangan dan kerajaan kita ini melalui kementerian, MITI ini pun dia selalu memberikan slogan bahawa kita ini menggalakkan pelaburan yang tidak berorientasikan kepada tenaga buruh yang murah. Ini memang menjadi satu dasar kita tetapi hari ini, lihat di kilang-kilang di Pulau Pinang atau tempat-tempat di Selangor dan seterusnya. Ramai yang datang dari Indonesia, Nepal, Bangladesh semua ini.

Ini memang berlaku, apa pandangan Yang Berhormat bahawa dasar kita atau pun pendekatan kita sudah tidak berkesan lagi? Ada juga kementerian-kementerian tertentu seperti Kementerian Sumber Manusia yang mencadangkan kita menggunakan teknologi tinggi supaya kita mengurangkan penggunaan tenaga buruh daripada luar. Bayangkan hari ini, kita ada dua juta pekerja luar yang didaftar yang datang secara halal, bagaimana dengan yang tidak halal, yang PATI ini? Pendatang asing tanpa izin ini. Mungkin berjuta-juta juga. So adakah ini bermaknanya kementerian MITI atau Kementerian Sumber Manusia telah gagal dari dasarnya, apakah pandangan Yang Berhormat?

■1230

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, Saya memang amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Puchong.

Dalam masa yang sama kita mengalak pelabur luar datang melabur ke negara kita dengan harapan kita mendapat ROI yang berkesan. Kita harus melihat dari segi sosial memang ramai pekerja asing yang diimport. Contohnya anugerah projek terminal dua di Kota Kinabalu, dia punya kontrak *advanced* atau mendahului daripada kontrak, 27 bulan sudah siap. Dia punya tempoh siap seharusnya bulan November 2008 tapi dia sudah siap, *advanced* 27 bulan. Dia bawak pekerja semua dari Thailand lebih kurang 3,000 orang kerja 24 jam.

Memang cepat tetapi kita kerugian banyak, sebab wang yang seharusnya dimiliki oleh pekerja tempatan itu telah dibayar kepada pekerja luar dan mereka akan bawa duit itu pulang ke negara mereka dan tidak dilabur untuk pendapatan cukai negara kita

Ini pun perlu dilihat bukan itu sahaja...

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [*Bangun*].

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:..sekejap. Lebih kurang setegah juta pekerja asing yang berdaftar, yang tidak berdaftar berapa? Di Sabah memang banyak penipuan saya tahu, sebab saya sudah tanya, 17 hektar ladang kelapa sawit cuma satu orang pekerja tidak boleh melebihi daripada 15 hingga 17 hektar. Sekiranya dia ada 170,000 hektar bermakna dia memerlukan 1,000 pekerja tetapi dia buat permohonan kepada pihak-pihak tertentu termasuk imigresen daripada 1,000 keperluan dia, dia buat deklarasi 500 orang, 500 orang lagi *under ground*. Dia tak buat deklarasi maka kita rugi dari segi levi kita rugi dari segi bermacam-macam tetapi tidak ada penangkapan. Kalau buat *enforcement* semua pekerja dia kata tak ada, dalam hutan semua. Saya tahu dia sudah pakat, pakat dengan penguatkuasaan.

Jadi kita rugi, kita mahu pelabur datang tapi kita seolah-olah menggalak pula satu pelaburan yang dilakukan oleh orang kita, penguatkuasaan kita, para pelabur tempatan kita ini, mereka bukan mempertingkatkan ekonomi tetapi merugikan ekonomi. Sila, Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Bagaimana kita hendak buat satu keseimbangan ini Yang Berhormat Kinabatangan, kita perlu pelabur datang dalam masa yang sama mereka ini adalah kapitalis, mencari keuntungan seberapa maksimum yang boleh mereka mahu untung sebab itu mereka membawa masuk pendatang-pendatang, pekerja-pekerja dari negara asing. Dalam masa yang sama, kita berdepan dengan zaman globalisasi, ekonomi bebas, perdagangan bebas dan sebagainya. Mereka datang mencari keuntungan kita kena buka, kalau tak buka negara kita juga tidak mendapat hasil yang baik.

Jadi, saya mahu tanya pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, apa keseimbangan yang perlu negara kita buat supaya pelabur dapat datang, hasilnya juga dapat banyak manfaat kepada rakyat di dalam negara kita, sumbangan sosial juga ada dan sebagainya dan dalam masa yang sama masalah-masalah ini dapat kita kurangkan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya setuju dengan Yang Berhormat, kita terikat seolah-olah dalam satu keadaan. Pelabur-pelabur asing ini Tuan Yang di-Pertua, bukan saja kapitalis mereka ini *opportunist*. Mereka tidak mempedulikan apa yang berlaku dalam negara itu asalkan mereka mendapat keuntungan.

Maka di sinilah kebijaksanaan kerajaan dan kementerian serta juga kakitangan awam kita ini, kebijaksanaan mereka akan menentukan sama ada kita berjaya menghalang ancaman

globalisasi itu ataupun tidak, sama ada kita boleh berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan regulasi-regulasi yang baru ini ataupun tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya ingin mencadangkan supaya Yang Berhormat gulunglah.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Maran.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, menggulung sudah ini.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Kinabatangan gulung sekali ke Maran! Maran dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Ketawa] Okey.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Mohon Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Saya tertarik dengan hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat Kinabatangan ini, terutamanya tentang pekerja asing ini. Pekerja asing ini bukan sahaja merugikan kita dari segi pekerja tempatan ini bahkan banyak, seperti yang Yang Berhormat Kinabatangan sebutkan.

Mereka ini membawa pelbagai masalah, masalah bukan saja dari segi duit kita di bawa ke negeri mereka, kita rugi dari segi levi dan sebagainya kerana ada sebahagian daripada mereka yang tidak didaftarkan. Mereka juga membawa penyakit-penyakit yang dulunya tidak ada di negara kita dan mereka juga membawa masalah sosial yang lain termasuk jenayah. Dulu kita kurang, sekarang kita ada dua juta lebih.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, supaya kita minta kerajaan mengehadkan, meletakkan had tertentu kepada pekerja asing ini supaya mereka ini dapat dikurangkan dan dapat memberi peluang kepada pekerja-pekerja tempatan kita untuk sama-sama menyumbang kepada pembangunan negara dan dalam masa yang sama boleh memberi keyakinan yang lebih kepada pelabur-pelabur, kerana ini boleh menjejaskan pandangan pelabur terhadap Malaysia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, baru-baru ini pihak Amerika Syarikat telah menuduh negara kita, di antara negara yang paling banyak membuat *human trafficking* ataupun penjualan manusia. Ini mungkin kerana kelonggaran yang diberi oleh kerajaan itu telah memperlihatkan bahawa kita ini gemar memperdagangkan manusia. Sekiranya kita lihat perdagangan manusia ini bukan baru. Kita tengok ini wayang P. Ramlee, 'Tiga Abdul', waktu dia tebus dua orang hamba kebetulan dia punya adik-beradik, sudagar unta 'Pak Tampoyan' dia berkata, "Wau, rupa-rupanya perdagangan manusia lebih untung daripada berniaga unta". Jadi memang wujud, memang ada unsur 'wau'. Sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Ketawa] "Wau"! Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan beri laluan kepada saya.

Saya cuma nak tanya satu sahaja daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat banyak menyebutkan mengenai dengan pekerja asing dengan pelabur asing sebagai satu galakan kepada mereka datang ke negara kita.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah sekarang ini perancangan kita sebenarnya yang tidak menepati objektif kita, sebab apabila saya melihat tadi kenapa, misalnya pekerja di *airport* pun mesti kita ambil orang asing? Saya tengok budak-budak kita yang berkelulusan tingkatan lima cukup ramai, boleh mereka ambil. Kemudian pekerja-pekerja di kilang saya lihat banyak lagi mereka mengambil pekerja-pekerja asing. Jadi ini persoalan kita.

Mereka ini pula di negara kita, seperti kata sahabat saya tadi iaitu mereka guna banyak kemudahan-kemudahan di negara kita, misalnya di hospital sahaja sudah cukup. Apakah ini kita tidak kenakan kepada pihak yang membawa mereka ke sini, mereka dikenakan lipat gandakan pembayaran mereka, hospital misalnya. Sekiranya satu katil diambil oleh mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: ..kita sudah pun menidakkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sungai Petani!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:..hak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sungai Petani, saya rasa dia boleh jawablah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, adakah perancangan kita di mana satu Kementerian Sumber Manusia satu lagi Jabatan Imigresen ini tidak begitu memperhalus tentang soal-soal ini dan kita lemparkan balik persoalan ini kepada rakyat kita. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Baiklah, saya gulung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, sebab beliau sudah jauh terkeluar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya bersetuju bahawa dalam usaha kita menggalakkan pelabur-pelabur asing datang untuk melabur, beberapa perkara kita harus ambil sebagai langkah-langkah persediaan.

Pertama, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Setiu bahawa pelabur-pelabur asing ini bersifat kapitalis mereka bersifat *new colonialism* - penjajahan baru dalam industri perniagaan.

Kita sudah merdeka 50 tahun tetapi mereka mencari satu pendekatan baru untuk menjajah minda masyarakat negara kita supaya tunduk kepada kemahuan mereka.

Ini merupakan tugas seperti yang saya katakan tadi, pihak kerajaan harus mencari pendekatan yang baru dan ketelusan daripada pegawai dan kakitangan awam harus difokuskan ke arah bagaimana kita menjemput mereka melabur tetapi rakyat negara kita sentiasa terpelihara dan juga ekonomi negara kita tidak terjejas, generasi muda kita mempunyai peluang-peluang

pekerjaan dengan adanya perwujudan industri-industri baru dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sabak Bernam.

12.40 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sabak Bernam menyokong sepenuhnya Akta Penggalakan Pelaburan ini, tetapi juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini demi kepentingan negara.

Jadi Sabak Bernam berharap supaya dalam dasar pelaburan ini, kepentingan negara dari segi komposisi pekerja itu diambil kira secara lebih serius, kerana kita dapati bahawa PATI dan juga PADI, PADI bermaksud pendatang asing dengan izin dan PATI bermaksud pendatang asing tanpa izin. Berleluasa, ada yang menyebut 1.5 juta, ada 2 juta malah ada yang telah menyebut 3 juta. Maknanya kita tidak ada suatu *database* dan bahayanya kepada keselamatan negara sebenarnya tidak perlu disebutkan. Oleh kerana itulah dengan Parlimen, insya-Allah meluluskan akta ini dan dasar ini harus mengambil kira secara khusus mengenai pelaburan, terutamanya daripada luar ataupun pelaburan dalam negara yang ingin menjalankan apa juga perusahaan dalam pelbagai bidang.

Perkara yang kedua ialah Sabak Bernam ingin bertanya Skim Galakan Pelaburan sudah lama dicetuskan dalam negara ini. Sudah pasti ada yang berjaya dan ada yang kurang berjaya. Jadi Sabak Bernam ingin bertanya setakat ini, daripada skim pelaburan yang bermula daripada tahun 2001, 2002, 2003 dan seterusnya hingga kini, setakat manakah kejayaan skim ini.

Sabak Bernam ingin memberi fokus khususnya kepada rakyat di luar bandar. Jadi pelaburan ini harus memberikan fokus kepada perkara-perkara ataupun dalam bidang-bidang yang boleh menguntungkan rakyat di luar bandar, khususnya dalam konteks kebelakangan ini kemajuan bioteknologi. Kita telah menyebut bahawa atas justifikasi teknologi ini, maka berbagai-bagai teknologi baru telah dibawa ke kawasan bendang ataupun ke kawasan padi, dan kita menyatakan bahawa, kalau dahulu mudah kita mendapat pendapatan sampingan daripada ikan air tawar dalam berbagai-bagai jenis, ada ikan haruan, puyu, sepat, keli, tilapia dan sebagainya, tetapi sekarang ini sudah pupus. Jadi oleh kerana itu, Sabak Bernam berharap bahawa apa jua pelaburan yang dibawa harus mengambil kira tentang kesan ataupun impak kepada pendapatan penduduk di luar bandar.

Satu lagi perkara yang juga telah disebut tetapi Sabak Bernam ingin memberikan penegasan ialah pelaburan-pelaburan yang baru, yang ingin dibawa masuk ini harus benar-benar dibuat kajian supaya apabila ia dilaksanakan maka ia tidak nampak berunsur cuba jaya. Maknanya sebagai contoh di Sabak Bernam, suatu ketika sistem palung diperkenalkan, palung yang diperbuat daripada *fiber*. Setelah suatu peruntukan RM30 juta dilaksanakan, kita dapati palung itu tidak sesuai, kena cahaya matahari.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Melengkung ke sana ke mari dan digantikan dengan konkrit pula. Dan ini memang satu pembaziran yang sangat jelas dan harus diberikan perhatian oleh pihak kerajaan dalam konteks Akta Penggalakan Pelaburan yang ingin diluluskan. Saya persilakan sahabat saya, Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Cuma apa yang saya tanya tadi, Sabak Bernam menyebutkan bahawa modal asing datang di sini dan hendaklah ia dinikmati oleh penduduk di luar bandar. Di sini, apakah Yang Berhormat bersetuju atau tidak, kalau kita meletakkan syarat-syarat tertentu kepada pelabur-pelabur asing iaitu satu, ia kena ambil buruh-buruh tempatan. Keduanya, adakah kalau boleh ia berpakat dengan pihak pemodal di negara kita, jadi dengan lain perkataan, kita katakan harus diwujudkan *joint venture* antara syarikat asing dan syarikat tempatan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya sangat-sangat bersetuju dengan saranan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat bagi Sungai Petani dan ia harus dimanifestasikan dengan pelaksanaannya nanti. Jadi, dalam dasar yang ingin ataupun yang akan kita luluskan insya-Allah, dari segi pelaksanaannya, perkara ini harus diberikan perhatian.

Yang akhir sekali Sabak Bernam ingin secara khusus, ingin mencadangkan supaya dari segi kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan ini, satu *monitoring agency* ataupun satu jawatankuasa pelaksanaan ataupun pemantauan diwujudkan, yang melibatkan antara lain Ahli-ahli Parlimen kita sendiri yang sebenarnya perlu mempertanggungjawabkan kelulusan yang kita berikan di sini.

Jadi dalam penubuhan jawatankuasa pemantauan ini, ia bukan sahaja memastikan kelancaran, tetapi kelancaran dari segi pelaksanaan satu-satu jenis pelaburan, sama ada dari luar negara ataupun dari dalam negara dalam pelbagai bidangnya yang bersesuaian, tetapi apa yang ingin ditegaskan ialah supaya jawatankuasa ini akan menjadi sebagai *motivator* dan fasilitator. Maknanya, ia juga membimbing dan juga membantu sebagai pemudah cara supaya pelaburan yang ingin dilaksanakan itu bersesuaian di lokasi tertentu, dan pasti akhirnya memastikan bahawa ROI ataupun ia adalah strategik dari segi ekonomi dan mendatangkan keuntungan. Dengan itu, Sabak Bernam menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Puchong, selepas Yang Berhormat Puchong, Timbalan Menteri menjawab.

12.46 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas satu pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Bagi saya, saya menyokong penuh dengan pindaan ini kerana menggalakkan pelaburan ke negara ini dengan agresif lagi, dengan lebih berkesan lagi dan memang penting untuk pembangunan ekonomi negara kita.

Isu yang saya akan bangkitkan di sini ada dua, tiga isu dan saya berharap kementerian bolehlah memberi sedikit pandangan mengenai apa yang saya bangkitkan ini nanti.

Yang pertama, saya hendak tahu, apakah peranan yang strategik untuk Perbadanan Produktiviti Kebangsaan kita ataupun *National Productivity Cooperation* kita. Bagi saya, kalau boleh, kita memperluaskan lagi tanggungjawab dan fungsinya, kerana dalam era liberalisasi dan globalisasi ini, setiap negara, setiap masyarakat, mereka terpaksa berlumba-lumba untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan-pelaburan daripada negara-negara tertentu, khasnya negara-negara daripada Amerika Syarikat ataupun negara-negara Eropah.

Seperti mana yang kita tahu, daripada statistik bahawa lebih daripada 55% daripada jumlah pelaburan asing ataupun FDI ini telah memasuki negara China. Ini memberi faktor penarikan yang lain, yang kita tahu, tetapi dalam negara kita ini, setakat ini kita banyak statistik ataupun angka-angka yang telah dikeluarkan oleh kementerian, bahawa negara kita masih boleh tahan daripada segi penarikan pelaburan asing di negara kita. Persoalannya ialah, adakah kita betul-betul boleh tahan kalau dibandingkan dengan negara-negara lain untuk penarikan pelabur asing ke negara kita.

Berbalik kepada NPC ini, dan saya tahu, kalau kita baca di risalah ataupun buku-buku, laporan daripada NPC, fungsi utama mungkin mereka akan melatih pekerja dan pegawai-pegawai tertentu supaya produktiviti mereka dipertingkatkan. Fungsi kedua, mungkin mereka memberikan angka-angka tertentu, statistik-statistik tertentu dan sektor-sektor tertentu. Di dalam era globalisasi ini, kita mesti fokus, iaitu negara kita terpaksa membuat satu pengkhususan yang lebih berkesan lagi supaya kita hanya menarik pelaburan-pelaburan yang strategik, di mana pelaburan itu mestilah berasaskan kepada daya saing negara kita.

Maksud saya ialah, kita mesti mempunyai satu kajian, analisis yang lebih *detail* lagi mengenai, apakah sektor yang mempunyai daya saing negara yang tertinggi, kalau kita bandingkan dengan negara lain. Dengan izin, kita hendak tahu, *what is our competitors advantage if compare to other nations, by sector*. Saya difahamkan setakat ini, negara kita tidak ada analisis ini kerana kalau kita tidak ada analisis ini, macam mana kita boleh menggalakkan lagi pelaburan-pelaburan daripada negara tertentu.

Ini sangat penting bagi saya kerana pada masa ini, kita hanya menumpukan bahawa dalam tahun 90-an kita menggalakkan pelaburan asing daripada pelbagai negara, khususnya dalam sektor pembuatan, perkilangan dan kadang-kadang kita menjadi satu *intermediate vehicles*, iaitu kita hanya memasang sesuatu perkara di dalam negara dan dieksport di negara lain.

■ 1250

So, sampai masanya bagi saya mencadangkan kepada kementerian bahawa MPC ini peranannya mesti diperluaskan supaya dia betul-betul menjadi satu agensi atau satu perbadanan yang boleh memberi satu kewibawaan bahawa dalam negara kita ini sektor yang *top ten*, sektor yang paling *comparative* jika dibandingkan dengan negara lain. Kalau kita ada maklumat ini kita boleh sebarkan kepada pelabur-pelabur asing bahawa inilah sektor yang paling *comparative* di negara, kita boleh memberi tumpuan yang khusus dan tenaga kita untuk menggalakkan pelaburan mereka untuk datang ke sini, kepada sektor yang utama ini.

Ini kita mesti membuat satu analisa dari segi apakah sumber manusia yang kita ada, sumber asli yang kita ada. Sebagai contoh, kalau kita memberikan perhatian kepada pelaburan-pelaburan *downstream* di sektor *oil and gas*, sebagai contoh. Ini memang ada satu *advantage* untuk negara kita kalau dibandingkan negara lain yang tidak ada sumber *oil and gas*. Kalau kita laburkan, kita memberikan tumpuan kepada aktiviti *downstream*, pelaburan *downstream* di dalam sektor kelapa sawit sebagai contoh, kosmetik ataupun ubat-ubatan yang lain ataupun produk-produk *consumer* yang lain, yang ada berkaitan dengan *downstream*, sektor kelapa sawit. Ini memang memberikan satu *corporate advantage* untuk kita. Bagaimana dengan sektor-sektor yang lain?

Bagi saya ini satu analisis dan satu kajian yang menyeluruh dan mesti memberikan kajian ini secara *quarter by quarter* ataupun sekurang-kurang enam bulan sekali ataupun dua kali dalam setahun supaya kita membuat satu tumpuan atau fokus yang lebih, fokus kepada apakah sektor kita yang mempunyai daya saing yang tinggi kalau kita dibandingkan dengan negara ataupun negara kita yang lain? Ini memang satu contoh yang saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak kementerian.

Isu yang lain Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai adakah kita membuat satu kajian bahawa FTA sekarang ini, apakah *requirement* ataupun keperluan sekarang ini untuk pelabur-pelabur yang semakin sofistikated, semakin memberikan keutamaan yang berlainan? Dulu kita hanya menarik pelaburan daripada luar negara yang mereka anggap Malaysia ini mempunyai satu keadaan ekonomi, keadaan politik yang stabil, mempunyai tanah yang murah, mempunyai tenaga kerja yang murah. Ini adalah faktor-faktor yang bagi saya juga penting untuk pelaburan dan adakah sekarang ini kita dengar dasar-dasar yang lain sebagai contoh, dasar kita ada menuntut perhatian kepada pembangunan bioteknologi. Ini bermakna persepsi atau keperluan daripada pelabur asing ini, mungkin akan bertukar dan mereka ini memang memberikan tumpuan kepada mungkin faktor-faktor lain sebelum mereka melabur ke dalam negara kita.

Salah satu faktor yang saya difahamkan daripada negara asing ini ialah mengenai di dalam sektor bioteknologi ataupun ICT. Mereka lihat apakah *total factor productivity* negara kita? *Total factor productivity* negara kita maksudnya ialah selain daripada faktor-faktor yang saya sebut tadi pekerjaan, tanah, kewangan dan seterusnya. Sebagai contoh apakah kadar

penggunaan ICT kita untuk mempertingkatkan lagi produktiviti negara kita. Kalau tidak silap saya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita ini, *total factor productivity* atau TFP ini kita hanya dalam setakat 29%.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita ada satu rancangan untuk mempertingkatkan TFP ini kepada 50% ataupun 59% selepas tempoh lima tahun ini. Kerana kalau dibandingkan dengan negara lain ini adalah satu faktor yang utama mereka untuk melihat di mana mereka ingin melabur di sesuatu negara. Kalau kita ada TFP yang rendah, ini bermakna kita ini masih memberi fokus kepada faktor-faktor tradisi yang saya sebut tadi iaitu mengenai tenaga buruh, tanah dan juga faktor-faktor yang lain.

So, saya berharap kementerian memberikan sedikit penjelasan mengenai ini. Bagaimana kita boleh menggunakan *total factor productivity* ini untuk menarik lebih banyak lagi para pelabur asing yang kian hari kian bertukar daripada keperluan mereka dan juga mereka akan melabur dalam sesuatu negara itu berasaskan kepada faktor-faktor yang terkini.

Lagi satu mengenai eksport kita. Memang saya tahu kalau saya beri data ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin kata ini adalah bermusim, tetapi ini satu kebimbangan saya mengenai data-data eksport yang telah disenaraikan di dalam satu majalah kewangan yang popular di negara kita. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, untuk suku tahun yang pertama eksport kita dalam sektor ENE telah turun dari 11.3% - sektor elektrik dan elektronik, apakah sebabnya? Untuk satu suku tahun yang pertama, kita juga bimbang kerana kalau dibandingkan dengan negara yang lain, jiran kita iaitu Thailand telah berkembang sebanyak 18%, Indonesia berkembang 16%, Singapura 8%, Korea 17% dan di China 27%. Negara kita hanya berkembang 0.9% dalam masa yang sama. Memang ada faktor-faktor yang telah dipanggil bahawa ini kerana faktor permintaan di luar tetapi negara ini secara tradisi juga mereka membuat barang-barang yang lebih kurang sama. Mengapa mereka boleh mempertingkatkan eksport mereka sehingga 18%, 27%? Mengapa kita hanya 0.9%?

Faktor lain, mungkin hendak tanya juga bagaimana kita untuk menangkis faktor-faktor negatif yang mungkin akan mempengaruhi pengeksport-pengeksport kita iaitu peningkatan nilai ringgit jika dibandingkan dengan US Dolar. Ini memang satu faktor yang mungkin kita tidak boleh kawal. Apakah langkah-langkah kita untuk mengurangkan kesan peningkatan ringgit ini untuk mengurangkan beban kepada pengeksport-pengeksport? Kalau nilai ringgit kita meningkat, ini bermakna harga eksport kita juga telah meningkat. Saya tahu mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin bagi jawapan bahawa ini ialah satu angka yang bermusim tetapi bagi saya ini satu perkara yang serius jika dibandingkan kerana jurang perbezaan perkembangan kadar adalah sangat-sangat besar kalau dibandingkan dengan negara-negara lain.

Ini satu persoalan yang saya hendak tahu iaitu perkara yang saya juga ingin tahu ialah mengenai apakah perkembangan yang terkini mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas atau FTA dengan Amerika Syarikat ini? Saya memang sebagai orang yang ingin secara amnya, saya

menyokong FTA ini khasnya dengan Amerika Syarikat. Bukan mereka ini besar atau mereka mempunyai agenda-agenda lain, tetapi bagi saya asasnya ialah dua, tiga faktor iaitu mengenai kalau kita menjadi FTA dengan Amerika Syarikat, pengekspor-pengekspor kita akan menikmati pengurangan duti import barang-barang keluaran negara kita. Ini satu perkara yang baik untuk kita. Yang paling penting bagi saya ialah kerana kalau kita menandatangani FTA dengan Amerika Syarikat ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ada dua, tiga faktor lagi. Boleh saya sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kerana dalam FTA ini, faktor yang kedua ialah kalau kita ada perjanjian dengan FTA ini memang boleh menjadi satu galakan kepada pelabur-pelabur asing yang lain, yang mereka tahu kalau boleh melabur di negara kita ini mereka akan mengangkat *spring port* ataupun satu asas kepada mereka bahawa mereka boleh memasuki pasaran di ASEAN yang berjumlah lebih kurang 500 juta populasi. Ini akan menjadi orang kata satu daya tarikan kepada negara ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh rehat. Balik nanti sambung.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Oh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Puchong menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk sambung ucapan saya. Sebelum saya berhenti pada pukul 1.00 tadi, isu yang saya bangkitkan ialah mengenai FTA, *Free Trade Agreement* dengan USA ataupun Amerika Syarikat ini. Saya telah menyatakan bahawa sekarang ini keperluan ataupun analisa daripada perspektif seorang pelabur khasnya pelabur asing, mereka mesti dan selalunya mengambil kira faktor-faktor yang saya sebutkan tadi iaitu kalau kita... Memang saya tahu sebelum ini FTA telah memberikan banyak gambaran ataupun andaian-andaian yang negatif yang mana kita berikan satu *debate* atau perbahasan yang cukup hebat bukan sahaja dalam Parlimen tetapi di luar Parlimen juga mengenai *pros* dan *cons* FTA.

Di sini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian di mana kali ini cara kita untuk mengendalikan ataupun kita *conduct* dengan FTA ini, saya difahamkan lebih telus, lebih terbuka di antara kementerian-kementerian tertentu. Kalau tidak silap saya, ada lebih kurang sepuluh kementerian telah dijemput untuk memberikan *feedback* ataupun maklum balas tetapi setakat ini kita tidak maklum balas ataupun apakah status sekarang ini selain daripada kita baca dalam *internet* atau dalam surat khabar sahaja. Apa yang penting bagi saya ialah FTA ini kemungkinan besar akan menjadi satu batu loncatan ataupun *spring board* kepada negara kita kerana kalau kita ada FTA dengan Amerika Syarikat, selain daripada pengurangan duti import dan juga eksais ini untuk produk-produk kita, pelabur-pelabur asing juga akan melihat Malaysia sebagai satu tempat di mana mereka melabur di sini.

Pada masa yang sama, selain daripada pasaran Amerika Syarikat yang mereka ingin *penetrate* ataupun memasuki pasaran itu, pada masa yang sama juga mereka anggap Malaysia ini sebagai batu loncatan untuk pasaran ASEAN. Kita mesti memberi satu pandangan yang jauh daripada kementerian ini supaya ini adalah daripada satu faktor di mana manfaatnya adalah besar untuk negara dalam jangka masa panjang. Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tetapi saya nampak daripada perspektif kita sebuah negara yang membangun, sedang membangun, kadang-kadang kita mempunyai satu peraturan, satu undang-undang yang untuk menjaga pelaburan dalam negara kita terlebih dahulu daripada yang datang melabur dari luar daripada negara kita. Kita juga hendak memastikan bahawa hak-hak dan juga keperluan-keperluan rakyat-rakyat tempatan ini tidak terganggu gugat. Contohnya macam kita katakan dalam FTA ini termasuk beras, padi dan sebagainya. Jadi kita kena lihat yang mana penting, mementingkan negara dahulu ataupun mementingkan pelabur daripada luar negara dahulu?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya tahu ini memang satu persoalan yang selalu ditanya di mana-mana sahaja tetapi daripada makluman saya bahawa semasa perundingan FTA ini juga, Amerika Syarikat telah berjanji bahawa dasar-dasar domestik kita ini, mereka tidak akan sentuh. Iaitu sebagai contoh, Dasar Ekonomi Baru. Mereka tidak akan sentuh mengenai perkara ini dan mereka telah berjanji bahawa apa yang mereka ingini ialah satu sistem atau satu prosedur yang lebih *transparent*, lebih telus. Sebagai contoh ialah satu tender yang terbuka ini lebih telus tetapi dasar kerajaan mereka tidak akan sentuh. Ini mungkin satu perkara yang serius, kita mesti mengambil kira dan kita mesti lihat keadaan ini dan mesti memberi satu pandangan yang jauh mengenai kepentingan ekonomi negara kita.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Puchong. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Puchong. FTA dengan Amerika Syarikat akan menyentuh

pelbagai pihak terutama sekali seluruh isi masyarakat dalam negara kita yang terlibat dalam apa jua jenis pengeluaran, perdagangan dan sebagainya. Saya pernah membangkitkan perkara ini ketika dalam sidang yang lalu di mana FTA ini diputuskan oleh pegawai-pegawai yang berkaitan dengan perdagangan luar negara yang tidak langsung mengambil pandangan atau maklum balas daripada ahli masyarakat, warganegara yang benar-benar terlibat dalam industri yang berkaitan.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kalaulah FTA ini dibincangkan atau sekurang-kurangnya dibawa ke Parlimen untuk dibahaskan atau kita ada satu sesi bertemu dengan ahli-ahli masyarakat. Walaupun perkara itu adalah satu perkara yang teknikal dalam perdagangan antarabangsa tetapi ia menyentuh perkara *livelihood*, cari makan ahli masyarakat negara ini. Jadi kalau bolehlah Yang Berhormat, perkara-perkara sebegini mesti diambil kira dalam apa jua keputusan kerajaan. Kalau tidak kesannya adalah negatif, impaknya kepada ahli masyarakat sekalian. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya ambil ucapan ini sebahagian daripada ucapan saya, saya setuju sangat.

Satu perkara mengenai beras, tadi yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerai...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sekejap, saya sambung sikit. Sebelum kita ada FTA pun, sekarang harga beras sudah naik hargalah, berlaku sekarang ini, BERNAS sudah naik harga. Saya difahamkan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada hari ini akan berbincang dengan mereka mengenai keputusannya, itu nombor satu.

Nombor dua ialah, beras memang bukan ada isu dalam FTA kerana bayangkanlah kita hendak import beras dari Amerika Syarikat, apakah kosnya? Bolehkah mereka tahan sehingga dua, hingga empat minggu dalam kapal?

■1440

Ataupun sekarang ini kita mengimport banyak beras, kalau tidak silap saya dari negara Vietnam. Itu pun harga sudah naik. So, bagi saya ada banyak andaian dan juga banyak kritikan yang kurang berasas. Itu pandangan daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lima minit lagi ya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang kurang berasas. Maka saya faham sensitiviti dan juga keperluan rakyat kita mengenai FTA ini tetapi pada masa yang sama, kita jangan lupa kepentingan negara dari segi pembangunan ekonomi jangka panjang itu pun penting. Baik. So, saya hendak dapat sedikit pandangan daripada pihak kerajaan iaitu kementerian mengenai perkara ini. Sila Beluran.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Puchong. Daripada *point* yang sama, saya ingin melihat daripada sudut yang lain tentang pelaburan asing di negara kita. Sering kali kita melihat banyak masalah yang dihadapi oleh pelabur seperti masalah birokrasi, masalah

dengan kerajaan tempatan, PBT dan sebagainya. Ia merupakan masalah-masalah pelaburan yang dihadapi oleh pelabur luar negara di negara kita. Kalau kita lihat di Korea, terdapat apa yang dipanggil sebagai *Office of the Investment Ombudsman* iaitu seolah-olah satu majlis pelaburan di mana masalah-masalah pelabur-pelabur asing ini di *address* melalui satu majlis khas pelaburan di negara berkenaan.

Kalau kita lihat di Malaysia, sering kali pelabur juga menghadapi masalah yang sama, tetapi sering kali kita melihat komen daripada Perdana Menteri tentang birokrasi, komen daripada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tentang birokrasi yang dihadapi oleh pelabur asing, tetapi kita lihat ada satu majlis pelaburan yang diwujudkan oleh kerajaan ataupun satu majlis yang diwujudkan di Korea Selatan yang khusus untuk menangani masalah-masalah pelaburan. Adakah Yang Berhormat bersependapat bahawa perkara ini harus dilihat untuk menggalakkan pelaburan asing di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Saya memang setuju dengan bahawa mungkin bukan majlis tetapi sebenarnya kita telah banyak jawatankuasa pelaburan tertentu di peringkat Kabinet dan di peringkat kementerian. Saya percaya ada dan di sini birokrasi memang satu faktor yang kita selalu bincang, selalu bahas di sini dan di sinilah di mana saya difahamkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini telah bersetuju untuk menubuhkan satu OSC iaitu satu pusat sehenti ataupun *one stop center* untuk memudahkan pelabur asing yang datang ini supaya mengurangkan seberapa banyak birokrasi yang mungkin wujud semasa dalam proses kelulusan pelan-pelan tertentu. Ini memang satu perkara yang penting yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beluran dan saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu isu yang akhir sekali saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai IMP3 iaitu Pelan Induk Perindustrian Ketiga telah dilancarkan oleh Perdana Menteri kita pada Ogos tahun lalu. So, saya hendak tanya setakat ini, apakah *target* dan juga objektif kita dalam IMP kita ini. Adakah kita masih dalam proses permulaan ataupun apakah kejayaan kita dalam IMP ini dari segi *target* pelaburan yang kita ingin menarik pelabur-pelabur asing dari luar negara dan juga, apakah *target* penggunaan sumber manusia kita di bawah rancangan IMP3 ini kerana kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua, sekarang masalah dalam negara kita ialah mengenai *mismatch* dengan penggunaan tenaga manusia kita.

Ramai *graduate* yang tidak dapat kerja, tetapi pada masa yang sama, ada sektor-sektor tertentu terdapat tenaga buruh ataupun tenaga kerja yang sesuai. Maka ini pada saya, IMP3 ini ada satu cara kita boleh membetulkan keadaan ini tetapi pada masa yang sama kita mesti, jangan kita lari daripada *target* atau sasaran kita di bawah IMP3 ini supaya sasaran kita di bawah IMP3 ini supaya kita ini betul-betul menjadi sebuah negara yang mempunyai daya saing dan

boleh bersaing dengan negara-negara yang lain dalam sektor perindustrian dan perkilangan kita...

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Cukuplah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey. Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Jerai. 10 minit.

2.45 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berada dalam keadaan dilema dari segi kita hendak menarik pelabur asing masuk ke negara kita dan juga kita hendak mempertahankan hak dan ekuiti di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak fokus dari segi mungkin perjanjian yang akan dibuat di antara Volkswagen dengan Proton. Proton adalah dilahirkan di Malaysia. Proton adalah kereta yang dibangga-banggakan dan kita berasa megah kerana Malaysia telah dapat menjadi sebuah negara yang mengeluarkan kereta. Nasib kita kurang baik disebabkan oleh pengurusan, pasaran, kualiti kereta dan sebagainya, maka Proton hari ini berada dalam keadaan yang agak tidak selesa. Maka mereka harus terpaksa mendapat pelabur asing untuk bersama dengan mereka untuk meneruskan industri kereta Proton di dalam negara kita ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah kan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ini baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ada baik, ada tidak baik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua dari segi ini. Okey, kalau sudah menjadi hak milik kita, kalaulah Volkswagen masuk, selalunya Tuan Yang di-Pertua, apabila syarikat besar gergasi luar masuk untuk mengambil ataupun untuk bersama dengan syarikat yang kecil ini, Tuan Yang di-Pertua, ia akan makan hak kecil. Yang saya takut, Tuan Yang di-Pertua, satu hari nanti, jurutera-jurutera kita yang ada di dalam Proton, pegawai-pegawai tinggi yang ada, kadang-kadang bukan kerana mereka yang menyebabkan industri kereta itu merosot tetapi disebabkan pengurusan yang tidak cekap ataupun pengurusan yang tidak amanah, menyebabkan industri itu merosot.

Ia menyebabkan banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, IKS-IKS ataupun vendor-vendor ataupun pengedar-pengedar yang menghadapi masalah yang disebabkan oleh masalah daripada pengurusan yang tidak menentu. Sekarang ini kalau pihak Volkswagen masuk ke dalam negara kita, mereka akan tentu hendak menguasai syarikat tersebut dan mereka akan memastikan pelbagai cara untuk memastikan mereka menguasai dari segi pemasaran, menguasai dari segi

pengeluaran dan juga vendor-vendor yang saya harap tidak akan berlakulah, mungkin akan gulung tikar disebabkan oleh cara dan juga bentuk yang akan di *remould* oleh pihak Volkswagen...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ketereh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bagi Ketereh dulu.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Oh, okey.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya faham bila Yang Berhormat sebut dari segi *national interest*, bahawasanya kalau gergasi besar masuk, dia akan menelan anak-anak kecil dalam negeri. Itu saya faham, tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat daripada sudut yang lain. Dunia sekarang ialah dunia yang memerlukan pertandingan yang hebat, dunia sekarang adalah dunia kompetitif. Adakah mungkin Proton yang tidak mempunyai keupayaan R&D yang besar boleh *compete* dengan dunia yang sudah semakin besar, kalau kita jadi begini? Tidakkah Yang Berhormat terfikir bahawa kemasukan Volkswagen ke dalam negara atau apa-apa jenama lain adalah sebenarnya untuk memberi kekuatan bersama sebab itu sudah menjadi fenomena dunia. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ia jadi kekuatan tidak apa, Tuan Yang di-Pertua. Jangan dia makan hak kita. Yang ini banyak berlaku. Saya sudah biasa lihat, Tuan Yang di-Pertua, yang dahulunya bilik-bilik di pejabat itu yang diduduki oleh anak-anak Malaysia, tetapi apabila syarikat luar mengambil alih, anak-anak Malaysia itu diganti dengan Mat Salleh-Mat Salleh. Ini adalah satu penjajahan ala moden, Tuan Yang di-Pertua, yang berlaku dalam negara kita ini...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Beluran, Beluran.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bagi Puchong dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Untuk menyambung daripada Yang Berhormat Ketereh tadi, setuju atau tidak Yang Berhormat bahawa industri automotif di negara kita ini sepatutnya kita tidak mencebur diri kerana daya saing ataupun *competitiveness* di negara kita ini memang tidak ada ataupun kurang dalam industri ini.

■1450

Sebagai contoh kita hanya ada 26 juta penduduk, di mana pasaran dia ialah hanya lebih kurang RM400,000 setahun. Itu pun bercampur dengan banyak kereta atau jenama yang lain

yang masuk dalam negara kita. Pada masa yang sama, sekarang ini kita ini orang kata terpaksa "buka" pasaran kita supaya jenama-jenama lain ataupun pengusaha-pengusaha automotif yang lain masuk ke dalam negara kita, kerana pasaran kita terpaksa *liberalize*. So cadangan saya ialah bahawa kalau boleh Proton ini mesti mempunyai orang kata *strategic alliance*, seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi supaya kita ini memperkukuhkan diri kita di mana kita ada mempunyai satu kekuatan itu kita mempertahankan.

Kalau daripada segi kelemahan kita di pasaran dunia dan juga *networking* di dalam dunia ini, tidak apa kita *let partner* yang lain yang buat itu. Supaya kita merupakan satu orang kata apa, *synergetic effect* yang positif kepada negara kita dan juga rakyat kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memanglah hendak bina satu industri motor, kereta bukanlah benda yang kecil. Korea dulu kereta Jepun dulu Tuan Yang di-Pertua kita dengar kereta Jepun Toyota, Toyopack dulu itu kita kata tin susu lah dan sebagainya. Itu dulu saya ingat zaman saya kecil-kecil dulu, orang tidak mahu, masa itu kena pakai Austin, Morris Minor *made in England*. Hari ini kereta Jepun telah menguasai dunia, dan kita ini kena buat macam itulah. Kalau Korea boleh keluar kereta dengan tidak payah memerlukan pelabur dari luar bersama dengan dia, apa kita ini lekehkah?

Kita sekarang ini ada, Sime Darby pun ada, kita ada Naza yang telah mengeluarkan kereta dan sebagainya. Apa salahnya kita beri peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk mengambil alih dahulu, untuk mengurus. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua bila syarikat kerajaan ini depa joli, pengurusan joli, pasal duit kerajaan bukan duit dia orang.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tetapi kalau syarikat sendiri...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Boleh Yang Berhormat, sedikit?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sat, saya hendak habis ayat, tergantung. Kalau syarikat sendiri Tuan Yang di-Pertua *survival* dia, dia akan berusaha. Dia akan berusaha untuk membangun industri dia kerana modal dia sendiri. Kalau dia tidak jaga dia akan bankrap, habis dia. Kalau saya tengok kadang-kadang syarikat kerajaan dia kalau tidak cukup, hantar duit, Khazanah buat keluar, akhir-akhirnya memanglah terlungkup.

Jadi kita hari ini Tuan Yang di-Pertua, kalau dulu kita berbangga, dulu kalau 10 atas jalan Tuan Yang di-Pertua, lapan ataupun tujuh kereta itu adalah kereta Proton. Hari ini bertukar pula, lapan atau tujuh syarikat luar dan Proton dua biji gagah atas jalan dan sebagainya.

Apa lagi, kereta kerajaan pun dimestikan pakai Proton, Tuan Yang di-Pertua pun kena pakai Proton, ketua-ketua jabatan kena pakai Proton, semua pasukan polis, askar pakai Proton, semua kereta-kereta kerajaan adalah menggunakan kereta Proton. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya nampak bagi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan yang telah berusaha dalam motor

kereta ini sebelum kita hendak ambil orang luar masuk mai. Apakah salahnya kita beri peluang kepada mereka untuk menceburkan diri?

Saya difahamkan Naza biasa saya baca dalam akhbar beza tawar tetapi mungkinlah pengurusan ataupun kira tidak betul dan sebagainya tetapi bagi saya biarlah syarikat tempatan. Apakah lekehnya orang Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, ini kita sudah hendak naik ke bulan dah ini, *astronaut* kita sudah hendak sampai. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya takut nanti bila dia orang ambil alih dia orang akan...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...kerana syarikat ini dia orang ada banyak jenis kereta, model, Tuan Yang di-Pertua. Macam Volkswagen dia ada Skoda, dia ada jenis-jenis lain. Mungkin kita ini yang ke bawah itu dan dia akan hadkan negara yang dia ada kereta dia, dia takkan bagi kereta kita masuk. Jadi macam mana kita hendak *penetrate* pasaran China, pasaran India negara yang besar. Kalau dia orang kata *no, my model is already there*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Syarikat tempatan hanya memasang sahaja, tidak ada teknologi tinggi.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Bagi Beluran.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau tidak ada macam mana Tuan Yang di-Pertua. Kereta Proton kita dok pakai ini, dok pakai la ni Malaysia buatlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, selain daripada Protonlah. Selain daripada Proton yang lain memasang sahaja.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Boleh? Saya, saya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, okey.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, bila Yang Berhormat membandingkan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sat, sat saya bagi Beluran, ikut giliran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Jerai. Saya syer sentimen tetapi berbeza pendapat. Saya tidak nampak apa yang perlu lagi dibantu Proton ini. Sudah 20 tahun kerajaan bantu, dasar automobil kita semua mengarah kepada membantu Proton. Sekarang kita bercakap tentang vendor akan kerugian, Proton kereta kesayangan negara ini akan dimakan oleh syarikat yang lain.

Walau bagaimanapun, dari segi perhitungan ekonominya, apa jalan keluar Proton sekarang daripada rugi setengah bilion sudah sekarang ini daripada rugi lagi, berbilion tahun mendatang ini. Bukankah untuk mencari strategi *partner, alliance* ini, salah satu daripada langkah untuk menentukan *survival* Proton di masa akan datang. Yang Berhormat kalau tidak dilakukan ini, saya yakin Proton akan rugi lagi, tahun kewangan akan datang akan rugi lagi, itu hakikat dia Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau sudah ada syarikat tempatan menawarkan diri untuk bersama dengan Proton, pasai apa kita tidak beri peluang? Saya tengok Tuan Yang di-Pertua contoh bank Tuan Yang di-Pertua, apabila kita hendak satukan bank-bank ini, sekarang ini masalah Tuan Yang di-Pertua. Peniaga-peniaga kecil sudah tidak ada peluang, bank dia tidak *entertain* dah. Bank-bank ini sudah besar Tuan Yang di-Pertua. Dulu banyak bank kecil-kecil jadi kalau hak berniaga kecil boleh pi dia layan. Sekarang ini bank besar dia hendak million-million sahaja, ada setengah bank itu RM1 juta ke bawah dia tidak *entertain* Tuan Yang di-Pertua kerana dia disatukan, inilah sebab-sebab dia.

Orang besar ini kadang-kadang dia bukan hendak tengok orang kecil Tuan Yang di-Pertua. Saya takut Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memperingatkan sahaja, lambang Proton itu Tuan Yang di-Pertua dia tukar lambang lain, maruah kita hendak buh tang mana? La ni dah lambang singa, dia tukar lambang lain Tuan Yang di-Pertua, singa kita hendak pi tang mana yang dok gantung belakang Tuan Yang di-Pertua itu singa itulah lambang kita Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu terpulang kepada perjanjian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Inilah yang saya hendak pesan kepada Khazanah yang akan berunding dengan pihak Volkswagen. Ketereh, giliran.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: [Bangun]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sebut tadi, saya juga macam Beluran berkongsi sentimen yang sama bahawa syarikat tempatan perlu diberi keutamaan, tetapi Yang Berhormat kena faham, Yang Berhormat sebut Naza dan Proton. Sebenarnya Naza *is a completely different* entiti dengan Proton. Naza sepatutnya pada sayalah, Proton itu macam Naza dulu kalau hendak berjaya seperti Thailand buat sekarang ini, tetapi kita terus pergi *jump in* dalam satu industri yang kita kosong. Industri Proton dulu kita kosong, tetapi dulu kita berpendapat dengan kosong kita boleh makin maju, makin maju *we have gone to a certain extend* dengan izin tetapi akhirnya kita tidak mampu hendak *sustain* sebab kita tidak ada kepakaran, kita tidak ada keupayaan, belum ada.

Oleh sebab itu *we need a strategic partner*, bukan untuk menelan kita. Naza datang pasang macam Kijang di Indonesia macam apa yang Thailand buat, akhirnya dia berjaya. Pada saya Naza *remain* Naza, buat dia pun berjaya. Kalau dia masuk macam Proton dia akan bungkus, apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua kita mengandaikan, andai hak tak elok sahaja, cuba kita andai hak elok. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, saya lain. Saya hendakkan kalau orang Malaysia boleh dan kita dok kata Malaysia Boleh, kata mai tang ini nak beri kat orang, kita sudah merdeka kita buat kereta kita sendiri Tuan Yang di-Pertua saya dari dulu sampai la ada Proton Tuan Yang di-Pertua, saya pakai.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya pun ada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya pakai kerana saya sayangkan Proton itu hak milik negara kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua kita kena tengok hak baiklah. Kalau syarikat tempatan berani hendak ambil bersama dengan Proton yang kita tak mahu bagi pasal apa? Hendak bagi susu kera dalam hutan, anak dok rumah berteriak tak minum susu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mana boleh bagilah hak di rumah itu minum, dulu lepas itu bagilah hak luar. Kita tengok Tuan Yang di-Pertua berapa syarikat sudah simen itu ini syarikat, itulah. Kita buka, buka akhirnya dijajah balik Tuan Yang di-Pertua ekonomi kita. Malu Tuan Yang di-Pertua saya bukanlah hendak kata apa kita kena rasa sedikit. Biar susah pun Tuan Yang di-Pertua hak kita. Apa guna kita dok banglo besar kalau hak orang, biar kita dok rumah kecil pun rumah teresakah rumah ini hak kita. Yang inilah maruah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Pulai.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya hendak tanya sedikit mengenai pandangan Yang Berhormat. Sekarang ini Yang Berhormat saya nampak memang *passionate* saya betul Proton ini, tidak mahu Proton ini lenyap.

■1500

Akan tetapi, ada industri-industri *parts manufacturing* ini maknanya syarikat-syarikat yang membuat *parts* untuk Proton yang *viable*, yang masih lagi boleh diberikan bantuan secara terus. Maknanya, kalau dahulu kita bagi duit kepada Proton, Proton beli daripada mereka, mereka tak ada pasaran lain. Mereka bergantung kepada Proton sebab itu mereka tak boleh berkembang. Sekarang ini bagaimana kalau kita fokus kepada syarikat-syarikat *parts* ini, kita bantu untuk dia eksport ke pasaran luar negara macam Thailand buat. Dia tak ada *car industry* macam kita ada iaitu Proton, tapi dia ada *car parts industry* yang maju.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat kalau kerajaan bantu, kenal pasti syarikat *parts manufacturing* yang bagus ini, bantu terus supaya mereka dapat *compete* pasaran antarabangsa dalam *car parts* ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ini mengenai Proton.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua fasal apa mereka keluar modal. Dahulu mereka bergayut di Proton. Masa itu Proton kita ditubuhkan. Jadi industri-industri yang ada di sekeliling, sampingan yang buat skru, yang buat kerusi, buat karpet semua ini boleh cari makan Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju maknanya dia kena melangkah kaki keluar untuk membesarkan perniagaan dia....

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mereka sudah ambil masa saya pun 10 minit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...Ambil masa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, okey.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya banyak subjek lagi Tuan Yang di-Pertua fasal Malaysia ini.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Jerai. Tadi Yang Berhormat kata itu andaian dan andaian. Sekarang saya bagi satu contoh yang betul berlaku. Pihak Nissan di Jepun sekarang *major shareholder* dia bukan orang Jepun tapi orang Perancis - Renault. Lihat Daewoo di Korea dan juga Ssangyong. Semua ini pemiliknya ialah luar negara dan *big player* juga seperti Mercedes Benz dan seterusnya dan sekarang kita tahu industri automobil ini menurut satu proses dipanggil konsultasi. Sekarang ini dalam, dunia ini ada enam *players* yang *major* untuk dalam industri ini.

Kita bukan hendak jual Proton secara terus kepada sesiapa tetapi apa yang kita hendak nyatakan bahawa kita mesti dalam keadaan macam ini, seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Pulai tadi, dalam keadaan kewangan yang susah ini, kita mesti mempunyai satu strategi *alliance* dengan sesiapa pun supaya kita boleh menyelesaikan masalah kita pada masa ini dan pada masa terdekat ini atau masa depan ini kemungkinan besar kita mempunyai *expertise* atau kepakaran itu kita bolehlah mengambil alih ataupun kita bolehlah mengawal kembali Proton.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Saya kata tadi Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bukan saya tak hendak Proton dimakan. Kalau kita bersama *joint venture* bersama itu, okey Tuan Yang di-Pertua. Nilai Proton Tuan Yang di-Pertua la ini dok ada RM9 lebih *value* satu syer tapi dalam pasaran RM6 lebih. Di situ sahaja kalau dia beli atas saham RM6 lebih itu dia sudah untung RM3 lebih, buta sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kita ada berapa buah kilang dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua.

Saya bukan kata tak setuju, saya bersetuju tapi syaratnya jangan kuasa kita ini habis diambil alih. Kalau dia *control* 51% daripada syarikat itu Tuan Yang di-Pertua, ikut suka dia Tuan Yang di-Pertua dia hendak buat apa pun dia buat. Dia kata tayar saya hendak, tayar dari negeri lain. Kita tak boleh kata, itu hak dia Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Langkawi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau dia kata *dashboard*, kalau dia kata kereta di Langkawi kena ini kita ikutlah. Sila Langkawi.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Jerai. Dahulu kita tak pernah dengar Proton hadapi masalah. Sekarang ini fasal apa ada masalah? Adakah kerana AP keluar begitu banyak? Adakah disebabkan AP beribu-ribu dikeluarkan dan kemasukan kereta-kereta yang murah tanpa sekatan mungkin itu sebabnya. Apa pendapat Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia berbagai-bagai masalah Tuan Yang di-Pertua. Masalah pertamanya mungkin masalah dari segi kualitinya, itu betul. Mana pergi Yang Berhormat Puchong lari keluar sudah? Kualitinya, lambakan kereta-kereta dari luar negara kita. Tuan Yang di-Pertua, kita kena sayang benda kita Tuan Yang di-Pertua fasal apa macam anak kitalah. Kalau emak itu melahirkan anak atau besar kita bagi kat orang satu hari nanti macam... tiga orang yang jumpa di Korea itu. Pergilah cari emak dia balik di Korea itu. Fasal Korea bawa lari zaman Jepun dahulu. Anak tiga ada di Malaysia. Ini macam inilah jadi. Kita lahirkan Proton, kita bangga dengan Proton, dilancarkan model demi model dan sebagainya. Kalau tak betul kita perbetulkan dan saya, bukan saya tak setuju Volkswagen masuk tapi saya mahu pihak Khazanah Negara yang menguasai Proton supaya berunding dengan baik, *win-win* Tuan Yang di-Pertua.

Kalau sudah tak boleh bagi kepada syarikat-syarikat tempatan yang hendak beli ni saya kadang-kadang saya berasa kesal, fasal apa tak boleh bagi pada syarikat tempatan walaupun kita kata Naza ataupun Sime Darby? Sime Darby sekarang ini dia pengedar BMW, dia pasang kereta Hyundai dan sebagainya. Mereka sudah pakar dalam motor kereta ini Tuan Yang di-Pertua, jadi mereka perlu diberi peluang. Kalau mereka tak mahu, okey kita hendak ambil yang luar tapi janganlah ambil yang luar dan menguntungkan mereka merugikan kereta.

Saya percaya Tuan Yang di-Pertua kalau masinlah mulut saya hari ini kalau syarikat luar boleh menguasai Proton, tunggu sahajalah jenama kita akan hilang, logo kita akan hilang dan hak kita pun akan hilang. Pada masa itu Tuan Yang di-Pertua barulah hendak kata saya betul, tapi saya tengok jauh ke depanlah fasal anak orang-orang tua ini...

Seorang Ahli: Ada *vision*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ada *vision* Tuan Yang di-Pertua. Apa salahnya dan kita rakyat Malaysia, pakailah Proton. Saya pakai Proton walaupun saya

terpaksa pakai kereta satu Sorento fasal yang itu kereta wakil rakyat masuk kampung, keluar kampung. Proton kita kena pakai, kita kena bangga dengan hak milik kita tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Cukup Yang Berhormat. Sila gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang itu satu Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang ini saya minta pihak Khazanah Negara dengan Proton dengan Volkswagen kalau sudah kita hendak bagi kepada Volkswagen. Kereta Volkswagen dahulu Tuan Yang di-Pertua enjin di belakang. Dia tak pakai air, orang panggil kura-kura dahulu. Semua cikgu pakai Volkswagenlah dipanggil "wak segan". *Air cooling system*, kereta Jerman. Yang ini saya tak kisah, saya tak kisah tapi yang saya hendak minta jaga hari ini supaya jangan Proton ditelan oleh Volkswagen dan akhirnya kerana kita takut hendak belanja lebih sedikit, maka kilang ini pun boleh dapat kat orang dan sebagainya, anak Melayu kita anak Malaysia kita duk buat kerja dalam kilang pun dia tukar anak Bangladesh sebab hendak turunkan kos dan sebagainya.

Pada masa itu Tuan Yang di-Pertua, kita dok kata, kenapa anak Malaysia tak ada kerja? Mana ada jurutera yang keluar universiti tak ada tempat hendak pergi. Hendak peri tang mana? Yang dok ada pun kita tutup, bagi kat orang lain...

Tuan Yang di-Pertua: Ya baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya kena berleterlah Tuan Yang di-Pertua. Lagi satu hendak mengingatkan Tuan Yang di-Pertua, saya cukup sensitif Tuan Yang di-Pertua dari segi pelaburan membeli ekuiti syarikat Malaysia yang terlibat dengan keselamatan negara Tuan Yang di-Pertua. Yang ini berkali-kali sudah saya bercakap.

Kita kena kawal Tuan Yang di-Pertua. Syarikat telekomunikasi kita kena jaga, syarikat-syarikat televisyen ini semua kita kena jaga Tuan Yang di-Pertua. Dari segi kesihatan, syarikat yang menjaga kesihatan kita kena jaga kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, perkara ini melibatkan keselamatan kita. Contoh katalah syarikat televisyen ini kuasai oleh pelabur asing satu hari nanti. Kita jangan kira duit Tuan Yang di-Pertua kita kira maruah dan masa depan negara kita...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Masa itu Tuan Yang di-Pertua kalaulah dilemparkan berbagai-bagai, lingkup Malaysia. Anak-anak Malaysia kita akan hancur Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak bina modal insan macam mana Tuan Yang di-Pertua? Syarikat telekomunikasi, macam itu kita tengok di Thailand, tumbang kerajaan Thailand Tuan Yang di-Pertua kerana dijual telekomunikasinya kepada negara asing. Habis semua dalam negara kita ini.

Macam hari ini CTOS Tuan Yang di-Pertua, kita tengok CTOS ini habis maklumat-maklumat dia keluarkan semua. Ini hak individu, hutang tak hutang kita punya pasallah. Orang meniaga Tuan Yang di-Pertua, orang meniaga mana tak hutang? Orang meniaga dalam keadaan tak boleh bayar hutang hendak *role* tak lepas Tuan Yang di-Pertua, ekonomi merosot dan sebagainya, mereka terlibat.

Jadi kalau kita dedah benda ini, orang luar boleh beli maklumat fasal orang Malaysia ini tentang kedudukan kewangan kita, habislah kita Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Informasi-informasi ini Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan CTOS diharamkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mana boleh jual maklumat ini. *No way* Tuan Yang di-Pertua. *Is our right, human right.* Tengok, semua setuju Tuan Yang di-Pertua. Cuma tak bawa usul sahaja dalam Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah habis mengenai penggalakan pelaburan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak melarut pergi ke lain Tuan Yang di-Pertua tapi yang ini pun Tuan Yang di-Pertua saya takut bila pelabur asing masuk dia ambil *list* CTOS itu dia tengok Malaysia ini *troublesome* Tuan Yang di-Pertua, semua kaki hutang tak bayar, lambat bayar dan *the problem* Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita jamin orang pun, orang tu tak bayar, kita kena CTOS. Kita pergi bayar, sudah nama tak boleh padam dia kata sejarah, yang tak elok menjadi sejarah, kacaulah Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, itu kemudianlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: 4.30 petang ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak apalah Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang itulah saya harap Tuan Yang di-Pertua dua benda Tuan Yang di-Pertua sayangnya hak kita Tuan Yang di-Pertua.

■ 1510

Jangan kita menjejarkan kejayaan akhirnya Tuan Yang di-Pertua, penjajahan ekonomi ala moden berlaku dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? Akhir okey, lima minit sudahlah.

3.10 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak membentangkan beberapa perkara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut menyertai membahaskan akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk menggalakkan pelaburan ke negara kita, ada beberapa perkara kita perlu memberi perhatian. Pertama sekali tentang kedudukan keselamatan di negara kita. Misalnya di Johor Bahru, rakyat yang bimbang tentang keadaan keselamatan yang semakin memburuk dan ini bukan sahaja pada rakyat biasa sahaja, tetapi pekilang-pekilang dan juga menghadapi masalah yang sama oleh kerana pekerja-pekerja mereka menghadapi masalah ini.

Jadi, saya rasa untuk menggalak pelabur-pelabur asing datang melabur ke negara kita, kerajaan perlu mempercepatkan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan keselamatan khususnya di Johor Bahru. Selain daripada itu, ada satu masalah yang juga memeningkan kepala pekilang-pekilang di Johor Bahru juga iaitu tentang masalah banjir. Misalnya di kawasan Tebrau, di kawasan perindustrian Tebrau 2, semenjak tahun 2001, masalah banjir kilat masih belum diatasi. Oleh kerana banjir kilat yang begitu kerap berlaku, telah menyebabkan kerugian besar kepada pekilang-pekilang yang melibatkan berjuta-juta ringgit. Jadi ini menyebabkan beberapa buah kilang misalnya di kawasan perindustrian Tebrau telah meninggalkan tempat itu, berpindah ke tempat yang lain.

Jadi saya rasa, kalau masalah pokok ini seperti masalah keselamatan dan juga banjir tidak ditangani, tidak diselesaikan dengan cepatnya, ini akan menjadi satu isu yang menakutkan pelabur-pelabur terus datang ke negara kita.

Lagi satu cadangan ialah tentang birokrasi seperti yang disebutkan tadi apabila mereka datang untuk memohon kebenaran untuk melabur di sini, mereka menghadapi masalah birokrasi. Jadi satu *one stop center* sungguhpun dicadangkan, saya tidak tahu bagaimana *one stop center* ini dapat membantu berfungsi dengan secara berkesan untuk membantu pelabur-pelabur yang ingin melabur di negara kita. Saya cadangkan kementerian sentiasa mengadakan dialog dengan pekilang-pekilang tempatan untuk memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka supaya boleh dijadikan satu panduan untuk membentuk dasar-dasar tentang pelaburan. Jadi pandangan pekilang-pekilang ini adalah sangat berguna untuk digunakan sebagai satu rujukan.

Kemudian saya juga ingin mencadangkan SMIDEC memainkan peranan yang lebih aktif lagi untuk membantu IKS kita dalam bentuk memberi, mewujudkan lebih peluang bagi IKS menyertai misi-misi promosi dagangan dan juga ekspo perdagangan di luar negara...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Persatuan-persatuan IKS sudah menyuarakan permintaan ini, dan saya harap SMIDEC melalui MITI akan mewujudkan peluang ini bagi pengusaha-pengusaha IKS di negara kita...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukuplah.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.15 ptg.**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan pandangan yang membina mengenai Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan tahun 1986 Pindaan 2007. Izinkan saya memberi jawapan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah merangka dan melaksanakan dua pelan induk perindustrian dalam tempoh dua dekad lepas. Ini telah menyumbang kepada pembangunan dan transformasi sektor perkilangan. Pelan Induk Perindustrian Pertama dan Kedua telah menyediakan asas yang kukuh dalam sektor perkilangan dan peningkatan hubungan industri serta meningkatkan aktiviti ditambah dan produktiviti.

Sebagai melangkah ke hadapan, bagi mencapai kemajuan seterusnya, sektor ini perlu menangani cabaran-cabaran baru termasuk persaingan yang sengit bagi pelaburan asing. Keperluan untuk membangunkan modal insan yang inovatif, membangunkan sumber pertumbuhan baru dan keperluan mencapai pertumbuhan perindustrian dengan pengagihan yang saksama. Melalui Pelan Perindustrian Ketiga atau IMP3, kerajaan telah menggariskan beberapa teras strategi antaranya:

- (i) persaingan secara global bagi mendapatkan pelaburan langsung asing atau FDI dengan sasaran dan pendekatan lebih fokus;
- (ii) meningkatkan daya saing dan produktiviti sektor perkilangan dan perkhidmatan;
- (iii) memastikan industri mendapat faedah daripada perjanjian perdagangan dua hala serantau dan pelbagai hala;
- (iv) mempelbagaikan subsektor perkhidmatan yang berpotensi bagi pelaburan dan eksport;
- (v) meneruskan liberalisasi dasar ekuiti yang progresif dalam sektor perkhidmatan; dan
- (vi) menjadikan iklim pelaburan lebih kondusif termasuk sokongan institusi dan prasarana.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Petra Jaya telah membangkitkan isu pembangunan halal hab di Malaysia. Badan-badan persijilan halal dan jumlah pelaburan asing dalam pembangunan halal hab. Antara fokus Pelan Induk Perindustrian Ketiga adalah bertujuan menjadikan Malaysia sebagai hab halal global, pengeluaran serta perdagangan barangan dan perkhidmatan halal.

Malaysia mempunyai kelebihan dalam pembangunan industri halal kerana Malaysia merupakan negara moden yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka dan mempunyai

prasarana dan institusi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia iaitu JAKIM, dan jabatan agama Islam negeri yang mantap bagi menyokong insentif dan program membangun serta mempromosi industri ini. Dari segi persijilan, hanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia iaitu JAKIM, dan jabatan agama Islam negeri yang boleh mengeluarkan sijil halal kepada *enterprise* dan perniagaan yang mematuhi keperluan standard halal.

Sehingga Disember 2006, sejumlah 3,454 sijil telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat kecil EKS dan multinasional yang mana 3,084 sijil dikeluarkan untuk produk 321 sijil dikeluarkan untuk premis makanan dan 49 sijil dikeluarkan untuk rumah penyembelihan. Setakat ini maklumat berkenaan pelaburan dalam industri halal tidak dapat diperolehi secara khusus. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang mengambil inisiatif untuk mengumpul maklumat terperinci mengenai industri tersebut.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tuan Ng Lip Yong: Secara amnya jumlah pelaburan yang telah diluluskan di Malaysia dalam tempoh tahun 2000-2007 bagi industri perusahaan makanan adalah sebanyak RM19.3 bilion yang mana RM7.9 bilion Malaysia adalah pelaburan asing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Pasir Mas.

■1520

Tuan Ng Lip Yong: Jumlah ini adalah termasuk pelaburan dalam industri makanan halal. Ya, Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat 'Setiausaha Parlimen'...

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Timbalan Menteri. Minta maaf. Soalan yang saya hendak kemukakan iaitu, sejauh manakah pemantauan kerajaan setelah kerajaan mengeluarkan Sijil Halal kepada mana-mana syarikat ataupun mana-mana badan yang menguruskan penyembelihan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan halal yang disebutkan sekejap tadi. Sejahter manakah pemantauan yang dilakukan sehingga tidak muncul sijil-sijil palsu yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab di negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Seperti apa yang telah saya katakan tadi, hanya dua agensi kerajaan yang boleh mengeluarkan Sijil Halal iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM, dan Jabatan Agama Islam Negeri. Kedua-dua jabatan itu ada penguat kuasa. Mereka akan memantau kalau ada sijil-sijil palsu yang telah dikeluarkan oleh pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan Yang Berhormat bagi Tuaran iaitu pemberian insentif cukai, kajian kos dan faedah insentif pelaburan asing di Koridor Pantai Timur, pelaburan

di Kota Kinabalu Industrial Park atau KKIP dan pembangunan infrastruktur pula, Yang Berhormat bagi Kepong juga membangkitkan perkara kajian kos dan faedah insentif.

Sehingga hari ini, pemberian insentif cukai telah berjaya menarik pelabur asing ke Malaysia. Bagi tahun 2006, pelaburan asing mencatatkan nilai tertinggi iaitu sebanyak RM20.2 bilion berbanding RM17.8 bilion pada tahun 2005 dan RM13.1 bilion pada tahun 2004. Buat masa ini, tiada kajian khusus dijalankan untuk mengkaji kos dan faedah insentif yang ditawarkan oleh kerajaan.

Namun begitu, insentif merupakan salah satu faktor utama dalam menarik pelaburan asing. Sehubungan itu, usaha untuk menarik pelaburan asing tanpa menawarkan sebarang insentif akan menjadi lebih sukar. Negara-negara lain termasuk negara maju terus menawarkan insentif bagi menarik pelaburan asing. Umpamanya negara Jerman, menawarkan geran penyelidikan dan pembangunan untuk sektor terpilih bagi latihan pekerja. Australia juga menawarkan insentif, *discretionary grant scheme*, dengan izin, yang meliputi 50% kerugian dalam penyelidikan dan pembangunan. Singapura pula menawarkan taraf perintis dan geran bagi menarik pelaburan asing.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Tuan Ng Lip Yong: Sebenarnya insentif kewangan bukan satu faktor sahaja yang mempengaruhi pelaburan di negara kita. Bagi tempoh 2001 hingga Mei 2007, sebanyak 543 projek perkilangan dengan jumlah pelaburan asing bernilai RM16.3 bilion telah diluluskan di negeri-negeri Koridor Pantai Timur, iaitu 50 projek di Kelantan, sejumlah RM187.5 juta;....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ng Lip Yong: Boleh tunggu sedikit.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ya.

Tuan Ng Lip Yong: 42 projek di Terengganu, jumlahnya RM7.6 bilion; 238 projek di Sabah, berjumlah RM1.5 bilion; dan 213 projek di Sarawak bernilai RM7.1 bilion. Silakan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju sangat dengan pindaan akta ini dan ia adalah satu langkah yang baik untuk menggalakkan kaedah dan penambahan pelaburan di Malaysia.

Saya setuju dengan perkataan Yang Berhormat sebut sekejap tadi iaitu, bukan insentif kewangan sahaja yang menyebabkan pelabur datang. Saya tengok di Malaysia ini yang menjadi masalah kita kalau dibandingkan dengan Singapura ialah bukan soal insentif kewangannya, bukan soal sikap kerajaannya, bukan soal keterbukaan kita tetapi masalah kerenah birokrasi dalam mendapatkan lesen, dalam mendapatkan permit, keluar barang, hendak *clear* barang mengambil masa, *days and sometimes a weeks* yang menyebabkan pelabur hendak dapatkan

satu lesen terpaksa berpindah daripada satu tempat ke suatu tempat, hendak cukai setem di sini, beli setem di sini. Jumpa pegawai itu di sini, pergi pejabat itu di sini.

Tempatnya adalah cukup memeningkan dan membencikan pelabur. Itu bukan sahaja dari segi pelaburan, dari segi kehidupan hari-hari pun, itulah sebenarnya masalah kita. Saya mencadangkan supaya kerajaan *address this problem, our act is okay - good*. Kita niat bagus, tetapi *this is the problem*. Saya hendak kata pegawai, *this is unfair for me* tetapi kerajaanlah, kita sebut kerajaan tidak mempermudah kaedah bagaimana hendak bawa wang ke negara ini. Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Saya bersetuju 100% oleh sebab itu kerajaan pun sedar dan kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa atau majlis khas pemudah pada bulan Februari tahun ini dan di antara ahli-ahli dalam majlis ini adalah dari pihak swasta, dan pihak kerajaan seramai 23 orang dan mereka telah diberikan masa enam bulan untuk mengeluarkan langkah-langkah yang boleh diambil. Bukan itu sahaja, sebenarnya pemudah sudah mengambil langkah-langkah supaya tidak menunggu enam bulan sehingga tempoh tamat, tetapi kita boleh nampak ada banyak langkah telah dijalankan. Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa ada 52 projek pelaburan di Kelantan. Bolehkah Yang Berhormat sebut sebahagiannya.

Yang keduanya saya ingin penjelasan, adakah termasuk di dalam pelaburan ini rancangan yang dibuat oleh Petronas untuk memajukan Koridor Pantai Timur ini, dan kalau ada, di mana tempatnya?

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Sebenarnya 50 projek, bukan 52. Saya tidak ada senarai *detail* di sini, saya akan bagi senarai secara bertulis. Saya mohon maaf.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha untuk menggalakkan pelaburan di kawasan-kawasan perindustrian di setiap negeri termasuklah Kota Kinabalu Industrial Park atau KKIP, di Sabah. Sejak dibuka dengan rasminya, KKIP telah berjaya menarik pelaburan yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, sehingga tahun 2005, sebanyak 80 buah kilang dengan nilai pelaburan sebenar berjumlah RM321.5 juta beroperasi dalam KKIP.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan adalah serius dalam memastikan pembangunan infrastruktur di semua negeri di Malaysia adalah seimbang. Faktor ini penting kerana ia merupakan salah satu faktor dalam menarik pelaburan asing ke Malaysia. Di bawah IMP3, menggariskan pelan tindakan bagi keseimbangan pembangunan serantau. Pelan tindakan ini akan memantau pembangunan infrastruktur di negeri-negeri yang kurang maju.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Ng Lip Yong: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat menyebut tentang pelaburan lebih kurang RM300 juta di KKIP. Persoalan yang saya bangkitkan dalam perbahasan ialah saya ingin tahu sama ada pelabur-pelabur telah melabur kerana adanya insentif cukai.

▪ 1530

Ataupun apakah pelabur-pelabur ini telah datang dengan atas sebab perkiraan yang lain, dan, saya ingin tahu dari negara manakah 80 buah kilang ini dan bolehkah Yang Berhormat sebutkan sedikit apakah jenis kilang-kilang yang 80 buah ini? Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih, Yang Berhormat Tuaran. Antara faktor-faktor yang menarik pelabur-pelabur ke mana-mana dalam negara kita ini termasuk sumber-sumber di kawasan itu. Saya bagi contoh, bukan KKIP tetapi POIC di Lahad Datu. Oleh sebab negeri Sabah mengeluarkan lebih kurang 30%...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya soalan itu sebab akta ini telah memuatkan insentif-insentif cukai yang dimuatkan dalam Bajet 2001, 2002 dan 2003 iaitu satu daripada insentifnya untuk Koridor Pantai Timur, Sabah dan Sarawak, sebagai contohnya ialah *double deduction*. Jadi, saya ingin tahu apakah insentif cukai ini telah berjaya menarik pelaburan. Saya tahu POIC, saya pun ada sebut juga tetapi yang melabur di POIC barangkali bukan disebabkan dengan insentif cukai tetapi oleh sebab dari sumber-sumber lain.

Persoalan saya di sini, persoalan pokok sebab dalam pindaan ini kita mahu meletakkan dalam akta insentif-insentif cukai, jadi persoalannya di sini apakah insentif-insentif cukai yang dipertaruhkan ini akan berkesan untuk membawa pelabur-pelabur di tempat-tempat seperti Sabah, Sarawak dan juga Koridor Pantai Timur. Itu persoalannya yang saya hendak tanya, kalau yang POIC itu tidak perlulah - pasal itu saya tidak faham, kenapa pelabur datang ke situ.

Tuan Ng Lip Yong: Okey, bagi KKIP, insentif cukai adalah salah satu faktor, ada banyak faktor lagi. Macam tadi saya katakan di mana-mana tempat di negara kita ini ada banyak faktor yang sama, macam stabiliti politik, sistem perundangan dan sebagainya. Saya boleh berikan sedikit sebanyak projek-projek di KKIP yang telah diluluskan dari tahun 2001 sehingga Mei 2007. Ini termasuk *Metro Sutra, UniMeca, Khoja Unic, FFM Flower Mill - ini Federal Flower Mill Sabah, KKB Industri Sabah, Fashion Funiture, Anchos Funiture,Cold Storage, Unimarker Machinery, Molycarbite, Borneo Chapter, Inovatory Funiture* dan sebagainya. Syarikat-syarikat ini kita boleh tengok banyak yang terlibat dalam perabot. Ini sebab negeri Sabah banyak mengeluarkan balak. Ini maksud saya bila saya sebutkan kita kena tengok sama ada tempat itu ada sumber-sumber yang diperlukan kerana....

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Boleh, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh kerana menyebut mengenai KKIP di mana pelabur-pelabur itu kita galakkan untuk berusaha di kawasan KKIP oleh kerana insentif-insentif ini tetapi malangnya apa yang kita lihat sebenarnya apa yang berlaku di KKIP ini tidak begitu seperti yang kita ceritakan ini disebabkan, pertama, kalau kita lihat di situ, walaupun kita mempunyai kayu-kayu balak tetapi sebenarnya kayu balak yang kita peroleh pada ketika ini bukan daripada Sabah sendiri. Ini kita import daripada luar, kita import dari Indonesia dan sebagainya. Yang menjadi masalahnya sekarang ini ialah pengangkutan perkapalan di Sabah. Itu yang selalunya timbul masalah di mana bila kita buat perbandingan *freight charges* selalunya tinggi kalau kita bandingkan dengan *freight charges* di Sabah dengan izin. Jadi, bagaimanakah insentif ini dapat menggalakkan pengusaha-pengusaha datang ke Sabah untuk berusaha di sana. Terima kasih.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya sambung sedikit, Tuan Yang di-Pertua, yang tadi itu. Ini sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada di sini sewaktu saya berbahas pada malam Khamis. Perbahasan saya pada malam itu, saya mengatakan bahawa yang ini cuma menyentuh insentif cukai sebagai salah satu faktor untuk membuat pelaburan. Tetapi kalau kita lihat kilang-kilang Yang Berhormat sebutkan tadi semuanya perabot. *Argument* saya ialah sama ada insentif cukai atau tidak cukai dia datang juga, pelabur ini akan buat.

Jadi persoalannya di sana apakah pihak kerajaan/kementerian telah membuat *cost benefit*. Apakah akhirnya *benefit* kepada kerajaan kalau dibagi lagi dengan insentif cukai dan semua ini, pulangan kepada kerajaan berapa, selepas itu kita tengok pekerjaanya pun siapa.

Kedua, dari segi yang disebut tadi, apa peranan kerajaan untuk memberi *infra*, yang tadi itu, menyelesaikan masalah-masalah infrastruktur. Macam yang POIC yang saya sebutkan tadi, dia buat pinjaman sepenuhnya dari kerajaan RM100 juta kepada POIC. POIC akan bayar kepada Kerajaan Persekutuan, tetapi yang RM100 juta bukan untuk *capital expenditure*, dia buat *infra*, buat jalan raya, bekalan elektrik di Lahad Datu. Selepas itu kita bayar balik kepada Kerajaan Persekutuan sedangkan itu adalah *infra*. Persoalannya, maknanya dia, satu, kita perkenalkan insentif cukai tetapi kenapa pula dalam soal *infra*, kenapa tidak menitikberatkan dalam soal *infra*.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukuplah.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih, kedua-dua Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba jawab, Yang Berhormat, supaya tidak berulang-ulang lagi.

Tuan Ng Lip Yong: Berkenaan dengan infrastruktur, ini adalah salah satu faktor yang menarik pelabur di kawasan. Saya sedar bahawa Sepanggar Bay itu adalah satu *port* yang baru dan saya selaku Pengerusi Malaysia *Logistic Council*, dalam perbincangan ada membincangkan bagaimana kita boleh mengurangkan *freight charges* dan sebagainya. Oleh sebab antara

Semenanjung, Sabah dan Sarawak, kita ada satu dasardi mana kita perlu menggunakan *liner* yang menggunakan bendera Malaysia atau *Malaysian own*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, antara cadangan yang dikemukakan adalah penubuhan *Kerteh Plastic Park*, dengan izin di Terengganu; naik taraf lapangan terbang, jalan raya dan landasan kereta api di Kelantan; pembinaan *Permanent Food Production Park*, Cluster Industries Minyak Sawit dan Integrated Halal Hub di Pahang; naik taraf Pusat Pengurusan Kesihatan Perikanan dan Kuarantin di Perlis; pembangunan *Cluster Petrol Chemical* di Sabah dan naik taraf jalan menghubungkan Oya - Mukah - Balingian dan Sibul - Bawang - Assan - Seredeng di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanah Merah mencadangkan supaya pemberian insentif-insentif untuk sektor-sektor yang sudah ada kemampuan tempatan perlu dikawal atau dihadkan. Tidak semua aktiviti industri diberi galakan untuk dibangunkan di negara ini. Ia hanya untuk aktiviti-aktiviti yang ditawarkan dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang telah memenuhi kriteria tertentu. Kerajaan maklum bahawa Malaysia tidak lagi dapat bersaing dengan negara-negara membangun seperti China dan India dalam industri berinsentif buruh dan berkos rendah.

Justeru tumpuan kini lebih kepada industri berteknologi tinggi dan nilai ditambah sektor baru muncul seperti *photonics*, *optoelectronics*, teknologi nano, *RFID*, *biotech* dan sebagainya.

■1540

Kerajaan juga menggalakkan sektor perkhidmatan yang mempunyai potensi tinggi untuk dibangunkan. Yang Berhormat Jasin ada mengemukakan pendapat supaya pemberian insentif ditumpukan kepada sektor-sektor yang akan memberi faedah kepada penduduk Malaysia dan bukannya kepada pekerja asing dan beberapa Yang Berhormat pun telah membangkitkan perkara ini. Kerajaan secara berterusan mengkaji dan menilai keperluan pekerja asing dalam sektor-sektor perkilangan. Sehubungan itu kerajaan telah melancarkan Skim Pinjaman Mudah bagi dana Automasi pada 23 Februari tahun ini yang diuruskan oleh *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* (MIDF). Antara objektif skim pinjaman mudah ini adalah untuk menggalakkan industri memodenkan dan mengautomasikan proses-proses perkilangan serta mengurangkan pergantungan kepada buruh asing.

Yang Berhormat Ipoh Barat telah membangkitkan isu pelaburan negara China sebanyak RM1 bilion untuk membangunkan infrastruktur di Afrika. Untuk maklumat Yang Berhormat Ipoh Barat, pelaburan dari negara China di Malaysia adalah dalam projek perkilangan dan bukannya pembangunan infrastruktur. Bagi tahun 2006, sebanyak USD36.5 juta dalam sektor perkilangan dari negeri China telah diluluskan. Lima sektor yang menerima pelaburan dari China adalah sektor barangan logam asas, percetakan dan penerbitan, kayu dan barangan kayu, kelengkapan, pengangkutan, barangan elektrik dan elektronik.

Yang Berhormat Kepong telah membangkitkan isu sama ada jumlah pelaburan bagi tahun 2006 sebanyak RM46 bilion merupakan pelaburan sebenar. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaburan sebanyak RM46 bilion yang telah diluluskan pada tahun 2006 merupakan komitmen atau perancangan pelaburan dalam sektor perkilangan. Dari segi pelaburan yang dilaksanakan daripada 5,889 projek yang diluluskan dalam tempoh 2001 sehingga 2006, sejumlah 4,271 atau 72.5% telah memulakan pengeluaran manakala 196 projek atau 3.3% adalah dalam peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Jumlah pelaburan dalam 4,467 projek yang telah dilaksanakan termasuk projek yang telah mula pengeluaran membina kilang dan memasang jentera adalah sebanyak RM92 bilion. Di samping itu, 118 projek dengan pelaburan sebanyak RM21.1 bilion telah memperoleh tapak. Sementara 972 projek melibatkan pelaburan sebanyak RM53.5 bilion adalah di peringkat perancangan aktif. Kesemua 1,090 projek yang akan dilaksanakan melibatkan pelaburan sebanyak RM74.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong juga membangkitkan soalan mengapa baru-baru ini kita baru membentangkan pindaan akta ini. Sebenarnya semua langkah yang dicadangkan atau cadangan-cadangan di dalam bajet dari tahun 2001 sehingga tahun lepas telah dilaksanakan secara pentadbiran semenjak ianya diumumkan. Berkenaan dengan analisis-analisis kos faedah dari insentif, saya telah beri jawapan tadi.

Berkenaan dengan lawatan di luar negara, misi-misi lawatan atau pelaburan dan perdagangan di luar negara adalah bertujuan menarik lebih ramai pelabur ke negara kita dan membangunkan perdagangan antara negara. Saya beri contoh, bila kita, bukan sahaja Menteri MITI yang buat lawatan, tetapi juga apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membuat lawatan ke luar negara, mereka pun membawa misi-misi, peniaga-peniaga untuk mengadakan *business forum* dengan izinnya dengan peniaga tempatan. Saya beri contoh, baru-baru ini di Moscow, Perdana Menteri mengadakan satu *business forum* dan kita ada sebanyak 192 *business matching meeting* dalam *business forum* itu. Saya tidak ada angka-angka berkenaan dengan lawatan dari peringkat kebangsaan atau peringkat negeri sejak tahun 1990 yang diminta oleh Yang Berhormat Kepong. Saya akan cuba bagi jawapan secara bertulis tetapi saya masih tidak tahu sama ada kita masih simpan rekod yang lama. Hasil dari misi perdagangan dan pelaburan, FDI meningkat dalam sektor perkilangan pada tahun, saya telah sebutkan tadi, tahun lepas kita sudah capai RM20.2 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan fokus kepada masa depan dari segi perkilangan sebenarnya dalam bulan Ogos tahun lalu kita pun telah melancarkan *Industrial Master Plan* Ketiga (IMP3). Dalam IMP3, kita telah menyenaraikan semua sektor-sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan berkaitan dengan perkilangan. Kita sudah menentukan 12 sektor pembuatan termasuk enam berasaskan sumber, *natural resources space* dan enam yang tidak terlibat seperti elektronik dan *electrical* dan antara lapan *services* atau perkhidmatan yang

kita galakkan ialah *tourism* dan logistik dan sebagainya. Berkenaan dengan pemindahan kilang-kilang dari Malaysia ke negara lain, sebenarnya kita telah beri jawapan kepada Yang Berhormat Kepong pada 28 Jun. Tidak benar bahawa banyak kilang sudah pun pindah ke luar negara. Dalam perniagaan, memang ada yang akan tutup oleh sebab pertukaran teknologi, kilang itu kena ditutup atau pindah ke tempat lain. Beliau tadi sebut berkenaan dengan Motorola di Penang. Motorola dahulu mereka membuat *pager* tetapi sekarang mana ada orang pakai *pager* lagi. Kalau tidak mungkin dia memberhentikan pengeluaran *pager* tetapi Penang sudah menjadi satu pusat R&D kepada Motorola di mana Motorola meletakkan R&D berkenaan dengan *mobile radio* dan selepas R&D berpusat di Pulau Pinang, mungkin dia pasang di negeri China oleh sebab *labour cost* yang lebih rendah di sana.

■ 1550

Itu pun adalah bertujuan untuk *industrial master plan* kita sebab kita tidak akan lagi ada industri yang *labor-intensive*. Kita belum *high-tech intensive* atau *capital-intensive industry* di negara kita ini.

Berkenaan dengan jika kita menurunkan satu peratus dalam cukai, adakah benar kita akan naikan FDI dua peratus - Kita tidak tahu dari mana Yang Berhormat Kepong dapat maklumat ini. Kalau boleh, saya ingin terimalah supaya kita boleh buat siasatan sama ada ini benar atau tidak. Sekiranya kita lihat Hong Kong, ia mengenakan satu kadar cukai yang sangat rendah, tetapi sekarang mana ada orang melabur dengan kilang-kilang di Hong Kong. Hong Kong sekarang ekonominya lebih daripada 90% adalah dalam perkhidmatan (*services*).

Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan usaha untuk menarik pelaburan asing dan beliau pun bercadang kita mesti ada koordinasi yang lebih baik dan kita mesti ada *delivery system* (sistem penghantaran) supaya kita mengurangkan birokrasi, itu pun saya sudah jawab.

Di sini saya boleh beritahu juga MITI di bawah MIDA kita sudah ada tubuhkan *District Industrial Implementation Units* bersama dengan kerajaan tempatan di mana-mana kawasan perindustrian. Kita juga ada projek *Implementation and Coordination Units* apabila kita meluluskan projek-projek di negara kita ini.

Ada banyak soalan dan juga perbahasan berkenaan dengan rokok, tetapi ini adalah luar daripada akta ataupun pindaan ini. So, saya tidak akan menjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tak payah sebut.

Tuan Ng Lip Yong: Yang Berhormat Sabak Bernam pun telah mencadangkan kita kena kawal tentang komposisi pekerja-pekerja di negara kita ini. Saya ingin memberitahu antara dua juta pekerja asing yang diluluskan di negara ini, cuma lebih kurang 600,000 yang bekerja dalam sektor perkilangan dan yang selebihnya dalam sektor perladangan dan juga pembantu rumah.

Yang Berhormat Puchong membangkitkan peranan NPC (*National Productivity Corporation*). NPC adalah satu agensi di bawah MITI dan tiap-tiap tahun kita keluarkan satu laporan tahunan seperti ini, [*Menunjukkan buku laporan*] yang baru-baru ini kita lancarkan. Di

dalam laporan ini, kita memberitahu tentang *efficiency* dalam semua sektor perkilangan di negara kita ini. Saya mengalu-alukanlah kalau ada Yang Berhormat-Yang Berhormat berminat, kita boleh mengedarkan laporan ini. Ada sekeping CD juga dalamnya.

Untuk dekad yang lepas itu iaitu dari tahun 1997 sehingga tahun 2006, produktiviti negara kita telah meningkat sebanyak 3.3% pada setiap tahun. Malaysia masih menarik pelaburan, ini dari segi angka-angka yang kita telah peroleh. Di sini pun saya ada angka-angka yang baru untuk bulan Januari sehingga bulan Mei tahun ini. Kita telah luluskan pelaburan sebanyak RM25.5 bilion. Sekiranya kita ikut trend ini, kita akan mencapai rekod yang lebih dari tahun lepas. Walaupun tahun lepas pun adalah satu rekod baru.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Sabak Bernam belakang itu.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak berbalik kepada komposisi pekerja asing ini. Sebenarnya jawapan 600,000 sahaja di peringkat kementerian ini dalam konteks pelaburan ini sebenarnya itu adalah angka yang sangat besar.

Hanya yang Sabak Bernam ingin bertanya ialah apakah dari segi dasar dalam konteks pelabur luar ataupun pelabur dalam negara sendiri, tentang pengambilan pekerja daripada negara kita. Perbandingan antara mengambil pekerja daripada luar negara dengan pekerja kita sendiri. Apakah tidak ada satu dasar yang memberikan satu insentif kepada pekerja tempatan dalam konteks pelaburan ini. Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Untuk perkilangan, kita ada satu dasar di mana kalau sebuah syarikat hendak melabur. Misalnya syarikat ini perlu 750 pekerja, kita bagi satu nisbah 2:1. Ini bermakna 500 mestilah orang-orang tempatan dan tak lebih daripada 250 pekerja asing. Itu adalah dari segi dasarnya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sikit lagi Timbalan Menteri. Saya ambil contoh di Sabak Bernam, ada satu kilang namanya 'Asayaki'. Ia mempunyai lebih daripada 1,200 pekerja dan 100% pekerja tempatan. Saya nak tanya syarikat ini, apakah insentif tambahan kepada syarikat yang sanggup dan berani mengambil pekerja tempatan sepenuhnya dan tidak ada mengambil pekerja daripada luar negara. Apakah insentif kepada syarikat ini kalau ada?

Tuan Ng Lip Yong: Saya mohon maaf. Saya tak tahu. Saya tidak ada maklumat tentang syarikat itu tetapi saya berharap Yang Berhormat akan bagi *detail* dan saya akan bagi jawapan secara bertulis.

Tadi Yang Berhormat Puchong pun membangkitkan bahawa kita kena memastikan apakah *competitive advantage* negara kita ini. Beliau mengatakan kita tidak ada analisis. Ini tidak benar sebab kalau kita baca IMP3, semua pun sudah ada dalam IMP3. Untuk membangunkan IMP3 atau menulis laporan itu, kali ini kita menggunakan semua tenaga di dalam

negeri. Kita tidak menggunakan konsultan-konsultan luar dan IMP3 ini pun melibatkan pihak industri.

Saya ingin memberitahu, buat masa ini mulai dari hari ini sehingga hari Khamis, MITI sedang ada berdialog dengan industri. Ini adalah satu langkah yang kita lakukan pada tiap-tiap tahun, di mana kita mengalu-alukan kedatangan pihak swasta supaya mereka boleh membangkitkan masalah-masalah yang dihadapi.

Pagi ini pun saya dapat menghadiri pembukaan majlis itu dan minggu ini kita akan ada lebih kurang 240 masalah yang akan dibangkitkan tetapi hanya 20 lebih yang *directly* terlibat secara langsung dengan MITI.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cuba tolong ringkaskan.

■1600

Tuan Ng Lip Yong: Ya, terima kasih. Dari segi macam mana kita menarik pelabur yang lebih sofistikated pada masa depan, yang ini terlibat dengan teknologi tinggi dan sebagainya. Kita juga ada insentif *pre-package*, ini bermakna dulu kita minta pelabur datang dan kita beritahu apa yang kita ada. Sekarang mungkin pelabur besar boleh memberitahu kepada kita apa kemudahan dia perlukan, saiz kilangnya, reka bentuk kilangnya dan kita mungkin boleh berbincang dan syarikat itu tidak perlu membeli tanah dan kilang, tetapi kita akan bina kilang itu dan sewakan kepada mereka. Itu adalah salah satu cara yang baru yang kita lakukan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, tidak panjang lagi cuma berkenaan dengan FTA dengan US. Pada masa ini, kita sudah ada enam pusingan perbincangan dengan pihak US dan kita sudah selesaikan banyak masalah tetapi masih belum selesaikan semua. Jemaah telah bersetuju, Kabinet juga sudah bersetuju, dan kita akan berbincang lagi dengan pihak US.

FTA dengan US, kalau kita tengok FTA yang kita ada dengan negeri Jepun ini iaitu MJEPA, kita boleh menyaksikan sudah bertambah perniagaan antara dua negara dan juga pelaburan dari negeri Jepun juga sudah meningkat selepas kita menandatangani MJEPA.

Berkenaan dengan FTA, kita di MITI telah tubuhkan 19 kumpulan pekerja atau *working group* sebelum kita mulakan perbincangan dengan US. *Working Group* melibatkan wakil-wakil dari sektor swasta, jadi ini tidak benar bahawa hanya pegawai-pegawai MITI ataupun agensi kita yang terlibat dalam perbincangan itu.

Berkenaan dengan IMP3, IMP3 saya sudah pun memberi sedikit maklumat dan kita telah melaksanakan IMP3. Contohnya dalam IMP3, kita telah mencadangkan menubuhkan dua majlis, satu Majlis Logistik Malaysia dan satu Majlis Pembangunan perkhidmatan. Kedua-dua majlis ini telah dijalankan dan Majlis Logistik Malaysia kita sudah tiga mesyuarat dan kita juga ada menubuhkan fokus *group* untuk meneliti dengan lebih mendalam dalam perkara-perkara yang berkaitan.

Akhirnya Yang Berhormat Jerai membangkitkan dilema dalam ekuiti. Pandangan saya, sekarang dalam globalisasi, selalunya kita mesti ada *strategic partner*. Kalau tidak, mungkin industri kita tidak boleh membangun seperti negara lain. Misalnya dalam industri automotif, dalam tahun 1950-an, mungkin di dunia ini ada lebih dari 50 buah kilang besar, tapi hari ini tidak sampai 20 buah kilang besar. Ini sebab banyak *consolidation*.

Itu sahajalah yang saya ingin memberi jawapan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian perbahasan. Sekali lagi saya ucap terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 40 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dikemukakan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AKTIVITI KERAJAAN ELEKTRONIK 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.08 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007, iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengiktirafan bagi undang-undang mesej elektronik dalam urusan antara kerajaan dengan orang awam, penggunaan mesej elektronik untuk memenuhi kehendak undang-undang, dan untuk membolehkan dan memudahkan urusan itu melalui penggunaan cara elektronik dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, MAMPU telah diamanatkan bagi menerajui dan melaksanakan usaha-usaha pembaharuan dan pemodenan pentadbiran serta perancangan pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan awam.

MAMPU juga sebagai agensi pusat dan peneraju dalam memastikan teknologi ICT dimanfaatkan secara berkesan dalam memperkasakan pentadbiran awam. Dalam hal ini MAMPU memainkan peranan penting dalam perancangan dan pembangunan sistem dan aplikasi ICT di agensi-agensi kerajaan.

Di samping itu, MAMPU turut berperanan sebagai agensi tunggal pelaksanaan projek-projek aplikasi kerajaan elektronik iaitu e-perolehan, sistem pemantauan projek ataupun SPP2, e-khidmat, sistem pengurusan maklumat sumber manusia ataupun HRMIS, persekitaran pejabat generik GOE, e-syariah dan Bursa Buruh Elektronik - ELX. Aplikasi kerajaan elektronik dengan inisiatif-inisiatif pembangunan aplikasi ICT yang baru seperti e-tanah, e-pbt, e-masyarakat dan e-pembelajaran terus dimantapkan dan diperluaskan.

MAMPU turut memantau pembangunan projek-projek ICT sektor awam dari aspek integrasi, *inter of 'probability'* serta keselamatan ICT. Penekanan terhadap aspek pemantauan diberikan supaya pelaburan kerajaan dalam bidang ini benar-benar dapat menyumbang sebagai *enabler* dengan izin dalam penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti, selamat dan mesra pelanggan serta dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dalam talian.

■1610

Selain itu, MAMPU turut merangka strategi bagi memantau dan memastikan usaha-usaha pembangunan aplikasi ICT di peringkat agensi dilaksanakan dengan tersusun dan berkesan kepada orang ramai secara *back hand atau front hand*.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan undang-undang terhadap suatu transaksi elektronik dalam urusan antara kerajaan dengan orang awam. Rang undang-undang ini akan memudahkan urusan dan transaksi dilakukan secara elektronik serta diiktiraf dari segi undang-undang. Pengenalan rang undang-undang ini akan memberi keyakinan dan perlindungan kepada rakyat dan kerajaan dalam urusan secara elektronik serta mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Perlaksanaan rang undang-undang ini adalah selaras dengan pelaksanaan aplikasi-aplikasi elektronik di agensi kerajaan. Rang undang-undang ini juga adalah sejajar dengan dasar kerajaan untuk memudahkan urusan perniagaan secara elektronik serta menggalakkan penggunaan teknologi informasi dan komunikasi dalam urusan perdagangan serantau dan global.

Pada masa ini terdapat pelbagai undang-undang tertentu yang mengawal selia aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan. Antara aktiviti kerajaan yang dimaksudkan ialah permohonan untuk mendapatkan lesen dan permit, pelbagai jenis bayaran secara elektronik,

permohonan dokumen rasmi yang dilindungi atau ditentukan peraturannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis seperti *passport* dan kad pengenalan serta penggunaan pelbagai jenis borang oleh agensi kerajaan.

Lazimnya, urusan-urusan ini dikendalikan secara manual. Namun begitu, urusan-urusan berkenaan kini dapat dilaksanakan melalui cara elektronik dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti perkhidmatan melalui *kiosk*, kemudahan memuatkan turun borang permohonan serta urusan pendaftaran melalui laman web agensi kerajaan. Perkembangan ini mewujudkan keperluan untuk meyakinkan rakyat dan pihak-pihak lain bahawa urusan mereka dengan kerajaan melalui cara elektronik adalah sah dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengiktirafan undang-undang terhadap mesej elektronik yang digunakan dalam urusan antara kerajaan dengan orang awam. Penggunaan mesej elektronik untuk memenuhi kehendak undang-undang dan untuk membolehkan dan memudahkan urusan itu melalui penggunaan cara elektronik dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Bahagian I, mengandungi peruntukan permulaan, iaitu:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas yang bertujuan untuk memberi menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk menetapkan skop pemakaian akta yang dicadangkan.

Fasal 3 bertujuan memperuntukkan bahawa seseorang boleh menjalankan urusan dengan cara elektronik dengan kerajaan, jika orang itu bersetuju dan persetujuan itu boleh diberi secara nyata atau tersirat.

Fasal 4 bertujuan untuk menjelaskan hubungan antara akta yang dicadangkan undang-undang bertulis lain yang mengawal selia aktiviti kerajaan.

Fasal 5 bertujuan untuk mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Bahagian II, mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pentadbiran dan pemakaian akta yang dicadangkan kepada undang-undang bertulis.

Fasal 6 bertujuan untuk memberi kuasa kepada menteri yang berkaitan untuk menetapkan mana-mana undang-undang bertulis atau sebahagian daripadanya bagi maksud pemakaian akta yang dicadangkan dan untuk mengenakan apa-apa syarat yang disifatkan patut.

Fasal 7 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada menteri yang berkaitan untuk mengecualikan mana-mana perundangan subsidiari kepada akta yang ditetapkan daripada pemakaian akta yang dicadangkan dan untuk memasukkan mana-mana perundangan subsidiari yang telah dikecualikan di bawah subfasal 7(2) bagi maksud pemakaian akta yang dicadangkan.

Fasal 8 memperkatakan mengenai kesan pemansuhan suatu akta yang ditetapkan dan kuasa menteri yang berkaitan untuk mengecualikan akta yang dipinda atau sebahagian daripadanya daripada pemakaian akta yang dicadangkan.

Fasal 9 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada menteri untuk mengeluarkan teknologi maklumat.

Bahagian III, mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pengiktirafan undang-undang terhadap mesej elektronik.

Fasal 10 memperkatakan kesan undang-undang, kesahannya dan kebolehlaksanaan suatu mesej elektronik.

Fasal 11 memperuntukkan bahawa tawaran, penerimaan tawaran dan pembatalan tawaran dan penerimaan atau apa-apa komunikasi lain yang berkaitan boleh dinyatakan melalui mesej elektronik. Fasal ini juga memperuntukkan bahawa pengesahan kesan undang-undang, kesahan dan kebolehlaksanaan kontrak yang terbentuk melalui penggunaan suatu mesej elektronik.

Bahagian IV, mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan menghapuskan halangan undang-undang terhadap urusan elektronik.

Fasal 12 memperuntukkan bahawa jika kehendak undang-undang bagi maklumat hendaklah secara bertulis. Kehendak itu boleh dipenuhi oleh satu mesej elektronik yang boleh dicapai dan boleh difahami untuk rujukan yang berikutnya.

Fasal 13 memperuntukkan bahawa tandatangan elektronik yang memenuhi kriteria dengan subfasal 13(1) memenuhi apa-apa kehendak undang-undang bagi tandatangan. Fasal ini juga menyatakan bahawa kriteria yang hendak dipertimbangkan dalam menilai kebolehpercayaan suatu tandatangan elektronik.

Fasal 14 memperuntukkan bahawa satu tandatangan digital memenuhi kehendak undang-undang bagi suatu meterai untuk dicapkan pada suatu dokumen. Fasal 14 juga memberi kuasa kepada menteri untuk menetapkan apa-apa jenis tandatangan elektronik lain yang mungkin terdapat pada masa hadapan yang boleh memenuhi apa-apa kehendak undang-undang bagi mengecapkan meterai pada suatu dokumen.

Fasal 15 memperuntukkan bahawa seseorang saksi boleh menggunakan suatu tandatangan elektronik untuk memenuhi apa-apa kehendak undang-undang bagi tandatangan seseorang saksi di suatu penandatanganan sesuatu dokumen atau kepada sesuatu aktiviti kerajaan.

Fasal 16 memperkatakan keadaan apabila terdapat kehendak undang-undang bagi apa-apa dokumen dalam bentuk asalnya. Suatu mesej elektronik dianggap sebagai suatu dokumen asal sekiranya ia memenuhi kriteria dalam subfasal 16(1). Fasal 16 juga memperuntukkan bahawa kriteria untuk menilai integriti maklumat dan standard kebolehpercayaan maklumat yang dikehendaki bagi mesej elektronik itu hendaklah dianggap sebagai asal.

Fasal 17 memperuntukkan keadaan apabila terdapat kehendak undang-undang bagi pengemukaan suatu salinan dokumen diakui sah. Ia memenuhi kehendak undang-undang itu

jika dokumen itu dikemukakan dalam bentuk satu mesej elektronik dan memenuhi kehendak di bawah fasal 16.

Fasal 18 bertujuan untuk peruntukan tentang penyimpanan, penyampaian, penghantaran atau penyerahan dokumen dalam bentuk mesej elektronik dalam suatu salinan memenuhi apa-apa kehendak undang-undang bagi menyimpan, menyampaikan, menghantar atau menyerahkan dokumen dalam lebih daripada satu salinan.

Fasal 19 memperuntukkan keadaan apabila terdapat kehendak undang-undang bagi pemfailan atau pengemukaan apa-apa dokumen. Kehendak itu boleh dipenuhi jika dokumen itu difailkan atau dikemukakan dalam bentuk suatu mesej elektronik yang boleh dicapai, yang boleh difahami untuk rujukan yang berikutnya.

Fasal 20 memperuntukkan keadaan di mana suatu undang-undang menghendaki suatu dokumen dan suatu bentuk yang ditetapkan. Kehendak undang-undang itu dipenuhi oleh suatu dokumen dalam suatu mesej elektronik jika mesej elektronik itu memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam fasal 20.

Fasal 21 memperuntukkan keadaan di mana suatu undang-undang menghendaki pengeluaran apa-apa lesen, permit, kelulusan, kebenaran atau dokumen yang serupa. Kehendak undang-undang itu dipenuhi jika lesen permit, kelulusan, kebenaran atau dokumen yang serupa itu dikeluarkan dalam bentuk suatu mesej elektronik yang boleh dicapai dan boleh difahami untuk rujukan yang berikutnya.

Fasal 22 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa penyimpanan suatu dokumen dalam bentuk mesej elektronik memenuhi apa-apa kehendak undang-undang bertulis untuk menyimpan dokumen itu. Kehendak itu dipenuhi oleh suatu mesej elektronik jika mesej elektronik itu memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam fasal 22.

Fasal 23 memperuntukkan keadaan di mana suatu undang-undang menghendaki apa-apa daftar diwujudkan, dikendalikan atau diselenggarakan. Kehendak itu dipenuhi sekiranya daftar itu dalam bentuk suatu mesej elektronik dan kandungan yang tidak boleh diubah dengan cara yang sah oleh mana-mana orang yang mentadbir daftar itu yang mempunyai kuasa di sisi undang-undang untuk mengubah daftar.

Fasal 24 memperuntukkan bahawa penyampaian atau penyerahan apa-apa dokumen melalui suatu cara elektronik, memenuhi apa-apa kehendak undang-undang untuk menyampaikan atau menyerahkan apa-apa dokumen.

Fasal 25 memperuntukkan keadaan apabila terdapat kehendak undang-undang melalui suatu dokumen dikemukakan atau diserahkan secara sendiri. Kehendak itu dipenuhi jika dokumen itu dikemukakan mengikut fasal 19 berserta suatu tandatangan elektronik.

Fasal 26 memperuntukkan keadaan yang mana suatu undang-undang menghendaki apa-apa penyerahan dibuat. Kehendak itu dipenuhi jika pembayaran itu dibuat secara elektronik dan mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh kerajaan.

■ 1620

Fasal 27 memperuntukkan keadaan yang mana satu undang-undang menghendaki pengeluaran apa-apa resit pembayaran. Kehendak itu dipenuhi sekiranya resit itu adalah di dalam bentuk suatu mesej elektronik yang boleh dicapai dan boleh difahami untuk rujukan yang berikutnya.

Bahagian V mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan komunikasi mesej elektronik.

Fasal 28 memperuntukkan keadaan sekiranya terdapat persoalan sama ada suatu mesej elektronik sebenarnya telah dihantar oleh orang ditunjukkan sebagai pemula.

Fasal 29 memperkatakan masalah kesilapan dalam kandungan suatu mesej elektronik akibat daripada satu kesilapan semasa penghantaran mesej elektronik itu.

Fasal 30 memperkatakan masalah penerimaan pendua sesuatu mesej elektronik yang mana hendaklah dianggap berasingan daripada suatu mesej elektronik asal melainkan penerima mempunyai pengetahuan bahawa mesej elektronik itu adalah suatu pendua.

Fasal 31 bertujuan untuk mengadakan peruntukan tentang masa suatu mesej elektronik itu disifatkan dihantar.

Fasal 32 bertujuan untuk mengadakan peruntukan tentang masa suatu mesej elektronik itu disifatkan diterima.

Fasal 33 bertujuan untuk mengadakan peruntukan tentang tempat suatu mesej elektronik itu disifatkan dihantar.

Fasal 34 bertujuan untuk mengadakan peruntukan tentang tempat suatu mesej elektronik itu disifatkan diterima.

Fasal 35 memperuntukkan tentang cara dan kesan pengakuterimaan suatu mesej elektronik.

Bahagian VI yang mengandungi fasal 36 bertujuan untuk memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah akta yang dicadangkan.

Oleh yang demikian, rang undang-undang ini ialah bertujuan untuk memberi pengiktirafan undang-undang terhadap sesuatu mesej elektronik dalam urusan antara kerajaan dengan orang awam. Membolehkan penggunaan mesej elektronik untuk memenuhi kehendak undang-undang dan memudahkan urusan mengakui penggunaan cara elektronik dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Rang undang-undang ini akan dapat memudahkan pelaksanaan urusan atau transaksi secara elektronik tanpa meminda atau membatalkan mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Selain memberikan pengiktirafan dan kepastian undang-undang ke atas semua urusan di dalam bentuk elektronik, rang undang-undang ini juga akan melengkapkan undang-undang sedia ada tanpa menjejaskan mana-mana aktiviti yang dilakukan secara manual. Rang

undang-undang ini juga akan menyokong usaha-usaha untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengiktirafan undang-undang mesej elektronik dalam urusan antara kerajaan dengan orang awam. Penggunaan mesej elektronik untuk memenuhi kehendak undang-undang dan untuk membolehkan dan memudahkan urusan itu melalui penggunaan cara elektronik dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Ya, Hulu Langat.

4.23 ptg.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum dapat Tan Sri Yang Berhormat.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tak lama lagi tu. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membincangkan secara spesifik dalam perbahasan ini berkenaan dengan rang undang-undang ini, izinkan saya menyentuh sedikit perkara berkenaan dengan kerajaan elektronik atau E-kerajaan itu sendiri. Kerajaan elektronik sering didefinisikan sebagai *e-business of the State* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kerana alasannya ialah dalam kedua-dua hal E-kerajaan atau E-perniagaan, ia mungkin menggunakan *hardware* atau berkemungkinan besar menggunakan *software* yang sama.

E-kerajaan kadangkala ditafsirkan dalam erti kata yang sempit sebagai perkhidmatan kepada rakyat dalam bentuk elektronik atau *reengineering with technology* dengan izin atau *procurement* dalam bentuk melalui laman-laman web atau internet. Ada yang melihat E-kerajaan sebagai satu transformasi yang sangat penting dalam usaha kerajaan untuk mempertingkatkan taraf penyampaian atau *delivery* kerajaan kepada masyarakat atau pelanggannya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dengan adanya aktiviti kerajaan secara elektronik yang akan dikemukakan oleh rang undang-undang ini tetapi dengan adanya rang undang-undang itu semata-mata, ia tidak akan berjaya meningkatkan tahap penyampaian kerajaan jika teknologi informasi itu tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, efisien, atau mempunyai ketelusan serta akauntabiliti.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum berjaya dalam hasrat untuk melaksanakan undang-undang ini, kerajaan atau kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan mestilah memastikan

kewujudan atau kehadiran mereka di ruang siber, di alam siber, seperti juga penubuhan pejabat, jabatan, cawangan dan sebagainya, kerajaan mestilah mewujudkan kehadiran mereka di alam siber dengan mengadakan laman-laman web tertentu bagi menunjukkan bahawa wujudnya alamat yang boleh dituju bagi tujuan menghubungi atau berkomunikasi dengan kerajaan tersebut. Sesuatu laman web yang baik mestilah mempunyai kemudahan bagi rakyat untuk mendapat komunikasi yang baik, mempunyai pelbagai kriteria tertentu.

Di antaranya ialah, mesti mempunyai pangkalan data yang lengkap, mempunyai klip audio video, memberi akses kepada bahasa asing, terutama sekali bagi pelanggan-pelanggan daripada luar negara, tidak mempunyai terlalu banyak iklan yang kononnya menaja laman web tersebut, tidak mengenakan yuran dan satu perkara yang sangat penting ialah mempunyai polisi privasi iaitu mempunyai polisi *secrecy* yang cukup tinggi bagi menghalang data-data pelayar web itu tidak dapat digunakan dengan sewenang-wenangnya.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada kajian yang dibuat oleh Universiti Brown daripada Amerika Syarikat dalam global *e-government* tahun 2006 yang menyatakan bahawa daripada 198 buah negara, Malaysia berada di kedudukan ke 36. Dan gambaran berikutnya yang ditunjukkan oleh kajian ini menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia tidak mengguna pakai asas-asas penilaian yang saya nyatakan di atas tadi, saya nyatakan berkenaan pangkalan data yang lengkap, mempunyai klip video, klip audio, memberi akses kepada bahasa asing dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Petra Jaya Yang Berhormat.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Oh.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat tadi salah satu di mana Malaysia menduduki tempat ke 36 dalam *ranking* dunia dalam penggunaan internet. Dan mungkin salah satu puncanya ialah kita tiada dasar yang jelas berkaitan dengan privasi, polisi privasi kita tidak jelas. Maknanya kita belum ada undang-undang yang melindungi hak privasi seseorang individu. Dan mungkin ini salah satu punca mengapa tarikan kepada penggunaan internet ini belum begitu dapat berjaya menarik. Apakah pandangan Yang Berhormat Hulu Langat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Juga menyentuh perkara ini dalam perbincangan titah diraja tempoh hari. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Sorry, sorry.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai dia mimpi sekejap.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Nantilah dulu Jerai, nak tanya kemudian sikit. Terima kasih Yang Berhormat Petra Jaya, memang benar dan saya akan mengupas sedikit

sebanyak berkenaan dengan masalah mengapa laman-laman web, laman-laman web kerajaan terutama sekali, kurang mendapat kunjungan oleh bukan sahaja ahli masyarakat tempatan iaitu pelanggan kerajaan itu sendiri tetapi juga oleh pelayar-pelayar asing.

■1630

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh sambung 5.30?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, apa lagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk dulu. Yang Berhormat sambung 5.30 lah, kita ada Usul 18(1).

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Alright.*

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**MENGUBAL UNDANG-UNDANG DAN MELESENKAN SYARIKAT-SYARIKAT RUJUKAN
KREDIT (*CREDIT REFERENCE AGENCIES*)**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi, satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan Usul ini. Pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi kawasan Kota Bharu sila mulakan.

4.30 ptg.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk mengemukakan usul tergepar di bawah Peraturan 18(1) mengenai perlunya kita ada rang undang-undang yang secukupnya untuk melindungi maklumat-maklumat peribadi yang digunakan oleh syarikat-syarikat ataupun agensi *credit reference* ataupun rujukan kredit negara kita. Sebelum itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan usul ini yang kita tahu pada lazimnya agak sukar hendak diluluskan, tetapi di atas keprihatinan Tuan Yang di-Pertua tentang pentingnya perkara ini, saya percaya rakan-rakan yang lain rasa bernasib baik kerana diberi peluang ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang timbul hari ini bukan semata-mata kerana episod CTOS tempoh hari. Perkara ini telah lama diperkatakan dan rungutan orang ramai tentang maklumat-maklumat yang ada di syarikat-syarikat rujukan kredit tadi, maklumat-maklumat yang

ada dalam bank, *financial institution* yang lain tidak dikawal oleh kerajaan. Itu rungutan sebenar. Tujuh tahun dahulu, CAP ataupun *Consumer Association Penang*, sebuah badan yang begitu banyak berjasa melindungi hak orang-orang awam...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Larut.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Baharu]: Baru mula saja ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terpulanglah kepada Yang Berhormat ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Tahniah kerana kesedaran yang timbul. Cuma saya hendak tanya pada Yang Berhormat, masalah tentang badan maklumat kredit ini. Saya rasa 17 tahun wujudnya badan seperti CTOS, sedangkan kita tahu ia telah menimbulkan banyak masalah dan kesulitan kepada data-data dan maklumat, menimbulkan masalah kepada pihak peminjam. Mereka yang mengalami masalah ini sudah menjadi satu isu negara. Saya hendak tanya Yang Berhormat, di mana kedudukan Bank Negara dalam boleh timbulnya masalah ini hingganakan sebuah badan agensi yang telah menyebabkan ramai yang menimbulkan kesulitan, bukan sahaja hendak meminjam tetapi maklumat tentang data peribadi, pihak orang lain yang lebih mengetahui daripada empunya diri.

Sedangkan institusi kehakiman barangkali sudah membuat satu keputusan ke atas peminjam itu, tetapi ada badan lain pula yang menidakkan. Jadi apakah Yang Berhormat melihat bahawa adanya badan sebagai yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, badan tentang maklumat kredit ini boleh sekiranya kita *updatekan* dengan izin, boleh memberi satu kesedaran bahawa kita mesti mempunyai satu badan yang dilesenkan dan lebih banyak badan seperti ini diadakan, ini akan memberi satu kompetitif supaya ada kualiti perkhidmatan kepada peminjam-peminjam, mereka yang terlibat dalam hal ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Baharu]: Memang kita perlu kepada badan-badan yang berwibawa dan yang berkebolehan, tetapi yang penting ialah undang-undang itu sendiri mesti ada dahulu.

Saya ingin teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Kita di negara ini begitu bersungguh-sungguh mempertahankan apa yang kita kata *official secret*, maklumat rasmi kerajaan hingganakan perjanjian *toll concession* pun kita pertahankan, sulit. Kita pertahankan banyak benda sulit. Apa-apa sahaja yang ditentukan oleh kerajaan, sulit, tetapi di dalam mempertahankan maklumat rakyat, orang-orang biasa, kita begitu dengan izin, *cavalier*, kita macam seolah-olah tidak peduli sangat. Kita tidak ada undang-undang khusus untuk menghormati maklumat-maklumat ini dan perlindungan undang-undang ini untuk rakyat semua.

Kita tahu bahawa maklumat persendirian ini adalah penting untuk menjaga nama baik, untuk *business* kita, untuk hubungan kita dengan orang ramai. Sebab itu orang tua-tua kata, kalau harimau mati tinggal belang, manusia mati tinggal nama. Nama itu mustahak bagi rakyat sebenarnya. Kalaulah kerajaan tidak dapat melindungi, maka pada hemat saya ini adalah satu kegagalan.

Kita tahu bahawa Deklarasi Hak Asasi Manusia, Perkara 12, dengan jelas memperuntukkan bahawa dengan izin, saya baca. Perkara 12 Deklarasi Hak Asasi Manusia berbunyi, "Tidak ada sesiapa pun yang boleh diganggu privasinya, hal keluarga, kediaman, surat-menyurat dengan sewenang-wenang dan tidak boleh diselar maruah dan reputasinya. Setiap orang mempunyai hak untuk diberi perlindungan undang-undang terhadap gangguan atau selaran sedemikian."

Ini prinsip Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat dan di negara-negara Eropah juga di bawah Perkara 8 mempunyai peruntukan yang sama. So, setiap orang mempunyai hak untuk dihormati kehidupan persendiriannya dan maklumat mengenainya, kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita begitu kemas dalam menyimpan rahsia, "*state secrets*", saya syorkan kita juga bersamalah bersungguh-sungguh mempertahankan maklumat peribadi orang ramai. Soal yang timbul dari CTOS ini seperti yang saya katakan tadi, soal lama. Banyak keluhan orang ramai yang kita dengar. Kadang-kadang kita sendiri tertanya-tanya apakah sebab dan punca sebenarnya perkara ini berlaku? Sedangkan kita ada undang-undang, khususnya Undang-undang *Financial Act*, BAFIA, kita ada peruntukan yang tertentu. Kita juga ada, bila kita buka akaun dengan bank, kita ada *Common Law Secrecy*, dengan izin, iaitu perjanjian di antara pemegang akaun dengan bank tersebut dan maklumat-maklumat tertentu tidak dapat disebarikan, tetapi hari ini orang berniaga dengan maklumat ini.

Sebab itu maka timbul tanggapan sesetengah pihak bahawa *business* penjualan maklumat ini mungkin begitu lumayan sehinggakan ada puak-puak tertentu, pihak-pihak tertentu yang menjual maklumat ini sebagai komoditi dan mengambil kesempatan kerana kita tidak ada undang-undang yang kukuh untuk memantau perkara ini. Bank Negara sendiri ada bironya. Sudah lama ditubuhkan. *Credit Bureau*, Bank Negara, tetapi kita juga dalam kekecohan tempoh hari, kita ada *Association of Banks* yang mengatakan kita juga memerlukan maklumat dari CTOS. Kita menggunakannya kadangkala, dia kata.

Ini menimbulkan tanda tanya apakah biro bank sendiri tidak mempunyai maklumat yang lengkap, yang *up-to-date* sehinggakan terpaksa menggunakan syarikat swasta untuk mendapat maklumat. Tanda tanya ini kita kena timbulkan kerana kebocoran maklumat ini, Tuan Yang di-Pertua, berlaku sewenang-wenangnya. Kita tengok dan kita tengok dalam televisyen kadang-kadang, semata-mata kerana seseorang itu ada saman di mahkamah, maka keluarlah berita, si polan dan si polan itu disaman, tetapi tidak juga diberitahu apakah sebenarnya kes itu.

▪ 1640

Apakah sebenarnya pembelaan yang ada di mahkamah, apakah tuntutan itu *frivolous* kata orang. Maksud saya, bila maklumat itu diedarkan secara begitu mudah tanpa kod etika, tanpa kawalan, maka orang akan menggunakan maklumat ini untuk keuntungan mereka tertentu untuk tujuan-tujuan tertentu. Sebab itulah di negara-negara maju, apabila saya sebut negara maju ini saya maksudkan Malaysia ini negara maju, sebab itu mereka ada undang-undang khusus, Credit Reporting Act kah di Amerika, Consumer Protecting Act di England, Commissioner of Information, semua ini ada disediakan oleh kerajaan supaya maklumat *personal* ini dilindungi dari disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu.

Kalau kita lihat dari segi kisah-kisah yang dilaporkan dalam akhbar mengenai maklumat yang dijual ataupun disediakan oleh agensi-agensi, kita dapati sesetengahnya, maklumat itu tidak tepat dan kita tahu bahawa maklumat yang tidak tepat itu sungguh merbahaya. Kadangkala maklumat itu tidak ada kena-mengena dengan perkara yang dipertimbangkan oleh sesuatu badan itu. Misalnya kita baca laporan mengenai seorang ahli kelab golf...

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun. Ya, Hulu Langat.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Yang Berhormat menyentuh tentang rujukan yang dibuat oleh pihak bank bagi tujuan mendapatkan maklumat tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa biasanya dalam dokumen gadaian atau dalam dokumen pinjaman yang ditandatangani oleh pihak bank dengan pelanggannya atau penggadai atau peminjam, biasanya terdapat satu *clause* yang cukup istimewa yang memberi peruntukan atau kebenaran kepada bank itu untuk *disclosed*, untuk mendedahkan apa jua maklumat yang berkaitan dengan pelanggan itu.

Dalam keadaan sedemikian bagaimana Yang Berhormat ingin *reconcile* dengan izin, supaya perkara yang sebegini tidak boleh berlaku dengan adanya akta atau undang-undang yang menyekat pengeluaran atau penggunaan maklumat-maklumat atau maklumat peribadi seseorang, terutama sekali kepada peminjam itu sendiri. Akhirnya kalau adapun biro yang berkenaan bagi mengumpulkan maklumat di antara bank-bank berkenaan, nampaknya biro itu tidak mempunyai maklumat yang lengkap untuk tujuan kegunaan dan akhirnya sepatutnya fasal berkenaan, *clause* berkenaan dalam perjanjian tidak sepatutnya digunakan sama sekali. Sila Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat, memanglah dalam kita membuat pinjaman ini banyak perkara, banyak *clause* yang orang-orang biasa sudah tentunya tidak mampu mengatasi dan menerima sahaja apa-apa peruntukan yang diberi. Sebab itulah negara lain juga mungkin ada *clause* sedemikian dalam perjanjian

mortgaganya tetapi kerajaan mengambil pendekatan yang lebih tepat untuk memastikan bahawa maklumat yang digunakan itu adalah untuk tujuan spesifik pemohon itu. Sebab itulah kalau kita kaji *legislation* atau peraturan-peraturan yang ada di negara-negara maju mereka lebih teliti dan terapi.

Apa tujuan kita hendak maklumat itu, apakah maklumat itu benar dan sebagainya dan jika tidak benar kita diberi peluang untuk memperjelaskan, ini yang kita mahu dalam rang undang-undang di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, soal...

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Kota Bharu kerana memberikan peluang kepada saya untuk mencelah. Saya bersetuju dengan pandangan Kota Bharu tadi bahawa perlu ada satu undang-undang bagi melindungi rakyat dalam negara kita bukan sekadar kerajaan dan di negara luar juga sebagai contoh United States of America, mereka ada apa yang dikatakan The Federal Fair Credit Reporting Act (FCRA) untuk melindungi pelanggan-pelanggan mereka. Adakah Yang Berhormat Kota Bharu menyedari juga di samping CTOS ini ada lagi syarikat-syarikat yang berperanan menjual maklumat ini juga.

CTOS dan juga BRIS yang boleh kita layari melalui www.bris.com.my yang juga berperanan dan boleh menjadi seperti CTOS. Adakah Yang Berhormat menyedari tentang adanya syarikat-syarikat ini dan kenapa hari ini CTOS sahaja yang menjadi *targetnya*? Jadi kalau Yang Berhormat ada maklumat itu untuk kita kongsi bersama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua sebenarnya seperti yang saya sebut awal-awal tadi, persoalan usul ini bukan kepada CTOS atau kepada sesiapa. Ia sebenarnya mengkhususkan kepada perlunya peraturan dan undang-undang untuk mengawal syarikat-syarikat yang menjual maklumat, bukan sahaja CTOS, kepada semua syarikat-syarikat yang mengendalikan *business* ini. Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah kalau kita tidak ada undang-undang seperti yang dicadangkan ini maka budaya yang tidak menghormati maklumat ini akan berterusan.

Saya baca dalam pergolakan CTOS hari itu, mereka berkata, kita hanya mendapatkan maklumat-maklumat yang datangnya daripada Jabatan Insolvensi misalnya, jabatan kerajaan, agensi, mahkamah dan sebagainya dan kita tidak bertanggungjawab sama ada betul atau tidak maklumat ini. Pada kami Tuan Yang di-Pertua, bila kita berhadapan dengan keadaan sedemikian, pertamanya kita harus memastikan, kita itu termasuklah agensi kerajaan, Jabatan Insolvensi, Bank Negara dan sebagainya. Kita haruslah mempunyai satu budaya yang inginkan maklumat yang benar untuk disimpan dalam data *base* kita. Kalau tidak semua orang akan mengatakan ini maklumat rasmi katakan.

Jadi bukan sahaja undang-undang yang kita perlukan tetapi satu budaya yang mahukan maklumat itu tepat dan betul dari segi konteks dia dan ini memerlukan satu tindakan oleh kerajaan yang bersungguh-sungguh. Saya merujuk kepada misalnya dalam televisyen saya ingat RTM misalnya sebagai contoh, menceritakan tentang anak gemilang Malaysia dan saya melihat dalam notanya Tan Sri Abdul Kadir Yusof, mengatakan dianya bekas itu dan ini dan juga bekas Ketua Hakim negara. Setahu saya Tan Sri Abdul Kadir bukan dan tidak pernah menjadi Ketua Hakim Negara, dia adalah *Attorney General* misalnya, tetapi maklumat ini tidak memalukan sesiapa mungkin, tidak merugikan sesiapa tetapi ini menunjukkan perlunya jabatan kerajaan sendiri dan agensi kerajaan sendiri mengemaskinikan data.

Kalau kita tidak memperkemas maklumat di Jabatan Insolvency, di jabatan-jabatan lain, dalam bank-bank kita, kredit biro kita maka orang akan mengambil kesempatan ini dan memperniagakan maklumat-maklumat yang salah. Jadi sebab itulah selain daripada rang undang-undang yang diperlukan dan saya percaya pihak kerajaan mampu menggubal rang undang-undang ini.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Petra Jaya Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, dalam sistem proses perundangan kita kalau kita melihat dalam proses tindakan sivil misalnya, kita tiada peraturan khusus untuk meletakkan kad pengenalan, nombor kad pengenalan sebagai suatu asas untuk pengenalan kepada seseorang individu, hanya meletakkan nama. Ini kadang-kadang diperoleh oleh syarikat-syarikat yang memberi maklumat itu tadi dan di situlah mungkin puncanya timbul ketidaktepatan kepada maklumat.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini dan apakah cadangan supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan mensyaratkan bahawa nombor kad pengenalan diwajibkan dalam apa-apa tindakan mahkamah supaya tidak akan timbul perselisihan dari segi pertindihan nama yang banyak persamaan di Malaysia ini. Terima kasih.

■ 1650

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa-apa langkah sekalipun termasuklah cadangan Yang Berhormat tadi saya rasa jika diperlukan untuk kita mendapatkan maklumat yang sebenar dalam *database* kita saya rasa kita harus pertimbangkan.

Persoalan hari ini ialah apakah kerajaan sanggup mengkaji semula perlunya kita ada undang-undang privasi. Apakah kita merasakan penting bahawa *privacy laws* ini digubal kerana ia ada kaitan dengan sikap kita tentang maklumat. Kalau kita tidak merasakan penting perkara ini, soal-soal peribadi maka sudah tentunya kita akan mengetepikan dan tindakan kita dalam perkara-perkara mengenai yang timbul hari ini kita akan merasakan ini perkara biasa. Kalau

salah katanya samanlah tetapi kita hendak saman ini bukan semua orang ada kemampuan. Bukan semua orang ada kebolehan atau duit ataupun *resources* dengan izin untuk fail saman.

Kita dengar sudah tentu ada dalam kes CTOS banyak juga yang mengeluarkan saman. Pegawai kerajaan saman RM2 juta, seorang isteri juga membuat saman dan sebagainya tetapi saya rasa lebih penting ialah kita melindungi mereka dahulu. Itu yang penting. *We protect individual right privacy*. Perlembagaan kita tidak menyebut mengenai perkara ini tetapi itu tidak menidakkan kita atau peluang untuk kerajaan menghormati peruntukan ini dan menggubal rang undang-undang yang khusus. Di Amerika juga dalam perlembagaannya tidak ada. *Law of privacy, the bill of rights* tidak khusus menyebut perkara ini tetapi dari keputusan-keputusan mahkamahannya, daripada dasar-dasar yang digubal ataupun undang-undang yang digubal dalam kongres memberi perlindungan kepada perkara ini.

Jadi saya menyeru supaya kita juga sebagai sebuah negara maju ambillah teladan ini. Kalau kita benar-benar inginkan negara kita dalam era yang begitu terbuka internetnya, *bloggersnya* dan macam-macam *paraphernalia* baru kita perlu melindungi maklumat-maklumat ini dan saya percaya ia juga akan lebih menarik minat pelabur asing negara kita. Orang yang datang ke Malaysia untuk *Malaysia My Second Home* ,hendak melabur dan sebagainya sama ada dari Jepun, dari Amerika, dari Eropah dari mana-mana sekalipun mereka biasa dengan perlindungan yang ada. Jadi kita harus juga membekalkan peralatan undang-undang ini supaya kita dapat menarik mereka terus datang melabur dan menjadikan *Malaysia My Second Home*.

Perkara ketiga yang ingin saya sebut ialah cadangan daripada pihak *consumers* Tuan Yang di-Pertua mengenai perundangan baru ini telah lama dibuat seperti yang saya sebutkan tadi.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Sekijang. Hendak bagi jalan?

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Kota Bharu. Tadi Yang Berhormat daripada Kota Bharu ada menyebutkan tentang Jabatan Insolvensi iaitu satu jabatan yang sepatutnya menjadi rujukan kepada maklumat-maklumat yang diperlukan tapi apakah agaknya sebabnya jabatan ini tidak berfungsi ataupun jabatan ini banyak birokrasinya yang menyebabkan bank-bank ataupun institusi-institusi kewangan tidak *refer* balik kepada dia malah pergi kepada orang lain pula. Jadi saya hendak minta komen ataupun cadangan daripada Yang Berhormat dari Kota Bharu ini. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat . Saya rasa sikap jabatan atau agensi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi agak mungkin sambil lewa dalam hal-hal ini atau mungkin kerana kita tidak ada *Data Protection Act*. Kalau kita ada satu rang undang-undang khusus bagaimana maklumat ini perlu disimpan, perlu diupdatekan, perlu

current, perlu disemak dan diberi ruang-ruang tertentu untuk pembetulan oleh orang ramai saya percaya jabatan ini juga akan terpaksa. Akan tetapi hari ini mereka tidak perlu berbuat demikian di atas pertimbangan mereka masing-masing.

Jadi pada hemat saya punca yang disebut oleh Yang Berhormat tadi ialah kerana kita tidak ada *Data Protection Act* yang kemas yang boleh menggariskan apakah tanggungjawab bila kita simpan maklumat orang. Jadi itulah pada cadangan saya kita gubal undang-undang ini dan kita pastikan bahawa maklumat yang didapatinya itu adalah maklumat yang benar, betul, tepat dan hanya digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu dan jika digunakan untuk tujuan-tujuan lain misalnya di negara-negara lain mereka akan boleh disabitkan, boleh dibuat tuntutan ganti rugi. Itulah akan menjadi *deterrent* kepada jabatan, agensi dan CTOS dan apa pun syarikat yang bertindak menjual maklumat.

Saya juga sebutkan tadi perlunya kita mengadakan bukan sahaja rang undang-undang yang tertentu tapi juga kita perlu kepada pelaksanaan dan satu agensi yang boleh bertindak cepat. Saya harap janganlah... Yang Berhormat Besut minta maaf, kerajaan terus kerana ini ada kaitannya dengan bank ataupun maklumat daripada *financial institution* terus memberi tanggungjawab ini kepada misalnya Bank Negara. Saya rasa Bank Negara telah cukup dengan tanggungjawab yang ada sekarang. Saya percaya biarlah Jabatan Perdana Menteri sendiri ataupun mana-mana jabatan yang ada masa, ada ruang dan mempunyai kemampuan untuk memastikan bahawa undang-undang yang digubal ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Saya juga ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua bahawa biarlah kita adakan satu jawatan di bawah rangkaian undang-undang yang kita akan gubal ini apa yang kita panggil *information commissioner*. Kita banyak *commissioner*, *sports commissioner*, *commissioner* itu dan ini yang tidak begitu pada saya terdesak tapi kita ada tetapi *information commissioner* yang diberi kuasa oleh undang-undang akan memastikan bahawa semua mereka yang terlibat dalam pengendalian maklumat bank, biro dan sebagainya dikawal oleh *information commissioner* ini dan seterusnya mungkin kita akan adakan tribunal. Itu pun juga boleh dipertimbangkan supaya permasalahan ini dapat kita atasi secara cepat secara berkesan.

Jadi saya percaya kalaulah kita masih mengharapkan kerana perkara ini mungkin melibatkan kementerian-kementerian tertentu. Mungkin ada orang kata ini soal *consumer*, ini soal bank, itu soal itu dan ini maka timbul lagilah soal koordinasinya, masalah yang kita dengar selalu ini bukan kementerian saya dan sebagainya. Biarlah pengkhususan ini dibuat oleh Perdana Menteri tentang wujudnya struktur yang jelas ini untuk maklumat kerana apa pun perundangan yang kita ada samalah dengan *e-government* yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, apa pun *legislation* dan perundangan penggubalan undang-undang yang melibatkan maklumat mestilah ada satu *source* ataupun satu jawatankuasa ataupun badan ataupun jawatan seperti yang saya cadangkan itu *information commissioner* yang dapat menyelesaikan semua ini

dan saya rasa dengan pengkhususan ini kita dapat mempertahankan dan memastikan kebocoran maklumat dan *invasion of privacy* itu tidak berlaku tetapi dalam masa yang sama kita membenarkan maklumat-maklumat yang tepat digunakan kerana seperti yang saya katakan tadi dalam usul saya kita tahu bahawa kita hendak buat *reassessment* - hendak buat kajian sama ada si polan ini mempunyai kredit *worthiness*. Kita perlukan maklumat dan memang syarikat seperti CTOS dan agensi lain kita perlu tetapi biarlah maklumat untuk tujuan *reassessment* itu tepat, padat dan hanya untuk tujuan-tujuan yang dikhususkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyeru bahawa perkara ini adalah satu perkara yang *urgent*, perkara yang rakyat dan orang ramai memerlukannya dan saya harap kerajaan dapat meneliti *legislation* ataupun undang-undang yang berjaya di seluruh dunia supaya kita dapat mengatasi permasalahan yang kita dengar dalam akhbar sehinggakan Perdana Menteri pun buat kenyataan, Timbalan Perdana Menteri buat kenyataan. Mr. Kayveas, tahniah kepada Mr. Kayveas. Dialah yang buat banyak kenyataan...

■1700

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Oh! Timbalan Menteri, minta maaf. Timbalan Menteri buat kenyataan untuk mengeluarkan hasrat rakyat supaya kalau dapat maklumat ini dibenarkan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuma benarkan dua orang untuk bercakap. Lima minit seorang, lepas ini menteri jawab. Ipoh Timor dahulu, selepas Beluran dan selepas itu Permatang Pauh.

5.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tajuk di hadapan kita ialah mengenai keperluan perundangan untuk memberi perlindungan mengenai maklumat kredit kepada pengguna-pengguna yang ada disebut bahawa di negara-negara lain ada *Fair Credit Reporting Act, Fair and Accurate Credit Transactions Act (FACTA)* dan di UK ada *Data Protection Act* serta *Consumer Credit Act* yang menunjukkan bahawa perundangan itu perlu. Kedua, bahawa perkhidmatan ini mengenai kredit rujukan satu perkara yang sangat mustahak khasnya dalam ekonomi kita supaya kita boleh ada satu mekanisme di mana maklumat boleh diberi supaya mereka yang memerlukan untuk perniagaan dan untuk pinjaman boleh diluluskan dengan cepat dan ini tidak boleh dielakkan.

Apa masalah yang timbul ialah mengenai penyalahgunaan yang perlu dielakkan, tetapi inilah yang dicituskan oleh kerana masalah CTOS yang kita hadapi baru-baru ini. 85 dakwaan iaitu *CCM slaps 85 charges on CTOS* dan tetapi kenapa kita perlu bincang masalah-masalah

atau *the issues* janganlah dielakkan. 85 tuduhan-tuduhan ini sebenarnya ada 42 perkara - tidak fail *company's annual financial reports*, tidak *table*, tidak *hold company's AGM*, tidak *display company's name* dan semuanya. Ini sangat teknikal.

Kalau itulah kita mahu ambil tindakan, saya percaya Ahli-ahli Parlimen yang ada syarikat tidak ada sesiapa yang berani berdiri dan kata bahawa mereka tidak salah. Mungkin berpuluh-puluh ribu orang perlu didakwa. Isunya adalah sama ada CTOS menyalahgunakan mengenai penggunaan maklumat kredit tidak disabit. Sebab itu diberi gambaran sangat *heavy handed* bahawa isu yang sebenarnya mengenai *credit information*, bagaimana untuk tandatangani tidak diberi satu gambaran yang baik tetapi nampaknya menjadi satu *political victimization*. Saya harap ini bukan oleh kerana sekarang ada mesyuarat-mesyuarat bahagian UMNO, di mana ramai orang yang mahu menjadi hero.

Walhal dalam perkara-perkara *corporate scan* yang besar '*transmile*' RM540 juta atau mengenai mega media RM1 bilion tanpa seorang yang pernah didakwa di mahkamah. Sebab itu janganlah kita mengelak daripada isu yang di hadapan kita mengenai kredit *information*. Ini adalah satu masalah yang kita hadapi di mana perlulah ada perundangan seperti di US dan UK yang memberi perlindungan kepada pengguna-pengguna. Tetapi ini satu kes yang mengakui inilah satu perkhidmatan yang sangat *essential* supaya e-ekonomi dalam era IT kita dan dalam menghadapi cabaran-cabaran globalisasi, kita boleh mengatasi semua ini. Janganlah oleh kerana ada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mencetuskan isu ini, saya rasa apa isu ialah apa masalah sini.

Mereka kata 1/3 Ahli Parlimen di sini ada nama dalam CTOS. Mereka yang ada namanya patut berdiri. Bukan dalam DAP ada pembangkang Barisan Nasional. Adakah ini oleh kerana ada pemimpin-pemimpin UMNO ada dalam senarai CTOS, sebab itu masalah timbul. Kita mahu 96% daripada mereka yang tersebut tidak ada masalah. Kalau perkhidmatan ini ditutup, mereka akan menghadapi masalah. Apa yang kita hadapi ialah masalah-masalah dan isu-isu yang berbangkit mengenai *injustices* yang dihadapi oleh mereka semacam maklumat negatif atau tidak tepat perlu ada proses atau mekanisme untuk dibetulkan supaya pengguna-pengguna atau individu-individu tidak menjadi mangsa. Itu yang mustahak.

Saya harap bahawa kita yang menghadapi ini janganlah menjadikan CTOS sebagai satu isu di mana *heavy handedness of the state* digunakan terhadap satu syarikat. *Divert attention* daripada apa yang sebenarnya dan tidak akan dihadapi di sini di mana kroni-kroni mahu mendapat tempat yang selamat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran.

5.06 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kemelut CTOS mengajar kita untuk bukan sahaja bercakap tentang infrastruktur teknologi maklumat, tetapi untuk

memperlengkapkan negara kita dengan undang-undang yang sesuai dengan kehendak perkembangan teknologi maklumat. Tujuh tahun lalu Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah pun membuat *Personal Data Protection Bill* dan telah pun dimasukkan ke dalam web kementerian untuk komen daripada masyarakat umum. Di mana rang undang-undang itu hingga sekarang ini?

Bukankah tujuh tahun dahulu kerajaan sudah melihat objektif *Personal Data Protection Bill* ini antara lain *to provide adequate security and privacy for the handling of personal information to encourage confidence among consumers and users of the industry and to accelerate the usage of electronic transaction*. Kenapa berhenti begitu sahaja dan tidak jadikan Undang-undang *Personal Data Protection* itu sebagai satu undang-undang untuk melindungi. Bukankah kalau tujuh tahun dahulu undang-undang ini *diformulate*, dibawa ke Parlimen ini, kemelut CTOS boleh kita elakkan kepada kesan yang minimum. Itu persoalannya Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan tidak serius. Kita banyak bercakap tentang teknologi, tetapi kita lupa tentang kehendak yang seiring dengan teknologi iaitu undang-undang harus *diformulate* oleh kerajaan.

Kalau kita bercakap tentang MAC, kita harus terus juga terlibat bercakap tentang perwujudan undang-undang yang sesuai.

Satu lagi pengajaran Tuan Yang di-Pertua. Perbincangan tentang CTOS ini sudah lama dibawa di Dewan ini. Ramai Ahli Parlimen sejak dua tahun yang lalu bercakap tentang masalah C-TOS, tetapi kementerian tidak nampak sehinggalah Timbalan Menteri bercakap tentang perkara yang sama. Maknanya ada sesuatu ruang yang tidak dapat menghubungkan saranan dan teguran yang dibuat oleh Ahli Parlimen dalam Parlimen kepada pihak kementerian dan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Bukankah itu satu perkara juga yang harus dilihat oleh kementerian. Saya rasa yang terakhir bercakap ini adalah Timbalan Menteri, tetapi setelah Timbalan Menteri bercakap, tindakan diambil. Maka barulah kita tahu 85 kesalahan yang dilakukan oleh CTOS. Bukankah kalau tujuh tahun lalu atau dua tahun lalu perkara ini diambil perhatian oleh kerajaan, kesannya dapat kita minimumkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Permatang Pauh, selepas ini kementerian menjawab.

5.08 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja saya hendak mencelah. Saya hendak mengatakan di sini sebenarnya isu pokok mengenai syarikat Credit Tip Off Service Sdn. Bhd. (CTOS) ini ialah bagaimana maklumat kewangan peribadi boleh diberi kepada pihak swasta untuk dikendalikan, dikumpulkan, disimpan dan diedarkan. Soalannya bukan sahaja mengapa maklumat kewangan

peribadi harus dipantau, tetapi siapa yang seharusnya mengambil peranan yang begitu berat iaitu memegang dan mengawal selia maklumat yang begitu sensitif dan peribadi.

Jawapan yang paling wajar dan jelas ialah pihak agensi kerajaan sepatutnya mengambil tanggungjawab kerana tindak laku pihak agensi kerajaan seperti Bank Negara akhirnya bertanggungjawab kepada rakyat tetapi sebuah syarikat swasta hanya bertanggungjawab kepada *director* syarikatnya. Ini merupakan masalah yang membabitkan semua polisi dan projek yang diswastakan baik pun penswastan air ataupun penswastan projek pengangkutan am. Tanggungjawab sebuah syarikat berbeza dengan tanggungjawab yang dipikul oleh pihak kerajaan.

■1710

Satu lagi soalan yang wajib tetapi belum dijelaskan kepada Dewan Rakyat ialah siapa yang memberi kebenaran atau permit kepada CTOS untuk mengendalikan maklumat tersebut. Saya berasa hairan bagaimana CTOS dapat mengumpul data-data yang amat peribadi tanpa kebenaran khususnya dari pihak atasan. Itulah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, saya jemput kementerian, ya Setiausaha Parlimen.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya, saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, ya.

5.11 ptg.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tak jawab, takut nanti dikatakan saya duduk sahaja. Sebenarnya pertamanya kementerian ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Bharu kerana membawa usul ini dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah pun membahaskan usul ini.

Apa yang kita lihat pada hari ini dan mungkin semenjak kebelakangan ini, satu penjurusan dari segi pandangan dan pendapat supaya diadakan satu perundangan untuk mengawal kegiatan pengendalian maklumat kredit ini dengan lebih tersusun, dengan lebih baik dan dengan lebih boleh memberi keadilan kepada rakyat yang terlibat dalam pengendalian sistem maklumat kredit ini.

Keadilan bukan sahaja dari segi undang-undang, tetapi juga barang kali keadilan dari segi moral kerana sistem ini sekiranya tidak

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Hendak tanya sedikit Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Boleh mencelahkah dalam ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh, boleh. Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Undang-undang kita bagaimana Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat pergi lebih jauh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi, bolehlah. Kalau tidak bagi, tidak boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bagilah ini, bagi.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya, saya bagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Syabas Yang Berhormat, kerana kenyataan Yang Berhormat sebelum ini. Saya hendak bertanya bilakah agaknya perundangan ke atas *database* ataupun maklumat ini akan dibawa ke Parlimen supaya kita dapat memberi pandangan-pandangan kita. Saya tidak hendaklah kadang-kadang ada juga di sebelah sanalah terutamanya, bila ini suatu kebaikan, hendak menyalahkan UMNO sahaja. Pada hal UMNO tidak membela hanya satu pihak, kita membela semua pihak. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat apakah yang menyebabkan 17 tahun, barangkali 17 tahun agensi seperti ini boleh bergerak dengan begitu bebas.

Kalau undang-undang kita longgar, kita boleh memperkemarkan balik. Apakah Yang Berhormat, barangkali ada pihak-pihak tertentu yang ada kepentingan dalam agensi ini menyebabkan mereka bergerak bebas, bermaharajalela dan yang menjadi mangsa bukan orang lain, rakyat atau masyarakat kita juga. Kalau ini ada yang terlibat apakah pihak Bank Negara Malaysia mahu mendedahkan mereka ini supaya kita dapat mengadili mengikut perundangan yang kita akan bentuk nanti. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya bergerak ke arah itu iaitu untuk menyatakan bahawa sebenarnya Kabinet telah pun membincangkan hal ini pada minggu yang lepas dan telah membuat keputusan supaya satu undang-undang digubal. Satu jawatankuasa khas telah pun dibentuk, yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan dan berurus setiakan Bank Negara Malaysia dengan penglibatan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan.

Kita telah pun mengadakan dua mesyuarat sehingga kini dan mesyuarat-mesyuarat ini akan disegerakan. Buat masa ini, jangkaan kita adalah undang-undang ini akan dibentangkan untuk perbahasan dan kelulusan Dewan yang mulia ini di awal tahun hadapan. Ini kerana mungkin kita memerlukan masa untuk memastikan bahawa semua perkara dapat kita pertimbangkan dengan sejelas-jelasnya dengan sebaik mungkin.

Soal barangkali mengapakah sehingga kini baru kita bersungguh-sungguh, beria-ia untuk membentuk sebuah undang-undang ini. Barangkali saya rasa dalam mana-mana masyarakat, pembentukan undang-undang kadangkala lahir daripada keperluan semasa. Mungkin pada

masa yang lepas, ini tidak dilihat sebagai satu masalah besar apatah lagi selalu diuar-uarkan bahawa maklumat yang ada pada CTOS ini adalah maklumat awam yang diambil daripada surat-surat khabar, daripada perisytiharan-perisytiharan mengenai kedudukan kewangan seseorang, kedudukan *bankruptcy* dan sebagainya yang dinyatakan bahawa oleh kerana maklumat ini adalah maklumat awam, maka tidak salahnya seseorang mengumpul maklumat awam tersebut. Walau bagaimanapun, jelas hari ini kita lihat bahawa kalau pun itu merupakan maklumat awam, tetapi apa yang dilakukan kepada maklumat tersebut iaitu terutama sekali menjual maklumat tersebut kepada orang lain pertamanya.

Keduanya, barangkali yang tidak adil ialah apabila maklumat yang dijual itu tidak tepat sehingga boleh menganiaya kepada mereka yang terlibat. Ini kerana maklumat awam yang lahir pada suatu masa menunjukkan masalah kepada seseorang tiba-tiba masalah itu telah diselesaikan tetapi tidak pula diisytiharkan dalam surat khabar bahawa si polan telah selesai masalah. Maka maklumat tersebut tidak sampai.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: [Bangun]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada tiga yang bangun, Bera, Labuan dan Kelana Jaya bangun.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okeylah bagi ruang kepada Bera dahulu.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bera, ya Bera dahulu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sudah tahu apa yang dilakukan oleh CTOS, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah bantangan *detail* tentang apa yang dilakukan oleh CTOS yang tidak sepatutnya dilakukan.

Rakyat sendiri sudah bercakap dalam surat khabar, dalam televisyen. Persoalannya rakyat hari ini ialah, apakah tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan? Setakat ini CTOS masih berjalan seperti biasa. CEO CTOS menyatakan dia tidak peduli, dia akan teruskan menjalankan perniagaan seperti biasa. Jadi soalnya apa tindakan? Ada cadangan mengatakan Bank Negara Malaysia ambil alih daripada CTOS. Adakah Bank Negara Malaysia akan ambil alih atau kita terus bercakap sahaja.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat, sebenarnya apabila Jemaah Menteri berbincang mengenai perkara ini, dua keputusan telah dibuat. Pertamanya undang-undang ini mesti digubal. Jawatankuasa mesti ditubuhkan, proses penggubalan ini sudah bermula.

Keduanya langkah singkat, *immediate major* ialah untuk memastikan CTOS melalui perbincangan dengan Bank Negara Malaysia atau melalui persetujuan dengan pihak Bank

Negara Malaysia supaya membenarkan akses yang percuma oleh setiap ahli masyarakat kita yang ingin melihat namanya sekiranya ada dan membersihkan namanya. Tidak perlu lagi dibuat bayaran.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Labuan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Nanti dahulu, hendak jelaskan dahulu. Lepas ini saya bagi sahabat saya Labuan. Tindakan ini sebenarnya sudah diambil, bukan tidak ada tindakan. Bahkan bank-bank sudah pun diminta supaya jangan menggunakan maklumat CTOS untuk menentukan sama ada satu-satu pinjaman itu diluluskan atau tidak. Bank-bank sudah memberi perakuan bahawa dia tidak akan menggunakan CTOS untuk menentukan satu-satu pinjaman itu diluluskan atau tidak.

Bank Negara Malaysia sudah pun berbincang dengan pihak CTOS. Saya sendiri tidak mahu komen barangkali kalau kita tanya orang itu, dia jawab orang ini. Perbincangan di peringkat kementerian dengan Bank Negara Malaysia, dan perbincangan di antara Bank Negara Malaysia dengan CTOS sudah bersetuju supaya beberapa tindakan ini diambil, itu satu.

Dalam kita membentuk undang-undang nanti, undang-undang ini akan merangkumi atau mengawal selia mana-mana syarikat lain yang mungkin ditubuhkan, bukan sahaja CTOS. Ini supaya ada syarikat-syarikat lain, bahkan di negara-negara lain pun sebenarnya ada dua syarikat yang memberi perkhidmatan yang sama. Soal mengapa kita tidak menggunakan CCRIS sahaja sebagaimana yang ditimbulkan Yang Berhormat Kota Bharu apakah tidak ada kredibiliti kerana kita tahu mampu untuk menggunakan sebagai sumber yang unggul barangkali satu-satu sumber.

■ 1720

Sebenarnya kita lihat bahawa CCRIS ini hanyalah maklumat yang terdapat dalam bank-bank dalam sistem perbankan sahaja. Ia tidak melibatkan maklumat-maklumat di luar daripada sistem perbankan, umpamanya syarikat-syarikat kredit, umpamanya masalah yang dihadapi oleh rakyat dalam perkongsian perniagaan yang tidak melibatkan bank. Semua maklumat ini juga barangkali mempunyai status kewangan atau implikasi ke atas kedudukan kewangan yang boleh di kumpul juga pada masa yang akan datang. Ini semua akan diambil kira.

Saya rasa ini yang telah dibuat oleh Kabinet, ini yang telah diputuskan, bahkan kalau ada tadi mengatakan mengapa Kementerian Kewangan tidak mengambil langkah yang lebih awal, bahkan Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini dan telah memberi jaminan bahawa bank-bank diminta supaya tidak menggunakan CTOS untuk menentukan status pinjaman sesuatu permohonan dan ini juga telah disampaikan dalam mesyuarat dengan Bank Negara, dalam mesyuarat dengan ketua-ketua eksekutif bank.

Jadi, sebenarnya tidak boleh kita katakan bahawa tidak ada tindakan, walaupun tidak kelihatan, tidak diumumkan tindakan-tindakan tersebut tidak bererti tindakan tidak diambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Singkat sahaja. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa Menteri Kewangan Kedua telah memaklumkan supaya Bank Negara jangan menggunakan kemudahan CTOS. Yang anehnya sehingga hari ini dari Yang Berhormat Perdana Menteri membuat kenyataan, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri membuat kenyataan, Bank Negara tidak membuat kenyataan tegas. Yang menjadi kerunsingan rakyat ialah kegagalan membuat pinjaman kerana rekod yang ada di CTOS. Kenapakah Bank Negara tidak membuat satu pengumuman rasmi mengatakan bahawa berkuat kuasa daripada sekian ke sekian, bank-bank dagang di Malaysia ini tidak perlu merujuk kepada CTOS. Itu sahaja. Saya ingat yang tentang *reference* kredit-kredit lain itu tidak diperlukan.

Kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa Bank Negara harus berunding dengan CTOS sedangkan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri jelas menyatakan dalam kenyataan terbaru beliau bahawa dalam MMA CTOS co-perniagaan dia tidak menghalalkan untuk dia berniaga *information* ataupun maklumat. Jadi, secara tidak langsung tidak ada kewajaran untuk Bank Negara berunding. Kenapa harus berunding dengan syarikat yang telah menyalahi undang-undang? *What is wrong with the government? What is wrong with us?* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerana kawan ia lembut sikit.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih. Kalau itu lembut, saya tidak tahu bagaimana kerasnya. *[Ketawa]* Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak sempat hendak sebut. Sebenarnya apa juga kesalahan yang telah dilakukan oleh CTOS dan ada yang menyebut 85 kesalahan. Ini akan terus dijalankan oleh kerajaan. Kita tidak menyatakan Kementerian Kewangan menyekat atau pun tidak membenarkan apa-apa jua tindakan yang perlu diambil ke atas CTOS, teruskan sahaja. Bahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah jelas sekali menyatakan tindakan perlu diambil sekiranya ada menyalahi undang-undang. Teruskan.

Cuma dalam konteks Kementerian Kewangan dan Bank Negara, saya rasa mungkin Bank Negara barangkali perlu mengkaji, melihat dari segi perundangannya sendiri - dari segi undang-undang dia apakah ini boleh dilakukan oleh Bank Negara. Kadangkala Bank Negara dalam mengambil tindakan dia perlu berbincang. Tidak semestinya hendak ambil tindakan tidak perlu berbincang langsung. Begitu jugalah dalam sistem kewangan kita hendak ambil tindakan kepada mana-mana syarikat pun kadang-kadang pergi melawat syarikat dulu. Suruhanjaya Sekuriti misalnya, dia pergi melawat, dia pergi periksa, dia pergi berbincang, kemudian kalau difikirkan diambil tindakan barulah diambil tindakan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kelana Jaya dan Seputeh bangun.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey, Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bersetuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa bagi mereka yang memberi maklumat palsu, maka haruslah mereka dihukum. Bagi syarikat/firma-firma rujukan kredit ini bukan sahaja wujud di Malaysia tetapi wujud juga di luar negara. Di Malaysia bukan hanya CTOS dan ada juga seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian dan juga ada badan-badan seperti biro kredit yang diwujudkan oleh Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia iaitu Perkhidmatan Informasi Kewangan Malaysia (FIS) dan juga lain-lain lagi.

Persoalan pokoknya ialah siapakah yang mewujudkan data tersebut? Adakah data itu tepat ataupun tidak? Sebagai contohnya dalam Akta Bankrapsi, peraturan 234 mengatakan bahawa sekiranya seseorang itu dianggap telah dijatuhkan bankrap oleh mahkamah, maka seharusnya pihak mahkamahewartakan *bankruptcy* dalam Warta Kerajaan tetapi kebanyakannya tidak lakukan ataupun tidak *update*.

Dalam Akta Bankrapsi juga, dalam seksyen 33(3) yang menyatakan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia yang telah melupuskan kes-kes bankrap, maka seharusnya perkara itu diiklankan di dalam akhbar tetapi kebanyakannya tidak dilakukan. Apakah mereka yang tidak mengupdate maklumat-maklumat awam tersebut boleh disalahkan juga atau dihukum dalam akta yang akan digubal kemudian. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih, Yang Berhormat. Perincian mengenai akta ini, apa yang akan dimuatkan sebagai peruntukan-peruntukan yang perlu dan tindakan-tindakan yang akan diambil ini perlu kepada pengkajian dan perbincangan selanjutnya. Buat masa ini kita tidak ada draf lagi yang boleh kita nyatakan dengan khusus tetapi yang jelas dari segi prinsipnya keadilan moral seperti yang saya sebutkan tadi mesti dipertegakkan, pengguna tidak boleh dianiayai dan sekiranya kesilapan ini dilakukan dalam sistem tersebut, maka kalau pengguna hendak memperbetulkan kesilapan tersebut janganlah pula dia terpaksa membayar wang, padahal dia tidak kena mengena dengan kesalahan yang dilakukan.

Saya juga ingin dalam barangkali masa seminit dua sebagai penutup ini, untuk menyatakan bahawa dalam kita menyuarkan kebimbangan dan kerisauan kita tentang masalah ini, kita juga jangan lupa bahawa sebenarnya dalam konteks sebuah negara, sebuah ekonomi, sebuah sistem kewangan, maklumat kredit seperti ini perlu ada. Cuma yang memberikan maklumat, yang mengendalikan maklumat ini dan bukan sahaja satu, saya kira mungkin perlunya dua atau tiga, mestilah kegiatan ini di bawah satu undang-undang yang memastikan bahawa penyelenggaraan dan pelaksanaan maklumat kredit ini adalah bertepatan dengan hasrat kita sebagai sebuah negara untuk menjana pertumbuhan, menggalakkan pinjaman, untuk memastikan rakyat tidak dipersia-siakan dan hasrat mereka untuk melibatkan diri dalam bidang

ekonomi, terutama sekali ekonomi baru di mana ekonomi baru ini, tidak semestinya kegagalan satu-satu masa, tidak semestinya petunjuk kepada kegagalan sepanjang masa.

Barangkali kalau kita ada satu *framework* yang sedemikian, satu keinsafan dan kesedaran yang sedemikian, maka kita akan bekerjasama untuk mencari satu penyelesaian, mencari satu kaedah di mana semuanya akan berjalan dengan lancar dan baik dan memberi faedah kepada semua. Ini kerana sekiranya maklumat-maklumat ini dikendalikan dengan baik juga berguna kepada peminjam kerana apabila nama mereka itu, walaupun ada dalam sistem maklumat itu tetapi bersih namanya, tidak ada *black mark*, dengan izin maka pinjaman itu barangkali mungkin dapat diproses dengan lebih cepat. Jadi, tidak perlulah lagi bank menanti-nanti ataupun mencari sumber yang lain tetapi kalau kita tidak ada maklumat kredit ini, kalau kita berhentikan segera semua yang ada, barangkali susah juga. Barangkali bank-bank akan memakan masa dan mungkin kita tidak boleh dipersalahkan kerana bank tidak ada satu rujukan yang boleh dibuat untuk memastikan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bangun*]

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Jadi, bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, ia adalah *two sides to the coin*. Ada yang negatifnya terutama sekali sekiranya tidak dikendalikan dengan baik tetapi ada positifnya kerana sistem maklumat ini akan memberi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan jawapan.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan jawapan. 5.30 ini boleh habis? Bolehlah satu. Jangan panjang, ya?

■1730

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat Kubang Kerian dah tanya. Kita sebenarnya selain daripada syarikat CTOS, ada satu lagi BRIS. Jadi kenapakah sekarang fokus tumpuan ini hanya tumpu kepada CTOS sahaja dan juga tentang kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dia kata ada 1/3 daripada anggota Parlimen kita yang tersenarai dalam senarai CTOS.

Jadi apakah ini benar, adakah kerajaan membuat pengiraan tentang siapakah di antara ahli-ahli Yang Berhormat ini yang disenaraikan dalam CTOS. Ketiga tadi, Kelana Jaya, bila Jabatan Insolvensi ada orang yang *discharge* dari *bankruptcy* tapi nama mereka tidak disenaraikan dalam warta, tidak disiarkan dalam surat khabar, ini juga sangat tidak adil kepada mereka yang bankrap, yang sudah *discharge*. Jadi apakah pihak kementerian akan juga mengambil tindakan terhadap Jabatan Insolvensi yang tidak menjalankan tanggungjawabnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan jawapan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa undang-undang yang akan dibentangkan nanti adalah merupakan satu undang-undang yang komprehensif. Kita tidak boleh memastikan satu syarikat atau dua syarikat sahaja berjalan dengan betul kalau yang lain-lainnya berjalan dengan tidak betul. Maka sudah tentu akan menjadi pincang perjalanannya. Tentang CCRIS ini, sebenarnya CCRIS ini tidak menjadi masalah sangat kerana tidak banyak kontroversi yang lahir. CCRIS ini dikendalikan oleh Bank Negara jadi tidak melibatkan ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan CCRIS, BRIS lah, B.R.I.S.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Cukuplah itu, dah bagi *chance* sikit, nak banyak pula dia. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita ambillah sikap yang terbuka, janganlah kita hari ini cuba mencari kesalahan. Apa tidak betul, kita perbetulkan bersama, masih jauh perjalanan yang kita mahu lalui, kalau ada sedikit sebanyak kesilapan dahulu, kita perbetulkan. Insya-Allah masa depan kita akan menjadi lebih cerah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Dan yang demikian, saya tutup perbahasan ini. Menyambung semula perbahasan di bawah masalah Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua. Yang Berhormat Hulu Langat.

5.32 ptg.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian yang dinyatakan tadi, hanya 44% laman web di Malaysia menyediakan perkhidmatan secara *online*. 89% menyediakan bahan atau maklumat yang boleh diperolehi melalui laman web berkenaan. 44% mempunyai pangkalan data dan hanya 11% mempunyai polisi privasi yang saya katakan tadi. 11% juga mempunyai polisi mengenai keselamatan dan yang lebih buruk lagi hanya 0% mempunyai polisi berinteraksi di antara kerajaan dan pelanggannya.

Tuan Yang di-Pertua, di antara negara-negara yang teratas berjaya menggunakan *e-government* ini ialah Taiwan, Korea Selatan di atas sekali, Singapura di tempat ketiga, Amerika Syarikat dan Kanada. Jika kita membandingkan kedudukan negara kita dengan negara-negara yang kurang maju pula, negara-negara seperti Republik Dominica berada di tempat kesebelas, Azerbaijan di tempat ke 17, Ukraine di tempat ke 21, Qatar di tempat ke 24, Swaziland di tempat ke-25, sedangkan negara kita berada di tempat ke-36. Apakah maksud fakta yang saya nyatakan ini Tuan Yang di-Pertua, ini adalah menunjukkan bahawa laman-laman web di kementerian-kementerian di negara-negara berkenaan sudah tentu jauh lebih baik daripada laman-laman web daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian yang dijalankan baru-baru ini di negara kita, rakyat Malaysia sangat mementingkan soal privasi dan bagaimana maklumat mereka digunakan. Mempunyai pernyataan yang jelas dalam setiap laman web mengenai privasi mereka adalah menjadi satu perkara yang sangat penting bagi mewujudkan keyakinan masyarakat terhadap keyakinan mereka untuk berurusan dengan kerajaan melalui e-kerajaan.

Inisiatif yang bermula sejak tahun 1999 bagi mengadakan undang-undang yang berkaitan dengan privasi ini, bagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu tadi iaitu kesungguhan kita untuk mewujudkan Akta Perlindungan Data Peribadi sangat-sangat diharapkan. Ini supaya kelulusan bil Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik ini tidak hanya menjadi seperti gajah putih dan tidak boleh diguna pakai dan tidak diminati untuk diguna pakai oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, dalam keadaan hari ini sementara undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi ini belum digubal, belum dibawa untuk tujuan diluluskan di Dewan yang mulia ini, kita tidak mempunyai undang-undang berkenaan. Jadi adakah keadaan lakuna ini, ketiadaan undang-undang ini patut diteruskan? Apakah inisiatif kita untuk memastikan bahawa keadaan lakuna ini boleh diperbetulkan supaya kita tidak menjadi suatu negara yang tidak mempunyai undang-undang yang berkaitan dengannya. Satu contoh yang sangat jelas yang berlaku kepada CTOS ini, walaupun 85 pertuduhan dikenakan kepada syarikat berkenaan, kepada pengarahnya, kepada pegawainya tetapi satu pun pertuduhan tidak berkaitan dengan kesalahan mendedahkan data peribadi. Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan adalah kesalahan yang berkaitan dengan Akta Syarikat yang tidak langsung menyentuh berkenaan dengan data.

Jadi saya ingin mencadangkan oleh sebab negara kita sebagai ahli dalam kesatuan negara-negara APEC yang telah menerima *APEC Privacy Framework*, dan sekali pun ia bukanlah satu instrumen undang-undang yang boleh mengikat, yang mempunyai kuasa undang-undang, kuasa menghukum dan sebagainya. Saya berpendapat bahawa Malaysia mempunyai obligasi moral untuk menerima *framework* ini sebagai satu peraturan yang boleh dilaksanakan di negara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa kepentingan perlindungan data peribadi ini tidak dapat dinafikan pentingnya dan ia sepatutnya wujud bersampingan, bersama-sama dengan usaha untuk meluluskan atau membahaskan Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik bagi tahun 2007 ini. Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya ingin merayu supaya Dewan yang mulia ini atau kementerian yang berkaitan untuk mempercepatkan usaha ini bagi tujuan kelulusan akta yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 29hb Jun 2007 yang lalu, saya telah secara peribadi melawat laman-laman web di kementerian-kementerian di negara ini. Kita dapati bahawa beberapa kementerian tidak langsung dapat *appreciate*, tidak langsung dapat menghormati pemakaian

laman web masing-masing. Kita ambil satu contoh, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perdana Menteri sendiri tidak mempunyai klausa atau fasal yang lengkap bagi melindungi privasi maklumat-maklumat pelayar yang memasuki laman-laman web mereka.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani misalnya, laman webnya mempamerkan perkara berkenaan dengan privasi polisi ini, tetapi ia terlalu ringkas dan tidak bermakna dan tidak mengikut norma-norma *international* yang standard. Sementara Kementerian Pengangkutan pula masih dalam proses membina laman web dalam bahasa Inggerisnya.

Beberapa kementerian lain pula seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pula tidak boleh dimasuki.

■1740

Saya tidak tahulah sama ada laman web itu bermasalah atau mungkin saya punya komputer juga menghadapi masalah, tetapi yang pentingnya semua laman web ini mestilah sentiasa dalam keadaan yang *up-to-date*, sentiasa dalam keadaan siap sedia, siap-siaga bagi tujuan pelayar-pelayar untuk memasuki laman-laman web berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kajian menunjukkan bahawa negara-negara maju seperti negara-negara di Eropah dan di Amerika Syarikat, rakyat mereka sangat mementingkan soal privasi dan mereka tidak akan memasuki laman-laman web jika perkara privasi ini tidak dijamin oleh web-web yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh secara khusus berkenaan dengan rang undang-undang yang dimaksudkan pada hari ini. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah adakah perlu, apakah justifikasi undang-undang yang ingin dibawa untuk tujuan kelulusan pada hari ini? Soalan saya adalah berdasarkan kepada beberapa perkara yang ingin saya nyatakan.

Yang pertama, saya ingin menyatakan bahawa rang undang-undang ini dari segi prinsipnya ialah berkenaan dengan *e-business of the state*, iaitu satu perkara komunikasi yang menghubungkan di antara kerajaan dengan pelanggannya, tetapi baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah pun meluluskan satu akta yang dikenali sebagai Akta Perdagangan Elektronik 2006, yang mana jika akta itu diubahsuai sedikit sahaja, akan boleh digunakan untuk tujuan merangkumi atau mentadbirkan perkara yang kita bincangkan di Dewan yang mulia pada hari ini.

Perkara yang kedua ialah asas kepada e-kerajaan dan e-perdagangan ialah sama iaitu komunikasi secara elektronik. Akta ini sebenarnya hanyalah membincangkan berkenaan dengan komunikasi elektronik dan undang-undang yang diperlukan bagi memberi legitimasi dan kesahihan komunikasi dan perkara-perkara yang berbangkit daripada komunikasi tersebut. Seperti yang telah saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih baik Akta Perdagangan

Elektronik 2006 itu tadi kita tukar menjadi Akta Komunikasi Elektronik yang boleh merangkumi urusan niaga kerajaan bersama-sama dengan urusan niaga perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ialah setelah meneliti rang undang-undang ini dan membandingkan dengan Akta Perdagangan Elektronik 2006 yang telah kita luluskan tahun lepas di Dewan yang mulia ini, terdapat peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan yang sama atau dalam bahasa lainnya, peruntukan yang *in pari-materia* dari segi sebutannya dan kata-katanya. Seksyen-seksyen yang saya maksudkan ialah seksyen 3 kedua-dua akta ini sama sahaja – seksyen 10, 11, 12 sampailah ke 18, seksyen 20, 22, 23, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34 dan 35. Kalaulah ini berlaku, mengapa tidak sebahagian besar berlaku persamaan dalam kedua-dua akta ini, ia tidak diletakkan di bawah satu akta yang saya cadangkan tadi iaitu Akta Komunikasi Elektronik, yang merangkumi kedua-dua skop hubungan kerajaan dan hubungan komersial di negara ini.

Soalnya, Tuan Yang di-Pertua adakah kita perlu melakukan kerja bertindan sebegini? Tidakkah kita membuang masa atau adakah mana-mana pihak yang dapat keuntungan daripada pelaksanaan ini, dan perkara ini haruslah dijawab supaya ia memuaskan hati semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini, ianya bertujuan untuk memperuntukkan pengiktirafan undang-undang berkenaan dengan mesej elektronik dalam kerajaan dengan urusan orang-orang awam. Jadi saya ingin mendapat penjelasan, apakah yang dimaksudkan dengan orang awam? Adakah ia khusus kepada personal, individu, seseorang dan tidak terjumlah kepada legal *entity* yang lain seperti syarikat atau persatuan, *enterprise* atau badan-badan lain yang mempunyai komunikasi dengan pihak kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik ini terpakai kepada undang-undang Persekutuan dan adalah menjadi satu kemusykilan siapakah menteri yang terlibat atau diberi kuasa untuk melaksanakan undang-undang ini. Akta ini dengan tidak jelas menyatakan kementerian manakah atau siapakah yang harus mempunyai kuasa bagi menentukan atau melaksanakan kuat kuasa undang-undang, dan termasuk meluluskan sebarang kaedah atau peraturan yang boleh dibuat di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan satu perkara yang dinyatakan di bawah seksyen 12 akta ini yang menyatakan bahawa, “mesej elektronik yang boleh dicapai dan boleh difahami” atau dalam bahasa Inggerisnya, perkataan “difahami” ini ialah “*intelligible*”. Kalaulah perkataan itu yang membawa maksud *intelligible* itu boleh baca atau boleh lihat, apakah yang akan terjadi jika dokumen atau mesej elektronik itu tidak boleh dibaca, tidak boleh diinterpretasikan atau tidak difahami oleh sama ada pihak-pihak yang berurusan dalam e-kerajaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak seksyen yang perlu diperhatikan. Saya tidak akan mengupas satu persatu kesilapan-kesilapan ini dan saya juga ingin menarik perhatian Yang

Berhormat Menteri berkenaan dengan beberapa seksyen seperti seksyen 13, seksyen 14 dan seksyen 15 yang mempunyai beberapa kesalahan *typo*, kesalahan menaip dalam akta ini dan ini dengan sendirinya akan melemahkan pemakaian serta penguatkuasaan akta yang berkenaan.

Satu perkara lagi yang saya ingin nyatakan dalam perbahasan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa oleh kerana akta ini hanyalah memperuntukkan berkenaan dengan komunikasi dan akhirnya perkara komunikasi ini adalah berkaitan dengan wujud atau tidak wujudnya kontrak di antara pihak kerajaan dengan orang awam seperti yang digunakan dalam akta ini atau di bawah Akta Perdagangan Elektronik, iaitu di antara satu pihak dengan satu pihak, akta ini tidak memperuntukkan perkara-perkara lain seperti perkara-perkara kegagalan atau keengganan untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah akta ini.

Ianya adalah merupakan satu peruntukan akta yang seolah-olah satu peruntukan sivil yang menetapkan peraturan-peraturan itu untuk dipatuhi dan jika gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan, ianya adalah terjumlah kepada berlakunya pecah kontrak atau berlakunya hak untuk mendapat tuntutan atau pampasan atau ganti rugi. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, penggunaan akta ini bukan satu penggunaan yang mandatori dalam hubungan di antara kerajaan dan orang awam. Ianya adalah penggunaan yang opsyen, yang pilihan tetapi walau bagaimanapun opsyen ini selalunya berlaku hanya atas pilihan satu pihak dan bukan atas satu pilihan pihak yang lain. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Lipis.

5.50 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini walau bagaimanapun ada beberapa perkara yang akan saya bangkitkan nanti. Tuan Yang di-Pertua, walaupun rancangan penubuhan kerajaan elektronik telah dihebahkan dan kini dibentangkan di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini tetapi sejauh manakah penglibatan orang awam di dalamnya. Kefahaman mengenai kerajaan elektronik yang diterangkan hanya sekadar kecanggihan teknologinya yang disediakan di jabatan-jabatan kerajaan dan capaiannya sehingga ke rumah untuk kemudahan orang awam berserta dengan peralatan seperti *electronic purse* dan kad pintar dan juga pasport pintar.

Meskipun keadaan ini menampilkan bentuk komunikasi dua hala antara kerajaan dan rakyat tetapi gambaran yang diberikan sebenarnya berbentuk pasif. Orang awam hanya sekadar pengguna dan penerima teknologi canggih seharusnya kefahaman mengenai kerajaan elektronik jauh menjangkau skop teknologi canggih yang disediakan. Individu dan masyarakat tempatan harus menggerakkan inisiatif sosial melalui teknologi maklumat. Apa yang dimaksudkan dengan penglibatan masyarakat di sini ialah hak dan tanggungjawab yang bukan sahaja melibatkan persoalan-persoalan teknikal tetapi penglibatan dalam proses membuat keputusan dan satu dasar awam yang membentuk masa depan masyarakat dalam penubuhan kerajaan elektronik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Sila Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis, nampak gaya rungutan Yang Berhormat bagi Lipis itu selarilah dengan apa yang saya fikirkan tentang keberkesanan dan kecekapan dalam kita memperkenalkan budaya elektronik di kalangan masyarakat kita dan kita arif tentang tujuan dan matlamat akhir budaya elektronik ini ialah pertama sekali menjimatkan masa dan yang kedua mengelakkan pembaziran terutamanya penggunaan kertas-kertas dan sebagainya. Hendak jadikannya satu budaya adalah merupakan sesuatu yang memerlukan masa yang panjang, tenaga yang banyak, kesedaran yang berlebihan di kalangan kerajaan dan juga masyarakat.

Bolehkah Yang Berhormat mencadangkan ataupun bersetuju dengan saya jika saya katakan hari ini ukuran sejauh manakah kerajaan dan juga masyarakat membudayakan budaya elektronik ini masih lagi tidak ada di kalangan masyarakat kita. Masih lagi tidak ada ukuran sehingga kita tidak tahu ke mana arah kita, ke atas, ke kiri, ke kanan ataupun ke bawah ataupun kita bergerak dalam pusingan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Jadi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan itulah sebenarnya yang menjadi kerisauan kepada saya kerana sejauh manakah capaian terutamanya bagi masyarakat di luar bandar terhadap perkhidmatan ataupun aktiviti kerajaan elektronik ini. Tuan Yang di-Pertua, di sini tidak keterlaluan untuk dikatakan kerajaan elektronik adalah tonggak kepada pembangunan Koridor Raya Multimedia, ini MSC. Oleh itu, pembangunan kerajaan elektrik haruslah diutamakan, ini kita pasti dan inilah yang kita harapkan.

Walau bagaimanapun mungkin sukar untuk diberi gambaran sebenarnya bagaimana seharusnya penglibatan orang awam, memandangkan proses penubuhannya masih di peringkat awal tetapi sekurang-kurangnya harus terdapat satu garis panduan dan pandangan awal mengenai wawasan masyarakat Malaysia terhadap kerajaan elektronik dan MSC itu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal, jenis maklumat yang perlu di kumpul dan diketahui masyarakat sebagai asas kefahaman untuk membuka peluang kepada penglibatan proaktif mereka dalam kerajaan elektronik dan MSC ialah di sekitar yang pertamanya tahap penembusan atau penyerapan.

Ini bermaksud memeriksa atau mengukur kehadiran teknologi maklumat di rumah, di tempat kerja, tempat-tempat awam seperti bangunan kerajaan, sekolah atau mana-mana lokasi budaya termasuk perpustakaan. Oleh itu apakah peratusan capaian terhadap tempat-tempat ini kepada lebuhraya maklumat dan bagaimana keadaan tersebut mempengaruhi golongan berpendapatan rendah dan perbezaannya dengan mereka yang berada, penduduk luar bandar dengan penduduk bandar.

Yang keduanya tahap kedapatan peralatan iaitu siapakah yang memiliki apa jenis peralatan. Jika mereka tidak memilikinya, adakah mereka masih mempunyai capaian kepada perpustakaan awam ataupun perpustakaan sekolah, tempat kerja atau pusat komuniti, atau tempat-tempat awam seperti balai raya dan sebagainya. Ketiga, tahap latihan dan tahap kemahiran. Siapa yang mempunyai kepakaran dan mengetahui apa yang perlu dilakukan dan bagaimana mereka diajar menggunakan peralatan tersebut. Adakah mereka belajar sendiri, belajar di sekolah, belajar daripada rakan atau belajar semasa di tempat kerja atau dengan cara yang lain.

Yang keempat Tuan Yang di-Pertua, ialah tahap penggunaan, siapa yang menggunakannya. Apakah kegunaan utama lebuh raya maklumat, komunikasi persendirian, berhubung dengan kerja, penglibatan masyarakat, kegiatan keagamaan, hiburan, seni kreatif, membeli belah, peningkatan diri, tindakan politik atau sesuatu yang lain dan bagaimanakah kegunaan memanfaatkan orang ramai yang tidak faham atau yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris. Yang kelima ialah nilai segera iaitu bagaimana pengguna menilai sistem tersebut. Apakah aspek yang menjadikannya mudah digunakan atau sukar digunakan. Adakah pengguna mampu menggunakannya dengan cepat untuk pencapaian sesuatu maklumat yang segera.

Yang keenam ialah kesan menyeluruh daripada perkara tadi iaitu dengan adanya lebuh raya maklumat ini, bagaimanakah kerajaan elektronik dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan adakah ia mengemukakan sebarang kesan kepada kehidupan individu, kehidupan komuniti, penglibatan dalam kehidupan sosial dan politik dan kesedaran budaya dan sebagainya. Jadi itulah persoalan-persoalan yang saya hendak kemukakan dan Tuan Yang di-Pertua selanjutnya kita juga harus mengetahui perkara-perkara yang perlu difikirkan mengenai peranan aktif masyarakat bagi meningkatkan kualiti hidup dalam kerajaan elektronik ini iaitu bagaimana dapat kita lindungi kebebasan individu dan sivil dalam kerajaan elektronik yang semakin telus dan yang berikutnya ialah adakah hak pengguna dilindungi dengan penubuhan kerajaan elektronik.

Ini sangat penting kerana banyak berlaku di mana maklumat-maklumat individu disebar luas dan kadang-kadang dicuri dan sebagainya. Jadi ini menyebabkan hak seseorang tercabar dan sebagainya. Memandangkan penglibatan masyarakat dalam teknologi maklumat semakin meluas, bagaimanakah kita dapat lakukan untuk memaksimumkan peluang dan menjadikannya lebih bermakna dan memuaskan dan yang seterusnya adakah kerajaan elektronik dan MSC membawa kita bersama ke arah pembentukan komuniti baru atau membawa perpecahan berdasarkan kepada pasaran sedia ada yang sentiasa diambil peluang oleh mereka-mereka yang tahu memutarbelitkan alat-alat atau peralatan elektronik ini.

Tuan Yang di-Pertua, dapatkah kita menggunakan kerajaan elektronik untuk mengembangkan arus pembangunan ekonomi yang akan membawa kepada pengagihan,

kekayaan negara secara wajar dan tidak dikuasai oleh segelintir masyarakat yang berpengetahuan sahaja.

■1800

Jadi dengan itu bagaimana manakah kerajaan elektronik dapat digunakan untuk menggalakkan demokrasi elektronik atau hanya menjadi bahan manipulasi media dan begitu juga bagaimanakah dapat kita memaksimumkan ekuiti dalam konteks pasaran dan mengelakkan kemunculan golongan yang kaya dan miskin maklumat atau kemunculan bentuk yang dikenali sebagai *information apartheid*.

Seterusnya bagaimana kita dapat menggalakkan kebebasan bersuara dan mengukuhkan demokrasi di bawah kerajaan elektronik ini dan seterusnya bagaimana dapat dilindungi kebersendirian individu dan meningkatkan kebebasan sivil dalam sistem elektronik yang telus.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Seterusnya ialah bagaimana dapat kita gunakan kerajaan elektronik untuk memulihara masyarakat kita atau mewujudkan masyarakat yang baru di samping memperkayakan atau mempelbagaikan dan merangsangkan penghidupan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan? Pasir Puteh.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Sila.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya hendak tanya satu, sejauh mana jaminan terhadap aspek keselamatan elektronik ini. Sejauh mana kemantapan pertahanan bagi sistem kerajaan elektronik ini. Itu hendak tanya sedikit kalau boleh jawab. Kalau tak boleh jawab tak apalah.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Pasir Puteh. Yang itu mungkin saya tak dapat menjawabnya. Yang boleh menjawab adalah kerajaan sendiri. Jadi kita pulangkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya. Walau bagaimanapun, perkara tersebut menjadi pemikiran saya juga kerana kebebasan ataupun keselamatan maklumat itu sangat penting dalam apa-apa maklumat yang berbentuk elektronik ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi Tuan Yang di-Pertua cara kita berhubung, cara kita menyelesaikan dan mencorakkan persoalan-persoalan ini akan mengemukakan kesan penting kepada kemanfaatan keseluruhan kerajaan elektronik ini dalam ciri kerja dan pembangunan ekonomi tempatan. Selain daripada menggalakkan penglibatan rakyat, ruang siber juga diunjurkan sebagai *panacea* atau penyelesaian kepada kebanyakan masalah politik yang dialami kini dan tidaklah dipastikan

adakah perkara yang sama akan berlaku di negara ini seperti apa yang berlaku di Amerika di mana apa sahaja yang keluar melalui alat-alat elektronik ini selalunya sangat diyakini oleh rakyat di Amerika.

Jadi apabila majoriti rakyat mempunyai komputer dan capaian kepada internet dan mula mengundi dalam semua isu, kita diberitahu kesemua masalah perwakilan dalam sistem demokrasi akan dapat diatasi. Ini boleh menggalakkan penglibatan rakyat dalam sistem politik kita dan mengekalkan kedaulatan kerajaan. Itu harapannya. Dalam masyarakat siber juga rakyat bukan sahaja akan lebih dimaklumi tetapi juga berupaya meminggirkan kumpulan pendesak atau kumpulan berkepentingan awam untuk terlibat secara langsung dalam proses membuat keputusan.

Tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada keyakinan tersebut ia sebenarnya tidak merubah sistem yang merupakan masalah itu sendiri. Ia hanyalah meletakkan keyakinan dalam teknologi maklumat untuk menjadikan sistem tersebut berjalan dengan lancar atau sebaliknya. Perkara yang berkaitan dengan pengundian secara elektronik juga menimbulkan masalah lain yang boleh dikatakan menjejaskan dialog awam dan juga ketiadaan penglibatan secara bersemuka kerana apa sahaja komunikasi yang berlaku sebenarnya Tuan Yang di-Pertua komunikasi bersemukalah yang paling baik dan yang sepatutnya kita akan dapat. Dengan ketiadaan pembuktian fizikal dalam pengundian oleh rakyat, bagaimana kita mengetahui pengiraannya betul. Begitu juga pengundian secara elektronik bukanlah demokrasi elektronik sebenarnya.

Persoalannya, adakah demokrasi elektronik menjadikan ahli politik lebih bermoral, mempunyai kesedaran dan bertanggungjawab. Jadi selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan elektronik tidak boleh berdiri sendiri tanpa penglibatan proaktif rakyat. Kita mungkin memerlukan prinsip kepentingan awam yang dapat dikembangkan sehingga menjadi garis panduan am terutamanya berkaitan dengan tujuh aplikasi yang disasarkan oleh kerajaan. Antara prinsip-prinsip tersebut ialah:

- (i) rancang dan ukur keberkesanan kerajaan elektronik dan kejayaan ekonomi MSC dengan menggunakan petunjuk yang memperlihatkan impaknya dalam masyarakat dan dunia secara keseluruhannya selain daripada hanya mementingkan keuntungan daripada peluang pelaburan MSC dan pembekal perkhidmatan;
- (ii) rancang dan nilai kesan sosial kerajaan elektronik dan MSC dengan mengendalikan penilai berkala untuk memastikan ia berkhidmat untuk kepentingan awam;
- (iii) gunakan kemudahan yang diberikan kerajaan elektronik dan MSC dan teknologi baru yang lain untuk meningkatkan kualiti hidup dan menggalakkan persamaan di tempat kerja;

- (iv) galakkan pembangunan aktif dan menyihatkan sektor awam dengan memperuntukkan sumber, latihan dan bantuan untuk ruang awam dalam kerajaan elektronik di mana rakyat boleh meneruskan kegiatan bukan komersial kerajaan elektronik atau elektronik itu sendiri,;
- (v) galakkan kepelbagaian dan persaingan dalam kandungan untuk dimasukkan ke dalam kerajaan elektronik dan MSC sementara melindungi kebebasan dan hak rakyat untuk bersendirian;
- (vi) gunakan kerajaan elektronik dan MSC dengan memperuntukkan perkembangan capaian kepada perkhidmatan kerajaan dan maklumat; kita harus mempertingkatkan demokrasi dengan menggalakkan penglibatan popular terutamanya dengan membenarkan perbincangan demokratik dan membuat keputusan dalam semua fasa pembangunan elektronik dan saranan saya yang akhirnya;
- (vii) popularkan satu bentuk pendekatan yang membanyakkan penglibatan atau penyertaan masyarakat untuk merealisasikan kerajaan elektronik yang bermula dengan andaian sistem itu berfungsi baik apabila rakyat menggunakannya atau menerima kesan daripadanya yang dalam proses pembangunan ujian dan pembinaan semula yang bersifat prototaip kerana kadang-kadang semasa diuji secara kecil-kecilan, alat atau komputer dan sebagainya boleh digunakan dengan baik tapi apabila terlalu ramai yang menggunakannya pencapaian ataupun alat-alat itu *jam* dan sebagainya dan tak boleh dimasuki.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, penglibatan awam merupakan perkongsian antara diri kita sebagai rakyat dengan kerajaan. Ia merupakan penerimaan cabaran untuk bertanggungjawab dan penglibatan yang mengatasi kepentingan diri mungkin mengehendaki perubahan tingkah laku, kebiasaan dan sikap dalam membina prasarana sosial yang baru.

Untuk memahami sepenuhnya peranan rakyat dan penglibatannya dalam kerajaan elektronik terutamanya berhadapan dengan cabaran dunia yang semakin hebat yang mengemukakan masalah baru mengehendaki perubahan yang bersesuaian dengan faktor lain selain daripada yang bersifat teknologi. Jadi untuk memainkan peranan berkesan di peringkat nasional, penubuhan kumpulan kepentingan awam baru yang akan memperjuangkan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan kepentingan awam diperlukan. Adalah menjadi tugas kita untuk memastikan lebuhraya maklumat tidak meminggirkan apa yang kita nilai dalam masyarakat atau membawa kita ke tempat yang kita tidak suka. Jadi itulah harapan saya kepada kerajaan, dengan itu saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Santubong.

6.09 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin terlibat dalam membahaskan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa terkilan sedikit kerana melihat undang-undang ini sepatutnya dilaksanakan apabila kita meluluskan banyak undang-undang multimedia pada pertengahan tahun 1990 tapi malangnya undang-undang ini telah tertinggal walau bagaimanapun oleh kerana perundangan ini telah sampai ke sini saya bagi pihak saya sendiri mengalu-alukan undang-undang kerana walaupun telah terlambat tetapi memang besar maknanya sebagai prasarana ataupun infrastruktur perundangan multimedia.

■1810

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat undang-undang ini banyak menjuruskan kepada perdagangan dan *commercialization*. Apabila kita bercakap soal *commercialization* ini berhubung dengan *e-commerce* dan sebagainya, maka undang-undang ini amatlah penting sekali. Walaupun kita telah mempunyai Undang-undang *Digital Signature*, tetapi nampaknya Akta Tandatangan Digital masih belum mencukupi perlu ditambahkan pula dengan undang-undang aktiviti kerajaan elektronik ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat konsep industri komunikasi teknologi ialah sebagai satu *instrument* untuk mempercepatkan urusan, apa sahaja perniagaan ataupun kerajaan. Dalam masa yang sama, pengeluaran ilmu dan maklumat itu adalah berlambak tetapi persoalannya di sini di dalam konsep yang mengatakan kebebasan berkomunikasi, kebebasan menggunakan *cyberspace* ini, kita mesti mempunyai undang-undang yang tertentu. Di Dewan Parlimen ini, baru tadi Yang Berhormat daripada Dewan ini ada menyebut soal perundangan untuk *personal data protection* tetapi persoalan ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua telah dibincangkan di Dewan ini semenjak enam tahun lepas.

Saya pernah mendengar ramai Ahli Parlimen bercakap, tetapi malang sekali sampai sekarang ini pun belum kita melihat. Dahulu kita pernah menyebut beberapa bilion orang di sana sini telah ditipu menggunakan maklumat-maklumat yang diambil daripada seseorang yang dengan tidak ada kebenaran daripada tuan punya *personal data* maklumat ini. Jadi masih juga kita mengatakan undang-undang ini penting dan undang-undang ini perlu, tetapi hingga sekarang ini pun belum lagi undang-undang untuk *protection of personal information* ini masih belum di bawa ke Dewan ini.

Jadi malang sekali dalam keadaan yang bebas ini, semua orang boleh buat sebagaimana CTOS buat, CCRIS buat, semua boleh buat. Akhirnya mereka mendapat sumber kewangan dan keuntungan yang begitu banyak sekali dengan menjual maklumat-maklumat yang mereka ambil daripada seseorang dengan tidak ada kebenaran seseorang itu sendiri. Jadi kebebasan ini kita tidak ada mempunyai undang-undang. Jadi kalau undang-undang ini belum di

bawa ke Dewan ini dan diluluskan di Dewan ini, perkara seperti CTOS ini mesti akan berlaku lagi dan bertambah.

Ada tuduhan-tuduhan yang dibuat. 85 tuduhan dibuat tetapi perkara-perkara yang remeh, perkara-perkara yang kecil, perkara-perkara yang ada dalam undang-undang, tetapi yang penting itu untuk menjaga butiran peribadi seseorang masih belum tidak ada perundangan. Jadi amat penting sekali pihak kerajaan supaya Undang-undang *Personal Data Protection* ini mesti dibawa ke Dewan ini dan diluluskan untuk menjaga maklumat-maklumat peribadi seseorang diguna pakai dan dijual sebagaimana yang telah berlaku di Amerika, digunakan untuk menipu dan *fraud activities*, banyak berlaku.

Bahkan di Amerika telah meningkat sampai berbilion penipuan berlaku oleh kerana orang menggunakan butiran-butiran peribadi seseorang yang lain dengan tidak ada kebenarannya. Jadi malang sekali kalau undang-undang ini dalam keadaan *cyber freedom* ini berlaku, kita tidak mempunyai undang-undang yang sedemikian. Dalam konteks yang sama Tuan Yang di-Pertua, ada paradoksnya juga. Dalam kebebasan berkomunikasi ini, kita masih melihat banyak peraturan kerajaan yang masih membendung kita untuk berkomunikasi.

Saya sebut umpamanya jabatan-jabatan kerajaan yang mempunyai maklumat-maklumat yang khusus, mempunyai maklumat-maklumat yang diperlukan oleh jabatan-jabatan yang lain untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Umpamanya Jabatan Pengangkutan Jalan, jabatan polis dengan badan pelesenan. Badan pelesenan ini cuba mendapat maklumat daripada jabatan polis, tetapi malangnya polis mengatakan mereka tidak boleh memberi maklumat-maklumat yang tertentu melainkan ada kebenaran daripada pegawai-pegawai kanan mereka. Padahal jabatan ini perlukan maklumat itu untuk menjalankan tugas mereka dan melaksanakan kehendak kerajaan juga.

Malangnya maklumat ini tidak boleh diberi oleh kerana jabatan yang tertentu itu tidak membenarkan maklumat itu diguna pakai oleh jabatan yang lain. Padahal kegunaan ini adalah untuk kebaikan bersama dan kebaikan masyarakat. Jadi di mana letaknya kerajaan, di mana dasar kerajaan? Kita hendak melaksanakan konsep *computerization*, tetapi dalam masa yang sama komputer satu jabatan tidak boleh berkomunikasi dengan jabatan yang satu lagi. Akhirnya maklumat-maklumat yang penting sepatutnya dikongsi bersama ini tidak mengalir dari satu jabatan kepada satu jabatan yang lain.

Sebagai misalan Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang itu ada mempunyai *track record* sebagai seorang penjenayah ganas, sebagai perogol atau sebagai pembunuh, dikatakan jangan diberi lesen memandu teksi. Namun dalam masa yang lain, Lembaga Pelesenan tidak berhak untuk meminta maklumat ini daripada pihak polis kerana jabatan polis tidak hendak memberi. Jadi dengan sendirinya maklumat ini tidak dapat dikongsi bersama oleh pihak jabatan kerajaan yang berkehendakkan ini. Akhirnya apabila Lembaga Pelesenan memberi lesen kepada seseorang yang telah melakukan keganasan dan melakukan lagi keganasan, dengan sendirinya

siapa yang disalahkan? Maknanya Tuan Yang di-Pertua, kita belum *embrace information technology* dengan sebenarnya. Apa yang kita ada secara ad hoc dan dilaksanakan secara *on department to departmental basis*. Kita sepatutnya *embrace* bukan sahaja jabatan kerajaan, tetapi keseluruhan masyarakat. Dalam masa yang sama, semasa kita *embrace information dan communication technology* ini, kita mestilah mempunyai undang-undang supaya masyarakat diberitahu di mana letaknya batasan dan parameter untuk mereka boleh bergerak.

Ada satu buku Tuan Yang di-Pertua, yang bernama Wawasan 2020 ditulis oleh seorang Profesor daripada Harvard University pada tahun 1991 yang membuat satu perbandingan di antara Amerika dan Jepun. Bagaimana pihak Jepun *embrace* ICT dan bagaimana Amerika tidak *embrace* ICT. Jadi lima tahun selepas itu, keseluruhannya masyarakat Amerika cukup dengan perundangannya, cukup dengan garis panduannya dan cukup dengan tindakan-tindakan pihak kerajaan dan semua masyarakat sama ada dalam *business* ataupun dia dalam jabatan kerajaan.

Walaupun demikian, masih ada juga ketinggalan oleh kerana longgokan ataupun lambakan maklumat yang didapati menerusi ICT ini jauh lebih banyak. Bahkan dalam masa setahun seseorang itu boleh mendapat maklumat lebih daripada apa yang di kumpul 100 tahun dahulu daripadanya. Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ini macam mana untuk kita membahagi-bahagikan atau untuk memilih mana satu maklumat yang betul dan mana satu maklumat yang salah. Jadi terdapat dalam masyarakat Amerika tidak menerima hakikat bahawa kalau ICT ini tidak diperbetulkan perjalanannya, maka ia akan mendatangkan satu masalah yang tertentu.

Lambakan maklumat yang begitu banyak tetapi tidak ada penilaian yang tertentu iaitu yang mana betul dan yang mana salah, yang mana boleh dipakai dan yang mana tidak boleh dipakai. Jadi kita belajar daripada masyarakat ini yang mungkin lebih di hadapan jika dibandingkan dengan kita sendiri supaya kita jangan terjerumus dalam keadaan yang sama.

■1820

Dalam masa yang sama, kita bahkan perundangan untuk *protecting the personnel* ini pun belum kita bawakan ke Parlimen ini untuk diluluskan. Jadi maknanya ada kelemahan daripada pengurusan untuk melaksanakan prasarana undang-undang di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua satu lagi saya nak sebut, kita banyak menyebut persoalan ekonomi, kita banyak menyebut persoalan *digital divide*, kita banyak menyebut pelaksanaan *computerization* pekerjaan, kita banyak menyebut supaya sekolah-sekolah diberi komputer, pengajaran dan sebagainya. Saya juga banyak menerima maklumat bahawa banyak perbelanjaan kerajaan ini telah tidak mendatangkan kesan positif khususnya di luar bandar.

Oleh kerana walaupun komputer telah dihantar ke sekolah-sekolah ke komputer-komputer *lab* di seluruh negara, tetapi penyelenggaraan komputer-komputer yang kita laksana ini telah tidak diambil berat oleh pihak yang tertentu. Jadi akhirnya sekolah-sekolah di luar bandar

yang tidak mempunyai sebaik mungkin tidak mendapat kemudahan daripada penggunaan komputer sendiri. Akhirnya *digital divide* akan terus berlaku masyarakat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya nak sokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Santubong. Kerja lama dengan kerja baru, kerja lama secara manual manakala kerja baru ini secara elektronik. Kita nak membudayakan kerja lama kepada kerja baru Yang Berhormat, barangkali mengambil masa. Saya tengok banyak komputer-komputer yang menjadi 'kuda putih' disimpan tidak di manfaat, sedangkan elektronik ini penting ICT ini penting.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat, bila kita boleh membudayakan kerja, sebab yang tengok pada RMK-9 masih rendah pencapaiannya, peringkat nasional 21 peringkat negeri baru 10. Saya bimbang takut di peringkat *grassroots* kita ketinggalan dengan budaya baru ini kerja elektronik, macam mana pandangan? Namun begitu saya tidak menolak ini adalah sangat penting anjakan paradigma.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya hendak pergi ke arah itu, kita tadi membincang soalan *digital divide* di antara orang bandar dengan orang luar bandar. Namun kita juga melihat kebanyakan orang luar bandar itu, hampir 90% orang luar bandar adalah terdiri daripada masyarakat bumiputera. Masyarakat bumiputera ini kalau kita lihat segolongan orang yang telah disisihkan dalam persoalan digital ini.

Jadi kalau kita pandang dari segi itu, kalau kita tidak mengambil tindakan positif atau tidak memberi prasarana yang sebanyak mungkin, tidak memberi akses yang sebanyak mungkin, tidak menyampaikan komunikasi ini keluar bandar secepat mungkin, kita akan menyisihkan masyarakat bumiputera akhirnya kelak.

Sekiranya kita lihat, ICT ini adalah satu instrumen untuk mempercepatkan pengurusan mereka, pengurusan perniagaan, pengurusan pendidikan dan pengurusan apa saja. Inilah yang tidak kita sampaikan. Jadi dengan sendirinya orang bumiputeralah, orang Melayulah nanti akhirnya akan tersisih, kalau kita tidak mengambil tindakan yang positif daripada peringkat sekarang.

Saya menerima hakikat daripada Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi. Memang saya menerima hakikat bahawa banyak tempat-tempat komputer, kelas-kelas komputer di luar bandar telah sekarang tidak di pandang begitu penting lagi oleh masyarakat di luar. Kita cuba nak menghantar supaya tiap-tiap kampung itu diberi komputer *lab* dan sebagainya, tapi *excitement* itu dah berhenti dah tak ada di sana lagi.

Jadi apabila *excitement* itu kita sendirinya menurun ke bawah. Jadi kita berbalik semula kepada budaya lama mengguna kertas, hanya yang kita guna ialah *hand phone* saja. Dalam masa yang sama *hand phone* itu kalau di luar bandar komunikasinya masih, kalau di kawasan

saya pun di pesisir bandar hanya 60% sahaja yang mempunyai liputan *hand phone*, apatah lagi komputer.

Jadi kalau komputer tak dapat, *hand phone* pun tak dapat, *internet* pun tak dapat, apa jadi orang luar bandar? Ini di persisiran bandar. Apa berlaku di Batang Lupar, apa berlaku di Kanowit, Kapit atau pun di hulu Pahang ataupun di Kinabatangan dan sebagainya. Saya tak tau mungkin sama dengan keadaan berlaku di Sarawak.

Jadi dalam keadaan sedemikian kita kena secepat mungkin. Baru-baru ini saya menghadiri satu taklimat yang diberi oleh pihak Telekom, sumber kewangan banyak Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi penggunaan sumber kewangan ini tidak dibuat atau diurus begitu rupa supaya mendatangkan *computerization* ini ke luar bandar secepat yang mungkin, tetapi kenapa tidak? Sumber ada, kemampuan ada, tetapi apa halangannya?.

Jadi saya ingin bertanya dengan pihak kerajaan, apakah halangan yang membebankan negara kita, makanya *digital divide* ini masih berlaku begitu besar dan jurangnya makin membesar bukan mengecil...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, pendekkan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ..bukan mengecil. Jadi saya berharap kerajaan mengambil tindakan khusus, tindakan positif agar orang di luar bandar tidak menjadi terus tersisih daripada semua segi, pendidikan dan ekonomi. Ini adalah instrumen ekonomi, perlu kita lihat secara itu kalau tidak dasar ekonomi baru itu nanti akan kecundang dan orang kitalah yang terkenal iaitu orang bumiputera dan orang Melayu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong kalau boleh pendekkan dan kalau dapat ringkaskan sahaja.

6.27ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini kita berharaplah e-kerajaan di Malaysia ini akan mempertingkatkan. Cabaran yang utama bagi e-kerajaan di Malaysia adalah cabaran teknologi yang meliputi isu-isu standard, integrasi data, legasi penyelenggaraan, *privacy* serta keselamatan. Seperti mana yang disebutkan oleh Kota Bharu, kita undang-undang yang lebih ketat untuk melindungi *privacy* rakyat Malaysia ini.

Di sini saya hendak menyentuh beberapa perkara termasuk saya sendiri sentiasa menggunakan e-kerajaan, apa masalah saja saya gunakan *email* untuk menyampaikan kepada jabatan-jabatan kerajaan. Misalnya saya sebut beberapa kali di sini, kadang-kadang kita menggunakan DBKL atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, talian yang diberi kepada kita alamatnya dbkl@dbkl.gov.my. Kadang-kadang kita hantar dia tendang, ini orang kata *provider* punya masalah. Ada yang kata kerana dia penuh, pengurusan tak cukup, penyelenggaraannya tak sempurna kemudian ia tendang balik, itu masalah yang pertama.

Jika sampai kepada matlamat juga, masalah tak dijawab, tak dijawab. Baru-baru ini sampai *email* saya kepada peguam negara iaitu Jabatan Peguam Negara, ini lebih baik. Ini kerana keesokan hari saya dapat jawapan dah, peguam negara akan mempertimbang dan mengambil tindakan.

■1830

Kebanyakan jabatan kerajaan tidak menjawab langsung. Ada yang jawab, ada yang tidak jawab. Dengan adanya rang undang-undang ini, saya berharaplah kelemahan-kelemahan ini dapat diselesaikan.

Harapan kita untuk meningkatkan operasi dalaman kerajaan dan pembekalan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia. Saya berharap ia dapat dicapai dengan adanya rang undang-undang ini yang bermatlamatkan keselesaan, ketelusan dan kualiti interaksi dengan masyarakat dan perniagaan. Sekali gus, baik pulih taraf aliran dan proses matlamat di dalam kerajaan bagi membangunkan dasar, menyelaras dan menguatkuasakannya secara lebih pantas dan berkualiti. Memang kerajaan elektronik akan memainkan peranan yang utama dalam menjadikan pemangkin kepada pembangunan MSC, MDeC, kita serentak menyahut seruan sosioekonomi, sosiopolitik, ekonomi Wawasan 2000 dan k-ekonomi. Kita hanya tidak sampai 13 tahun lagi hendak mencapai tahap Wawasan 2020 negara maju.

Yang Berhormat bagi Hulu Langat ada menyebutkan, kita hanya di tahap atau rangking ke 36 sahaja. Yang Berhormat Menteri mesti mengambil perhatian mengapa kita hanya sampai tahap 36.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak lihat mengenai e-kerajaan untuk memastikan setiap kakitangan kerajaan, perniagaan dan orang ramai dapat bekerjasama demi kebaikan negara. Visi ini menyarankan penyusunan semula kerajaan menggunakan teknologi maklumat dan multimedia bagi meningkatkan produktiviti secara dramatik dan mencipta suatu suasana kerjasama yang akan menggalakkan pembangunan secara berkesinambungan dalam industri multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikit sebanyak implikasi dari segi perubahan dengan pengenalan teleperubatan, *e-health*. Ini bererti amalan perubatan dengan menggunakan komunikasi audio visual dan data. Di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Kementerian Kesihatan akan menjadikan HUKM sebagai hospital contoh kerana selain daripada memberikan perkhidmatan kepada pesakit yang datang ke hospital ini, HUKM juga turut memberi latihan kepada pelajar-pelajar, pakar di hospital-hospital di seluruh negara dan memberikan kemudahan rawatannya kepada masyarakat di luar bandar. Ini memang berfungsi sebagai hospital rujukan.

Konsultasi juga boleh didapati melalui teleperubatan. Di teleperubatan ini doktor-doktor luar akan dapat berhubung terus dengan pakar-pakar di hospital untuk membuat rujukan dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, teleperubatan ini juga berfungsi bagi membolehkan pakar-

pakar di hospital berhubung terus dengan pakar perubatan di seluruh negara bahkan di seluruh dunia bagi mendapatkan nasihat dan pandangan mereka.

HUKM mempunyai hubungan yang erat dengan hospital-hospital lain di seluruh dunia. Sebagai contoh pakar-pakar obstetrik dan ginekologi, neurosurgeri dan endokrinologi di hospital ini sentiasa mengadakan hubungan kerja dengan pakar-pakar dari Amerika Syarikat, Australia dan sebagainya. Tiap-tiap jabatan pula sentiasa menjemput profesor-profesor dari luar negara untuk menjadi pemeriksa luar sekurang-kurangnya dua kali setahun. Ini satu cara untuk menentukan taraf dan prestasi yang tinggi dicapai dalam semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang teleperubatan, kita akan menggunakan doktor pakar yang berada di luar negara untuk membuat diagnosis terhadap pesakit yang berada di Malaysia. Doktor pakar dapat melihat gambar pesakit melalui komputernya yang dipancarkan dari hospital di Malaysia untuk membuat analisis, rujukan dan cadangan rawatan. Hospital akan menggunakan teknologi maklumat yang canggih untuk berhubung antara hospital di rantau ini serta di seluruh dunia dan dengan itu kepakaran doktor seluruh dunia dapat dikongsi oleh doktor tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah hospital dan doktor tempatan mendapat manfaat dari kelebihan ini? Ini kerana ada berlaku penggunaan doktor luar bagi membuat diagnosis terhadap pesakit yang berada di Malaysia melalui penggunaan teknologi komputer.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya ingat Yang Berhormat rehat tadi... [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Saya tertarik Yang Berhormat kata tadi dengan sistem teknologi komputer sekarang ini, doktor di antara Malaysia dengan luar negara. Apakah kita gunakan sistem itu juga di dalam negara kerana kadang-kadang tidak semua hospital ada pakar, *specialist* tidak ada. jadi kadang-kadang macam di belah utara kebanyakan pakar tertumpu di Pulau Pinang jadi terpaksa Hospital Alor Star dan Langkawi dan sebagainya terpaksa menghantar *patient* itu ke hospital ataupun menunggu pakar itu lambat. Jadi itu nyawa, jadi macam mana pandangan Yang Berhormat? Kita adakan di antara dalam negeri kita ini antara hospital ke hospital. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Jerai, memang betul kita perlu mempertingkatkan hubungan di antara hospital kita, tapi saya diberitahu bahawa salah satu masalah Hospital Alor Star ialah lambat disiapkan itu kerana permintaan untuk mengadakan pusat pakar terutamanya untuk jantung. Ia hendak ada IJN yang kedua di Alor Star. Memanglah pihak kerajaan hendak meningkatkan tahap yang standard hospital di Alor Star. Mungkin dengan sedemikian melalui teleperubatan perkhidmatan perubatan di negeri Kedah akan dipertingkatkan. Dia hebat juga Kedah, menang bola sepak. Memang menang tapi tendang, penalti sahaja tu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, itu menunjukkan *terror*, menunjukkan kepakaran, sudah bermain beberapa jam, *last* sekali tendang penalti yang menunjukkan kemenangan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Penalti itu tidak bermakna dia lebih hebat. Mujur saja, kemujuran itu bukan hebat... *[ketawa]* Nasib!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...*[Ketawa]* Hendak balik kepada teleperubatan. Saya cadangkan supaya kerajaan mempertingkatkan kaedah pemantauan. Kaedah pemantauan termasuk kaedah yang lebih telus supaya doktor dan hospital tempatan yang mendapat benar-benar manfaat dari apa sahaja perkongsian teknologi dengan negara asing dengan pusat-pusat yang lebih canggih di negara kita seperti HUKM.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya di bandar Putrajaya, yang menjadi akar umbi kepada pembentukan kerajaan elektronik. Konsep bandar pintar ini ialah untuk membentuk komuniti elektronik yang komprehensif di mana produk dan perkhidmatan dapat diberi dengan mudah di mana-mana dan oleh sesiapa sahaja. Cukai-cukai, hal kewangan, kedai, bayaran bil, belian tiket-tiket dan perkhidmatan yang lain dapat dibuat di rumah atau pejabat sendiri tanpa perlu keluar ke tempat tersebut.

■ 1840

Kemudahan-kemudahan yang lain seperti pengangkutan, perumahan dan bekalan tenaga dapat disalurkan dengan baik tanpa gangguan. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau dapat berhenti ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak berhenti.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, habiskan kalau dapat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tetapi banyak lagilah kita hendak bagi sumbangan sedikit. Tetapi tidak apa

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak bagi sumbangan juga.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sumbangan, tetapi tadi itu rehat saja. Saya tidak nampak bangun pun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Main bola pun ada masa rehat Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Penalti saja itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat habiskan ya, bagi peluang orang lain.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Pemerintahan di Putrajaya akan lebih pesat membangun sebagai kerajaan elektronik dan rakyatnya pula dapat menggunakan teknologi maklumat dalam kehidupan seharian mereka. Tidak kira sama ada mereka menggunakan jaringan Putrajaya, Putrajaya net. Putrajaya ini khas sikit kerana Cyberjaya pun di situ dan kita anggap dia pintar

atau kad pintar (*smart card*) mereka pastinya dapat membentuk masyarakat yang dan kerajaan elektron sepenuhnya sekali gus menaikkan matlamat Malaysia sebagai gedung teknologi maklumat. Inilah gedung teknologi maklumat tetapi Padang Rengas pun bila dia masuk komputer pun susah. Macam mana di Putrajaya pejabatnya bergantung kepada kerani-kerani saja itu. Kalau dia sendiri susah. Ya, menteri kerja banyak ke? Oh, kalau kerja banyak boleh buta komputerlah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Puchong, Kepong klinik dia *patient* pun kurang sekarang la ni. Jadi dia ada masa banyak. Betul tak? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam-macam. Dengan penalti menang sedikit pun macam itu sudah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, di sebalik pemodenan, kecanggihan ini kita tahu bahawa kadar jenayah di Putrajaya ini adalah sangat tinggi. Jenayah komputer pun tinggi, Putrajaya. Bukan lari. Lari masuk ke tajuk. Putrajaya itu kadar jenayah sama ada komputer dan sebagainya tinggi. Jadi, dia lebih canggih, lebih moden, gedung teknologi maklumat menjadi gedung penjenayah pula. Gedung penjenayah bukan saja di Johor Bahru, bahkan juga di Putrajaya. Saya berharap...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagi itu. Saya hendak sentuh sikit MyKad.

Tuan Yang di-Pertua: Sejam lagi tidak habis itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Esok lagi ya boleh capai dan akhir sekali...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...saya berharap sambil kita hendak meningkatkan e-aktiviti, e-kerajaan kita mestilah mewujudkan keselamatan yang cukup termasuklah bekerjasama dengan pihak polis. Kita perlu melakukan sesuatu tindakan drastik bagi menyelesaikan masalah jenayah sama ada jenayah komputer atau jenayah jenis yang lain. Semoga pihak Putrajaya menjadi benar-benar gedung teknologi maklumat memberi perkhidmatan yang lebih sempurna. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Kuala Terengganu, ringkaskan sikit ya.

6.44 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin turut sama terlibat dalam perbincangan akta ini iaitu Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 yang memberi pengiktirafan undang-undang terhadap mesej elektronik dan juga urusan antara kerajaan dengan orang awam. Penggunaan mesej elektronik untuk memenuhi kehendak undang-undang membolehkan kemudahan urusan melalui penggunaan cara elektronik ini. Saya ingin menimbulkan lima isu utama untuk difikirkan oleh kementerian yang berkenaan oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang pertamanya ialah tentang cabaran kepada kerajaan elektronik ini adalah tentang maklumatnya. Maklumat-maklumat yang tersebar melalui elektronik ini, *garbage in, garbage out* kata orang dengan izin. *GIGO - garbage in, garbage out*. Kalau sekiranya maklumat yang kita peroleh itu adalah bersifat sampah sarap, maka kesan daripada sampah sarap itu jugalah yang akan terhasil daripadanya. Maka dalam konteks ini penapisan kepada *garbage* ini, sampah-sampah sarap ini yang sering kita dapati sama ada dalam perundangan, dalam kes-kes *business* urus niaga, *finance* cukup banyak. Malah dalam komunikasi elektronik pun banyak. Malah dalam sistem SMS pun kita dapat banyak *garbage-garbage* ini. Jadi, bagaimanakah *garbage-garbage* ini dikawal? Sebab *garbage in, garbage out* juga memberi kesan-kesan kepada pemikiran kita, membentuk persepsi kita dan ini adalah merupakan cabaran dan juga merupakan halangan dan permasalahan. Bagaimanakah dalam konteks kita memperkasakan *e-government* ini atau pun kerajaan elektronik ini kita mengawal *GIGO* ini, *garbage in, garbage out*?

Yang keduanya, yang disebut oleh Kepong dan beberapa orang rakan-rakan kita tadi ialah apabila kita amat terpengaruh dengan elektronik dan juga ICT ini. Kadang-kadang kita menyerahkan segala harapan kita kepada teknologi ini. Dengan izin dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *technological determinism*. Ertinya kita menyerah bulat-bulat keyakinan kita hanya kepada teknologi. Kadang-kadang teknologi ini bukan ia bersifat maha benar dan maha betul. Kadang-kadang terdapat kesilapan-kesilapan yang menyebabkan kita berada dalam keadaan yang huru-hara, yang menyebabkan kita berada dalam keadaan kelim kabut.

Dalam konteks ini saya juga hendak mencadangkan agar kita seimbangkan di antara keperluan teknologi ini dengan kita membentuk manusia itu iaitu *human determinism* ataupun *human constructionism*, ertinya kita membina manusia itu. Tadi telah disebut oleh Kepong bahawa Putrajaya kita mempunyai pelbagai kelengkapan canggih ICT dan elektronik tetapi dalam masa yang sama kita dapat jenayah-jenayah elektronik yang berleluasa kata beliau tadi. Ini adalah merupakan satu perkara yang harus kita bina dan kita bentuk iaitu membentuk manusia itu sendiri, membentuk adab itu sendiri. Tidak pula kita menjadi orang-orang meskipun menggunakan teknologi, tetapi orang-orang yang biadab. Jerai hendak cakap?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Ketawa*] Penjelasan Yang Berhormat. Pendek kata Yang Berhormat hendak cerita ini membina modal insan yang baiklah. Itu ya? Jadi, saya tidak faham Yang Berhormat kata tadi dua bahasa itu apa? *Consult* dengan apa? Kalau boleh ulang Tuan Yang di-Pertua kerana cepat sangat dia bercakap tadi. Bermaknanya bagi maksud saya adalah membina modal insan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Memberi keutamaan kepada pembangunan modal insan. Jangan sekali-kali kita seratus peratus kita hanya bergantung kepada teknologi. Teknologi yang menentukan segala-galanya. Itulah dengan izin saya sebut tadi, *technological determinism*. Kita harus juga memberi keutamaan kepada *human*

constructionism, membina manusia itu degan sebaik-baiknya supaya dapat memilih dan mengelak segala sampah sarap itu yang masuk ke dalam sistem ICT ataupun elektronik ini.

Perkara yang ketiga adalah saya hendak bertanya kepada kementerian...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan Yang Berhormat. Saya ucap tahniah kepada Kuala Terengganu. Dia *very technological*. Betul-betul *e-electronic* ini. Saya hendak minta pandangan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita kata *e-man* ya?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: E-man [*Ketawa*] Kalau kita terlalu bergantung sangat kepada *e-government* ini. Saya perhatikan yang paling penting ialah *back-up system*. Sekarang ini sudah *e-government*, ada kalanya kadang-kadang kita pergi ke satu jabatan *because* dia sudah *elaborating electronic*, tiba-tiba *back-up system fail*. Bila komputer *breakdown*, dia kena tunggulah, sejam, dua jam satu hari. MAS *for the example* macam itu juga. Macam seolah-olah tidak ada alternatif kepada *that system*, kita terlalu bergantung.

Macam Yang Berhormat kata tadi terlalu bergantung kepada E, sampai manusia itu sendiri sudah tidak ada. Tidak boleh sudah hendak pergi manual, tidak boleh hendak buat apa. *Back-up system fail*, habis sistem *fail*, balik. Orang hendak buat IC, orang hendak buat kad pengenalan, orang hendak itu. Banyak benda ini telah berlaku. Ini menjadi rungutan kepada rakyat. Saya sendiri kena banyak kali. Datang sudah beratur satu jam, komputer *breakdown*. Telinga merah hendak marah. So, apa pandangan Yang Berhormat dalam masalah ini?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih banyak. Saya amat bersetuju dengan rakan saya daripada Ketereh tadi. Malah, petang tadi saya keluar sekejap, saya pergi dekat PTPTN untuk menguruskan isu yang sama. *Failure* daripada sistem komputer ini. Apabila puluhan ribu pemohon-pemohon PTPTN secara *online - e-application* ataupun permohonan *online* secara PTPTN, secara elektronik ini berjalan. Pelajar-pelajar ada yang hantar SMS kepada saya mereka tidak berpuas hati.

▪ **1850**

Jadi ini adalah merupakan satu isu kita. Infrastruktur dan info struktur kita tidak berapa kita kemaskan. Jadi info struktur kita itu harus kita perbaiki lagi. Struktur itu dan segala prasarana, ICT itu, maklumat itu, rangkaian *connectivity* itu perlu diperkemas. Malah baru-baru ini ketika mana terlalu ramai pelajar yang masuk dalam sistem *e-application* PTPTN, salah satu pusat di Damansara itu *down* dia punya sistem. Jadi tidak ada *back up*. Jadi ini adalah merupakan satu masalah yang perlu difikirkan dengan betul-betul. Kadang-kadang kita hanya *trendy and fashionable* sahaja, tidak mempunyai *back up-back up* yang telah disebutkan oleh Ketereh tadi. Sepatutnya kita perlu mengadakan kecekapan dan keterampilan kita menyediakan sistem *back up* yang telah dimasukkan tadi...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. Saya sedikit sahaja lagi hendak sambung pandangan Yang Berhormat. Bukan sahaja sistem *back up* itu. Maksud saya,

Yang Berhormat tadi sebut tadi modal insan. Manusia itu sendiri, orang yang menjaga sistem itu sudah menjadi macam robot, kalau sistem itu *fail*, dia pun *fail*. Dia tidak kembali kepada zaman dia jadi manusia itu. Patutnya *he was already trained*. Dia telah dilatih, dia diajar. Bila sudah *fail*, dia pun duduk, dia goyang kaki habis. Itu maksud saya. Kita dalam hendak pergi *e-government* ini mesti latih, saya setuju dengan Yang Berhormat tadi, sistemnya dan orangnya sekali. Itu maksud saya. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, betul. Saya pun tidak habis cakap lagi. Yang saya hendak cakap juga adalah dari segi pembinaan manusia itu. Itu saya sebut tadi, *human construction*, bererti kita bina manusia itu. Kreativiti, akal otak ini tidak boleh ganti dengan kecanggihan teknologi. Sehebat mana teknologi ICT ini masih belum dapat dia menguasai di antara dua cuping telinga kita ini, *the brain cell* kita ini, ertinya kreativiti kita untuk kita membina cabaran-cabaran berdepan dengan ICT ini perlu ada pada kita. Ertinya pembinaan minda itu, kreativiti itu, kecanggihan dari segi kritisnya pemikiran kita perlu ada dan dia tidak dapat menolak atau pun tidak dapat mengatasi teknologi yang sedang kita bincangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa bentuk sistem ganti?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa bentuk sistem gantinya, *back up*?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sistem gantinya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang hendak dibuat, apa dia, selain daripada komputer?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ha, inilah satu persoalan yang terkiniilah. Apa lagi gantinya itu. Sebab itu saya merasakan manusia ini perlu lagi kreatiflah. Dia perlu ada *value creation*, erti membuat satu *creation*, ciptaan baru untuk bagaimanakah bila kita berdepan masalah-masalah apabila *back up system* telah musnah atau pun sudah rosak. Jadi ertinya dalam konteks ini, *value creation* itu, otak kita harus memikirkan lagi, apakah resolusi dan apakah kemudahan-kemudahan yang boleh dicipta.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat boleh *pikiaq* tak, boleh *pikiaq* tidak cara hendak mengatasi masalah Ketereh tadi? Yang Berhormat boleh fikir tak macam mana cara hendak mengatasi masalah *breakdown* ini. Kadang-kadang betul Yang Berhormat saya bersetuju. Kita pergi bank macam itu juga. Kita hendak *online* kata ada *breakdown* atau pun kita hendak *withdraw money, system breakdown*. Jadi *breakdown* ini banyak sangat pada zaman canggih ini. Jadi apakah masalah-masalah atau pun kita punya laluan terlampau sibuk atau pun apa dia yang menyebabkan *breakdown* sana, sini atau pun *overload* dari segi penggunaannya. Bermaknanya sistem, bukan sistem infrastruktur itu tidak canggih untuk mengatasi penggunaan yang mungkin begitu banyak pada hari ini.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya dapati sekarang ini dalam konteks PTPTN bila *e-application* itu mendadak masuk itu, dia *fall back to, back to basic. Back to basic*, iaitu bererti manual. Buat kerja, manusia pula menjalankan kerja elektronik itu. So dia *fall back*

kepada kaedah asal kita. Iaitu kepada manusia juga. Terpaksa buat secara manual. Sekarang ini proses secara manual. Bila, apabila berlaku apa yang disebut sebagai *back up failure* yang telah saya sebut tadi. Jadi dalam konteks ini, saya rasa kedua perkara itu dari segi teknologinya dan pembangunan sumber manusia itu harus ditimbang.

Perkara yang ketiga yang hendak saya timbulkan ini adakah dengan *electronic government* ini ia memberi penjimatan kos dan juga memberi *cost benefit* kepada kita. Saya mohon Yang Berhormat Menteri dapat menjawab. Apakah ia memberi kesan kepada, apakah ada kajian bahawa penjimatan kos, *cost benefit analysis* telah dilakukan dengan kita telah mengadakan aktiviti apa yang disebut sebagai *e-government* dengan mesej elektronik dan serba macam yang telah disebut yang dibentangkan dalam akta ini.

Seterusnya apakah dia memberi kepantasan? Erti memberi *speed*. Saya melihat apa yang berlaku di PTPTN sekali melalui *application*, kali pertama kita buat dia mengganggu kelancarannya. Jadi apabila *speed* yang dijangkakan oleh khalayak tidak berlaku, kepantasan tidak berlaku, ini membawa kepada kehilangan keyakinan, kehilangan keyakinan kepada sistem kita itu. Bila hilang keyakinan ini akan memberi kesan satu lagi iaitu membawa kepada kos pula. Kos yang meningkat. Saya amat-amat percaya dan tadi saya telah mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan saya. Saya kata, kita perlu pastikan dengan aplikasi elektronik ini memberi kepantasan kepada kita. Dengan *speed* ini memberi teras keyakinan. Kalau *speed* kita sudah tidak pantas, dia akan menyebabkan keyakinan menurun dan ini akan menyebabkan pula kos, kos kemarahan orang, kos dari segi *frustration* pelanggan-pelanggan menunggu. Ini adalah merupakan cabaran-cabarannya...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, marah ini ada kos kah Yang Berhormat, bila kita marah ada kos kah?... [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Sudah habis kah?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: ...Iaitu yang saya hendak sebut di sini adalah tentang beberapa perkara. Apakah *e-government* ini benar-benar memberi manfaat terutamanya kepada peniaga-peniaga, memberi perlindungan kepada industri kecil dan sederhana atau IKS kita, hasil kemunculan berleluasa e-dagang. Apakah IKS kita dapat beroperasi dalam konteks IT, dalam konteks e-dagang ini. Saya kira, kalau sekiranya kita tidak bersedia, ini tidak akan memberi keuntungan kepada pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana.

Akhir sekali ialah keberkesanan *monitoring system* iaitu sistem pemantauan yang dilakukan oleh pihak kerajaan melalui *e-government* ini. Setakat manakah ia benar-benar mengatasi masalah-masalah yang dihadapi, setakat manakah PMS ini atau pun *Project Monitoring System* ini benar-benar berkesan dan memberi *feedback* yang baik untuk kita memulihkan perjalanan dan juga *delivery* kerajaan? Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ya, Pasir Puteh. Cepat sikit ya.

18.57ptg.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit ya.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedia menunggu kerana saya dapat peluang bersama-sama untuk saya memberi sedikit pandangan mengenai Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita sedar atau pun tidak, negara kita sedang berusaha mewujudkan budaya kerja yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi ICT. Salah satu strateginya adalah melalui pelaksanaan *e-government* ataupun kerajaan elektronik. Kebimbangan saya satu, apabila timbul persoalan-persoalan budaya ini kalau kita tidak dapat membudayakan dalam sistem kita, maka kita akan *fail*, kita tidak akan berjaya Tuan Yang di-Pertua. Jadi dengan harapan ini, oleh sebab cara yang hendak kita memodenkan kerja ini adalah satu kerja yang baik, jadi saya perlulah menyokong penuh.

Cuma persoalan sekarang ini, ialah sejauh manakah jaminan terhadap aspek keselamatan elektronik ini, sejauh mana kemantapan pertahanan bagi sistem kerajaan elektronik ini. Ini juga persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan tadi saya telah bangkit Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Lipis. Dia pun tidak memberi jawapan, dia serahkan sebagai masuk dalam ucapan beliau untuk menteri menjawab. Sebab kalau orang ramai mesti bertanya-tanya, hari ini kita di peringkat Parlimen pun rakyat bertanya-tanya kepada kita apakah aspek jaminan berkenaan akan berterusan. Hakikat yang boleh kita terima sekarang apabila pelaksanaan *e-government* iaitu melalui portalnya orang ramai akan dapat melayari *internet* dengan mudah jika dibandingkan suatu ketika dahulu.

Sebagai contohnya, anak di Amerika, kita boleh bercakap dalam masa tiga minit hanya beberapa ringgit sahaja. Kalau di Mekah dahulu kita bercakap 60 Rial dalam masa satu minit, hari ini kita boleh cakap RM3 dalam tiga minit, ada jemaah-jemaah haji di Mekah. Ini kita akui, tetapi persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak dibangkitkan di sini ialah sejauh manakah jalur atau *host* elektronik boleh menampung *access* penggunaan yang terlalu ramai ini sebab saya bimbang tadilah kita menunggu di bank, kita menunggu hendak buat IC misalnya, kita terpaksa kalau alat elektronik tadi *breakdown*, maka kita terpaksa menunggu begitu lama. Apakah kita tidak boleh *create* sebagai alternatif kepada kerja tadi menggunakan manual.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

■ 1900

Saya rasa sama juga sistem yang ada dalam disket, yang ada dalam ICT itu *why not* kita adakan juga secara manual. Saya takut, saya bimbang kalau virus berlaku seluruh negara, kita kehilangan maklumat. Saya rasa pencen Ahli Parlimen pun tidak dapat tidak dapat diselesaikan

dengan cara yang mudah kalau bertanding pada tahun ini. Itu sebagai contoh, *by example* dengan izin.

Yang akhir sekali, sejauh manakah latihan-latihan ICT boleh diterapkan di peringkat kakitangan awam dalam melahirkan penggunaan ICT yang cekap kerana saya tengok di jabatan-jabatan agama masih belum sampai, belum terterap. Ini Jasin sudah angguk kepala, kalau hendak bangun pun silalah. Saya tengok masjid-masjid belum *online*. Kita terpaksa mengambil teks khutbah di jabatan agama. Sepatutnya *online*, kita boleh *press* teks khutbah tadi dalam ICT masing-masing.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Hah, bagaimana Jasin. Sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Pasir Puteh. Memang kita akui masjid itu lambat. Ada yang hanya retorik sahaja tetapi kadang-kadang jabatan kerajaan pun retorik sahaja. Cuba tengok beberapa jabatan kerajaan dalam negara kita, *website* dia pun tidak *up-to-date*. Bagaimana kita hendak minta orang ramai melayari *website* kalau *website* dia pun tidak *up-to-date*. Ini Parlimen ini, BNBBC punya pun ... kita kena serius berkenaan dengan ini.

Kalau kita hendak wujudkan e-elektronik atau kerajaan elektronik ini kita kena siap semu dengan dia punya *back-up system* dan dia punya tenaga dia dan apa sahaja. Apa pendapat Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya setuju apa yang diucapkan tadi. Saya rasa jabatan-jabatan kerajaan dia bukan sahaja perlu mengadakan program kursus bagi ICT khususnya juga menyeluruh merangkumi peringkat sokongan kerana saya tahu peringkat-peringkat sokongan ini penting untuk menjana kemajuan dalam ICT.

Satu lagi saya dengar pergi kursus ICT di luar negara, sampai London, sampai Amerika, saya rasa tidak *economical* dengan izin, tidak *economical*. *Why not* kita *train* di tempat kita, belikan tenaga asing bawa ke sini boleh belajar ramai. Macam saya mengajar al-Quran lagu-lagu taranum, bawa dari Mesir atau bawa dari Indonesia seorang, belajar ramai-ramai. Ini pergi ramai-ramai belajar seorang di sana. Berapa banyak pengaliran ekonomi kita keluar negara. Ini bukan saya tidak setuju, kalau saya dicalonkan pergi kursus pun saya pergi sebab seronok keluar negara tetapi kita harus fikir, ekonomik atau tidak ekonomik.

Maka sama juga kita beli komputer, kalau komputer begitu banyak dalam satu pejabat kita *store* sahaja macam kuda putih saya kata tadi, manfaatnya beberapa biji sahaja. Itu ertinya tidak *economical*. Kalau betul tak apa, bahasa orang puteh tidak berdosa.

Saya rasa itulah Tuan Yang di-Pertua saya harap jabatan kita, *government* kita lebih maju, lebih meningkat cemerlang dalam pengurusannya ...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Boleh mencelah sedikit?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: melalui MAMPU kerana MAMPU ini dia mampu untuk memimpin.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah habislah Maran.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Celah, celah.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: ... menerajui ke arah *government electronic*. Terima kasih. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan. Jerai, Jerai.

7.04 mlm

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga kerana kerajaan kita sedang menuju, kita sudah *pass* rang undang-undang untuk kerajaan elektronik dan ini akan memudahkan sistem penyampaian. Bermaknanya hari ini banyak masyarakat, rakyat bersungut tentang *delivery system*, penyampaian lambat dan sebagainya. Kalau sistem ini kalau dapat kita gunakan kepada seluruh jentera kerajaan di seluruh negara, termasuk kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan negeri kepada pejabat daerah, pejabat tanah dan sebagainya, ini akan mendapat kutipan hasil yang banyak kepada kerajaan kerana kita lihat pejabat tanah yang menjadi hasil mahsul kerajaan negeri, kutipan bil air dan sebagainya kadang-kadang *back-log* begitu banyak disebabkan oleh sistem sekarang ini manual. Dia hendak buka geran itu hendak cek satu-satu geran pejabat tanah setiap tahun pun bermasalah.

Mungkin dengan adanya sistem elektronik ini ia akan memudahkan dan akan mendatangkan hasil yang banyak kepada kerajaan dan mempercepatkan proses-proses permohonan rakyat kepada kerajaan dan saya berterima kasih Tuan Yang di-Pertua tadi ada satu pegawai daripada MSC menjemput saya dan rakan turun ke bawah ini sebeb di tangan saya Tuan Yang di-Pertua [*Menunjukkan beberapa risalah mengenai ICT*] Di bawah tadi sebeb saya hendak kena balik baca ini.

Kita tengok JPA dia ada dia punya sistem perkhidmatan awam, yang orang takut sekali Jabatan Hasil Dalam Negeri pun sudah *e-filing*, e-bayaran apa semua. *E-filing* itu okeylah tetapi e-bayaran itu kena *slow* sedikitlah, kalau tidak cukup modal [*Ketawa*]

Kalau e-bayaran ini maknanya e-bayaran balik pun kepada kutipan yang berlebihan dibayar itu akan cepat. Saya harap jangan lupa. Begitu juga dengan PDRM, sahabat saya tadi *online*, tahu-tahu tengok 10 saman dia kena *speed trap, on the spot*. Ini memudahkan kita dan saya berasa bangga begitu juga KWSP dan Kementerian Kewangan dan MAMPU memainkan peranan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini yang sebenarnya sudah kita hendak pergi ke alam sedemikian rupa tetapi saya bersetuju dengan rakan-rakan kita. Kita kena menyeluruh

bermaksanya jangan separuh ada, separuh tidak ada jadi dia susah, kadang-kadang sistem separuh-separuh ini tidak jadi. Dia kena keseluruhannya, tiap-tiap kementerian, okey kita buat satu, satu, satu kementerian untuk menjayakan sistem elektronik ini bagi memudahkan kerana kadang memang mudah kalau kita buat *booking* tiket *online* dan sebagainya dia mudah bagi kita jadi kita *save kos* dan sebagainya.

Breakdown pun bertambah sangat Tuan Yang di-Pertua. Cukup banyak *breakdown* yang berlaku dan dari segi, tadi saya bincang dengan pegawai di tempat *show MSC* di bawah itu, banyak sistem dia ada, kalau kita hendak *centralizekan* jabatan kerajaan maknanya *filing system* itu tidak payahlah ada kabinet, berpuluh-puluh kabinet kita pakai sistem *e-government* ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, sila-sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Jerai, sebab kita sekarang guna *e-government* semua, *e-services* apakah Yang Berhormat Jerai risau kerana ada kadang-kadang kalau kita guna portal membuat carian macam saman. Dia minta kita daftar bagi maklumat peribadi, nombor IC, alamat ada *password*, *user name*. Apakah Yang Berhormat ada risau kalau-kalau maklumat peribadi kita akan digunakan di masa kelak untuk tujuan-tujuan yang lain sebab sekarang ini sering kali kita terima banyak dokumen dan kita pun hairan bagaimana mereka boleh dapat maklumat peribadi kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Memang tadi Kepong ada menyatakan, begitu juga Kuala Terengganu dari segi pencerobohan untuk mendapatkan maklumat-maklumat peribadi ini. Kalau kita sendiri yang menggunakan sistem, maknanya kita sendiri punya *password* dan juga nombor IC kita tetapi walau bagaimanapun macam tadi Yang Berhormat Pasir Puteh, bila dia hendak *check* pasal pencen dia, maka pegawai itu meminta izin kepada beliau untuk menggunakan dan memberikan kad pencen dan dia boleh lihat mana duit yang kerajaan bayar tiap-tiap bulan.

Bermakna kerajaan kita tidak *miss* walau pun sebulan Pasir Puteh. Memang benda yang canggih ini memang ada *loophole* dia cara untuk hendak mencerobohi dan juga hendak mendapatkan maklumat. Ini juga satu cara yang kita bimbang, takut-takut dalam sistem pentadbiran kerajaan dia ada banyak yang sulit dan rahsia. Ini pun satu cara, mungkin dia *password* kepada pegawai-pegawai yang tertentu yang ada untuk menguruskan tetapi juga kita takut sistem ini kebocoran.

Dengan cara ini akan dapat maklumat-maklumat kepada orang-orang tertentu. Sebab itu saya kata syarikat-syarikat telekomunikasi, syarikat-syarikat tertentu ini kita jaga dan mengawasi dia supaya jangan kadang-kadang sistem-sistem yang ada ini boleh bocor dan maklumat ini dapat negara-negara asing yang boleh mengetahui kedudukan setiap individu di dalam negara kita.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya amat berharap Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jasin. Jasin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, Jasin, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sahabat saya Jerai. Saya tengok Jerai ini bersemangat dengan *e-government* ini. Saya hendak tanya, adakah kementerian dan jabatan kita ini sudah bersedia untuk ini semua. Kalau kita lihat balai-balai polis, komputer ini sudah *out-of-date* dah. Sudah lama.

■1910

Kastam? Huh! *[Ketawa]* Saya banyak dapat surat, kakitangannya sendiri mengadu tidak cukup. Dulu dia kata *e-filing* - mula-mulanya semua negeri, tetapi sekarang di Sabah, Sarawak, Penang, pelabuhan-pelabuhan yang penting tidak boleh buat *e-filing*. Ia tidak cukup alat, tidak cukup komputer, programnya tidak *up-to-date*. Jadi, kita bercakap bersemangat soal-soal ini tetapi kita lihat jabatan tidak serius, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang dia tidak hendak memperbaharui komputer, dia dapat peruntukan daripada kerajaan dia buat *landscaping*. Itu lebih mustahak daripada komputer. *Landscaping!* Tukar langsir! Komputer macam itu punya lama tidak ditukar. Banyak jabatan yang macam ini. Apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, memang sistem komputer ini cepat berubah. Macam telefon kita jugalah, Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan cukup cepat berubah. *New model* yang keluar kadang-kadang sebulan sekali sebab itu kalau hendak beli telefon ini kena tunggu lama sikit. Kalau kita beli awal itu harganya mahal. Tunggulah sebulan dua atau setahun nanti barulah kita boleh beli dengan harga murah.

Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Terengganu, *very costly*, cukup mahal untuk kita hendak *update*kan sistem komputer. Jadi saya mengharapkan supaya satu kaedah dapat dicari oleh pihak kerajaan kerana sistem *e-government* ini paling baik kerana ia mempercepatkan dan memudahkan pentadbiran. Maksudnya dia boleh *online* daripada pejabat Kerajaan Negeri Alor Star ke Putrajaya melalui sistem ini dengan cukup cepat. Tidak payahlah pegawai naik kapal terbang, turun bawa fail untuk mesyuarat dan sebagainya. Mungkin keputusan permohonan itu boleh diselesaikan dalam masa tiga atau empat minit di atas laporan-laporan yang dikemukakan melalui *internet* dan sebagainya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sungai Petani.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sungai Petani dengan Yan pun dia boleh *online*. *[Ketawa]* Ya, sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Jerai. Saya tahu Yang Berhormat memang bersetuju dengan e-

government ini, tetapi persoalan kita adakah kita sudah bersedia, itu satu. Keduanya, dari segi macam Yang Berhormat katakan komunikasi itu, masing-masing negeri dengan negeri pun ia mempunyai sistem yang agak berbeza antara satu sama lain. Ini pun tidak ada *uniformity* dengan izin, misalnya antara Sabah dan Sarawak pun tidak ada. Jadi macam mana kita hendak buat. Itu yang kedua.

Ketiga, saya boleh bagi contoh kepada Yang Berhormat lagi. Katakan Hospital Sungai Petani, dia kata boleh buat secara elektronik tetapi bila kita buat, dia hendak berurusan dengan pakar-pakar di Kuala Lumpur, belum sampai lagi sebab ia menggunakan sistem yang berbeza. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dalam keadaan ini. Adakah kita boleh lakukan kerana macam Yang Berhormat kata perubahan dalam sistem ini begitu cepat, pantas sehingga kita tidak terkejar. Bolehkah Yang Berhormat berikan penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, kita hendak bermulalah. *We got to have a new system.* Kita kena bermulalah. Kalau kita tidak mula, bila kita hendak mulakan? Sekarang ini negara-negara lain, negara-negara maju sudah ada sistem ini. Pelabur luar negara masuk dan kalau kita ada sistem ini akan memudahkan mereka untuk hendak menghantar *report* balik ke negara mereka dan sebagainya.

Saya bersetuju tentang dari segi sistem sama ada sistem ini kita boleh *synchroniz*kan di antara pejabat-pejabat kerajaan di kementerian dan juga contohnya katakanlah Kementerian Belia dan Sukan dengan Pegawai Belia dan Sukan di daerah kita, bolehkah di *synchroniz*kan supaya ia tidak menjadi masalah. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapat jawapan secara bertulis dengan menggunakan surat, secepat-cepat tindakan saya ingat dalam masa sepuluh hari baru kita dapat jawapannya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera, hendak bagi jalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Ya, Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata dengan adanya sistem komputer *online* ini memudahkan tetapi ada masanya menyusahkan. Kalau kita tengok asas untuk ada komputer, untuk ada 'e' dan sebagainya ialah mesti ada *line* internetnya barulah boleh pakai *internet*. Kalau kita tengok di negara kita *penetration level*nya, dengan izin, di sesetengah negeri baru 5%. Di Pahang misalnya kalau saya tidak silap 5%, di Sarawak hanya 7%, di Sabah saya tidak tahu berapa persen. Kebanyakannya semuanya di bawah 10% daripada *penetration level*. Rendah.

Kalau kawasan yang tidak ada internet, akan menyusahkan. Contohnya pelajar-pelajar sekarang, hendak memohon masuk universiti mereka kena pakai *online*. Mereka tidak boleh macam zaman kita dulu borang masuk yang menggunakan borang biasa, tidak boleh. Sekarang ini dia kena *online* untuk UPU. Untuk dapat keputusan (*result*) pun kena *check* dalam internet. Bagaimana pelajar-pelajar luar bandar di Yan, di Bera, di kampung yang tidak ada komputer itu?

Ada komputer pun tidak ada internet, dia hendak *check* bagaimana? Menyusahkan pergi balik ke bandar dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, infrastruktur kita tidak menyeluruh. Saya memahami. Kadang-kadang macam di kawasan Yan sahaja, anak nelayan mana hendak cari komputer, internet dan sebagainya. Bapak pergi ke laut - hendak makan pun tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]; Yang Berhormat, terus gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, saya gulung, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan supaya diadakan dua sistem iaitu macam tadi, PTPTN *breakdown*. Bila *breakdown* ini dengan wakil-wakil rakyat sekali *breakdown* juga sebab kita kena bagi duit. Dia dok *online* ini hendak buat permohonan dan sebagainya. Jadi apa salahnya kalau kita adakan dua sistem iaitu dua iaitu sistem manual ini *maintain* dan perlahan-lahan kita *move on e-government* ini. Pada masa sekarang ini pun Tuan Yang di-Pertua sendiri pun tidak keseluruhan anak-anak yang ada komputer ini. Kadang-kadang mereka jumpa wakil rakyat minta komputer daripada kita. Kita mana hendak bagi, komputer bukannya murah, Tuan Yang di-Pertua. Dia kata, ini anak saya hendak belajar guna komputer. Macam mana kita hendak bagi, kita tidak mampu. Dulu MARA ada bagi pinjaman untuk beli komputer tetapi sekarang tidak tahulah ada atau tidak lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, *maintain* dulu. Jangan keseluruhannya, berperingkat-peringkat sehingga seluruh infrastruktur negara kita ini mencukupi dengan sistem internet, dengan pembangunan bekalan *electricity* dan sebagainya kalau tidak dia tidak akan mencapai. Walau bagaimanapun kita kena berusaha dan bermula untuk berjaya di masa yang akan datang.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah suruh gulung. Yang Berhormat habiskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Oleh kerana Yang Berhormat Jerai ini dia banyak... Saya rasa Tuan Yang di-Pertua bagi masa dia lebih sikit sebab saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Jerai, sebab dia nampaknya begitu serius dalam *e-government* tadi. Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, sekiranya kalau kita pergi semua *e-government* ini, apakah kita juga terlindung di bawah akta kerahsiaan. Sesetengah itu dianggap sebagai rahsia peribadi umpamanya, apakah yang ini juga boleh dilakukan.

Macam hari ini *bloggers* dia macam-macam, dia hentam sahaja sampai kita pun naik kelam kabut. Jadi, kalau soal kerahsiaan peribadi umpamanya boleh atau tidak hospital mengeluarkan segala apa jenis. Kalau orang hendak ambil *online*, terus dapat rahsia-rahsia peribadi, umpamanya macam itu. Boleh Yang Berhormat beri penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam saya katakan tadi, Yang Berhormat Batu Gajah pun ada tanya saya tentang itu juga, dari segi kerahsiaan dan kebocoran faktor-faktor tertentu. Jadi, macam sekarang ini pun kalau kita pakai manual pun kadang-kadang bocor juga rahsia ini. Sebab itulah kita ada Akta Rahsia ini, untuk kita hendak membendung daripada rahsia-rahsia kerajaan ini bocor. Begitu juga kita akan bawa dalam Parlimen, insya-Allah di masa depan ini seperti yang dijanjikan oleh menteri iaitu tentang rahsia keperibadian di mana kalau seseorang itu mengambil rahsia-rahsia kita dan sebagainya kita boleh membawa perkara ini kepada pengadilan.

Ini terpaksa kita terima dan akui bahawa dunia menuju ke arah yang sedemikian rupa. Macam kita kata '*paperless hospital*'. Hospital tidak payah pakai *paper*. Sorong orang itu terus masuk wad, *operate*, sehelai kertas pun tidak ada.

■1920

Bil ada, yang itu ada, yang itu kalau *paperless* yang itu, dia pun tak bayar, dia kata *paperless*, mana bil? Depa kena *print out* keluar. Jadi kalau sistem ini semua berlaku makna menjimatkan cuma data-data ini, kalau rahsia sakit. Kita ini orang politik Tuan Yang di-Pertua, kalau sakit pun makan ubat senyap-senyap, bukan beritahu dengan orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita takut, kadang-kadang orang politik ini, orang seronok lagi kalau kita sakit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Gantilah. Jadi rahsia, sebab itu dikatakan rahsia. Jadi untuk menggulung Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan kelulusan rang undang-undang ini, sistem pentadbiran kita bertambah canggih, peningkatan kejayaan sistem penyampaian akan bertambah baik dan juga sistem pertumbuhan ekonomi kita akan bertambah baik dan mempermudah hidup manusia antara manusia ini. Satu lagi, dah nak tutup Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tutup, buka balik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tutup hari inilah Tuan Yang di-Pertua, esok saya cakap lagi. Untuk mempermudah ini, kerajaan dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam bidang ini semua juga dan kalau kita menggunakan sistem-sistem internet ini kita harus diberi diskaun kerana ia melibatkan kos yang rendah. Diskaun, macam kapal terbang menggunakan sistem ini, jadi kosnya rendah. Jadi kalau kita bayar melalui internet dan sebagainya, saya ingat kosnya boleh di diskaunkan kepada pengguna-pengguna.

Jadi dengan demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, tidak lebih daripada, tiga orang lagi bercakap ya, Ya, Ledang, tidak lebih daripada 10 minit.

7.21 mlm.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong rang undang-undang ini kerana ini adalah salah satu adalah teras kepada peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan. Mudah-mudahan dengan berkesannya *e-government* ini, dengan adanya rang undang-undang ini, kemudahan yang diperolehi oleh orang ramai, oleh orang awam akan lebih pantas, lebih telus dan mudah. Saya yakin banyak yang positif daripada yang negatif. Sekarang ini kita masih lagi dalam proses penyesuaian walaupun tempohnya sudah lama, lebih-lebih lagi seperti yang disebut oleh rakan-rakan Ahli Parlimen lain, banyak aplikasi-aplikasi komputer yang terus meningkat, terus ke tahap yang lebih canggih dan memerlukan banyak modal dan banyak RM yang tinggi.

Saya yakin taraf *e-government* ini akan meningkat dari semasa ke semasa. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut oleh rakan-rakan yang lain perlu ada penyesuaian, perlu ada peningkatan IT supaya aplikasi itu boleh digunakan secara mudah misalnya kalau dulu ada *Window* dengan izin 95, sekarang ada *Window XP* dan sebagainya. Supaya segala aplikasi komputer yang merupakan asas kepada *e-government* ini akan lebih memberi kesan yang mendalam. Umpamanya laman web, banyak laman web seperti yang disebut oleh rakan-rakan tadi yang tidak *up to date*. Saya faham laman web sukar untuk di *update* kan dengan izin dalam tempoh yang singkat. Oleh demikian saya mencadangkan supaya setiap laman web kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan diberikan suatu tempoh yang tertentu sebelum mereka di *update*.

Misalnya katakanlah jawatan ketua pengarah, boleh di *update* dalam laman web dalam tempoh dua minggu selepas ditukar penjawat itu. Andainya ada ruang, tidaklah pihak yang melayari laman web itu tertanya-tanya bila *update* atau bila tidak *update*, maknanya ada ruang. Jadi tidaklah laman web yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan kerajaan dipersoalkan dan dipersalahkan, kerana sudah ada klausa di situ. Begitu juga tentang jurang IT ini, saya kalau bercakap tentang jurang IT Tuan Yang di-Pertua, bukannya soal kefahaman tetapi ada beberapa perkara.

Pertamanya selain daripada pengetahuan ialah sama ada aplikasi *update* atau tidak. Ini juga akan menjurus kepada jurang IT sama ada dengan izin *provider* telah pun menyediakan perkhidmatan dengan cekap. Misalnya kalau kita melayari internet menggunakan *hand phone* yang canggih, kadang kala kita tersekat sana sini kerana perkhidmatan yang tidak baik disediakan di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran bangun Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ya, silakan.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ledang tentang jurang IT tadi bahkan disebut oleh sebahagian daripada sahabat kita yang sebelum ini. Saya yakin bahawa kalau *e-government* ini ataupun juga elektronik *government* ini dilaksanakan sekarang ini, mungkin ini akan menjauhkan lagi jurang IT ini antara khususnya bandar dan luar bandar.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sebab kita perhatikan ramai daripada graduan-graduan IT kita ini, mereka tidak bekerja. Mereka bekerja sendiri, tidak dapat bekerja dengan kerajaan. Saya kira ramai pesara-pesara yang berpengalaman dalam IT ini bersara. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat setuju kalau kita mencadangkan kalau kerajaan serius untuk merapatkan jurang ini, kita pastikan supaya graduan-graduan ini diambil bekerja dan pesara-pesara yang mempunyai pengalaman luas ini diberikan tugas terutama di kawasan luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang, gulunglah Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, sebelum saya gulung ini hendak jawab Yang Berhormat Maran, saya hendak sampai ke arah itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saranan daripada Yang Berhormat Maran tadi perlu kita ambil perhatian dengan serius. Maknanya kita bila ada *e-government*, kita tidak mahu ada golongan yang tertinggal. Maknanya mereka yang mendapat kemudahan yang besar ini terutama di kawasan bandar akan menerima keuntungan lebih. Berbanding dengan mereka yang tidak ada kemudahan langsung ataupun ada kemudahan tapi tersekat-sekat terutamanya di luar bandar. Sama ada memohon universiti, sama ada kerana mereka juga ingin mengambil bahagian dalam e-perolehan dan sebagainya, ini Tuan Yang di-Pertua yang paling penting.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, tentang *backup*, tadi banyak disentuh. Saya hendak mencadangkan supaya walaupun kita ada *e-government*, walaupun kita bergantung pada komputer, sementara atau sekiranya sesuatu perkhidmatan itu *break down* Tuan Yang di-Pertua, biarlah dibenarkan sistem manual walaupun terpaksa isi kemudian. Walaupun terpaksa kita balik kepada komputer apabila *breakdown* tadi dengan izin *mover* maknanya ada sistem manual yang boleh digunakan dan dilindungi oleh sistem berkenaan. Sekian, terima kasih, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Beluran, lima minit sahaja Beluran.

7.27 mlm.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat bahawa kerajaan harus jelas tentang *e-government*. Kita harus mempunyai dasar polisi yang jelas. Kalau kita melihat e-perolehan umpamanya salah satu *flagship* dalam e-

government, walaupun ada 1,000 syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai pembekal tetapi syarikat yang *enable*, e-perolehan *enable* cuma lebih kurang 30 ribu, 100 ribu hanya 30 ribu yang e-perolehan ini. Dalam 30 ribu itu, hanya lebih kurang 300 pembekal yang menggunakan e-perolehan sistem itu secara aktif kerana kita memberi ruang yang terlalu luas bagi aplikasi ini digunakan sepenuhnya.

Kita masih ada dasar kerajaan yang menghendaki pembekal menggunakan sistem e-perolehan, tapi pada masa yang sama kita masih menggunakan sistem tradisional, berurusan secara tradisional yang tanpa menggunakan sistem e-perolehan. Maksudnya kita memberi ruang yang luas untuk syarikat ini berurusan secara e-perolehan. Oleh itu saya melihat bahawa dasar kerajaan itu harus jelas dalam menentukan kejayaan *e-government*, salah satu daripadanya e-perolehan dalam *flagship e-government* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa kita harus mempunyai undang-undang yang khusus, tidak ada satu undang-undang yang *fits all* dalam urusan *e-government* ini. Seperti yang dikatakan tadi tentang data kita mesti ada *private data protection bill* umpamanya. Begitu juga saya melihat bahawa untuk sistem *government* berfungsi, soal *e-government security*, keselamatan urusan *e-government* itu yang meliputi keselamatan dari segi *availability*, *identification*, *authentication*, *confidentiality*, *integrity* dan sebagainya harus juga didukung dengan satu undang-undang.

■1930

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung, Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Kerana itu kita melihat bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan, Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: ...tiba masanya bagi kita melihat keperluan undang-undang bagi satu-satu urusan *e-government* ini. Umpamanya dalam *e-government security*, kita harus melihat keperluan *Federal Information Security Management Act* umpamanya, harus diwujudkan oleh kerajaan untuk menentukan kejayaan *e-government* tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, okey.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya jemput menteri mula menjawab.

7.30 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada beberapa Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung esoklah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita ada usul.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

CADANGAN MENJUAL RUMAH PPR KEPADA PENYEWA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, sila.

7.31 mlm.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri datang sendiri untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melakukan lawatan rasmi ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mengumumkan bahawa kerajaan bersetuju untuk menjual 15,007 unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur pada harga RM35 ribu seunit kepada mereka yang layak. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menjual unit PPR kepada pembeli-pembeli yang layak kerana ia memberi peluang kepada mereka yang tidak mempunyai rumah sendiri menikmati kehidupan yang lebih selesa. Saya difahamkan kerajaan sudah meluluskan 24 projek PPR yang membabitkan 32,760 unit di Kuala Lumpur yang mana sehingga Mei 2007 sebanyak 19,914 unit sudah disediakan manakala 12,848 unit lagi dijangka siap pada akhir Disember depan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut kata Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan bahawa sebuah jawatankuasa khas akan ditubuhkan untuk menguruskan penjualan dan akan membuat pengumuman untuk menjemput mereka yang layak membuat permohonan. Nama mereka yang layak dan berjaya membeli 15,007 unit akan diumumkan termasuk lokasi PPR dan syarat kelayakan. Ini bererti mereka yang sudah sedia menyewa sesebuah unit PPR yang bakal dijual mempunyai peluang lebih tinggi untuk membelinya. Kerajaan tidak mengumumkan apakah 15,007 unit PPR merupakan PPR baru belum dihuni lagi atau sudah sedia dihuni tetapi kerajaan baru membuka cadangan menjualkannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah pula mereka yang menyewa dalam perumahan awam milik DBKL yang sudah menghuni 10 hingga 30 tahun yang menunggu unit-unit yang mereka duduki itu, sama ada akan dijual atau tidak. Menurut kata Yang Berhormat Menteri

bahawa kerajaan telah mengarahkan rumah pangsa dan rumah pangsapuri itu sama ada sesuai dijual atau tidak kepada penyewa-penyewa. Dengan kata lain, para penyewa yang sudah bertahun-tahun lamanya menyewa dalam perumahan awam belum pasti dapat berpeluang membeli unit PPR dan jika ada pun, mereka terpaksa bersaing dengan pemohon-pemohon lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud mempersoalkan bahawa mana-mana perumahan awam lama tidak layak dihuni atau dijual, tetapi mana-mana perumahan awam yang mempunyai tingkat yang kurang daripada lima dan tiada kemudahan lif perlu diubahsuai dijadikan tiga bilik dan dua bilik air, dipasangkan lif serta dijual kepada penyewa-penyewa.

Harga yang ditawarkan sungguhpun tinggi dan bagi penyewa yang berpendapatan rendah hingga RM35 ribu agak membebankan. Pada satu masa dahulu, DBKL mengadakan syarat dan mengambil kira jumlah sewa bulanan yang dibayar akan dijadikan sebahagian bayaran harga rumah dan para pembeli dapat membeli pada harga rendah dan tidak membebankan. Jika dijual dengan harga pokok RM35 ribu tidak semua penyewa mampu membelinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa kerajaan supaya sewa rumah pangsa yang dibayar selama mereka tinggal menyewa hendaklah dijadikan sebahagian bayaran rumah yang bakal dibeli. Ini akan menjadikan mereka tidak dibebani dengan hutang yang banyak. Saya berharap dasar yang benar-benar diamalkan oleh kerajaan sebelum ini sewaktu menjualkan unit rumah pangsa ini tidak berubah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah kebanyakan PPR dibina di luar pusat bandar yang sudah pasti unit-unit akan dijual, manakala kawasan pusat bandar yang kekurangan PPR tidak terdapat pun untuk dijual. Maka apa yang berlaku ialah penghijrahan penghuni dari pusat bandar ke kawasan luar pusat bandar dan berlaku penghijrahan penghuni secara beramai-ramai seperti yang kerajaan rancangan dari pusat bandar ke pinggir bandar, manakala rumah pangsa asal akan dirobohkan dan diisi dengan penghuni baru. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri.

7.36 mlm.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan Rafique]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakam penghargaan kepada Yang Berhormat Bukit Bintang yang telah menyampaikan ucapan penungguhan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan isu penjualan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya terdapat dua jenis projek perumahan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Projek Perumahan Awam Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) dan Projek Perumahan Rakyat Bersepadu PPR-MTEN yang dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama dengan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Projek Perumahan Awam DBKL telah dibangunkan sekian lama oleh kerajaan dalam usaha untuk membantu mengurangkan bebanan di kalangan warga kota terutama golongan yang berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik. Projek Perumahan Awam DBKL yang dibangunkan kerajaan pada tahun 1970-an dan 1980-an merangkumi projek-projek rumah pangsa studio satu dan dua bilik di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah perumahan awam di bawah skim ini ialah 200 blok merangkumi 26,480 unit terdiri daripada studio, 2,873 unit satu bilik, 5,053 unit dua bilik, 13,529 unit serta 5,025 unit PPR DBKL dua bilik.

Pembangunan berterusan Kuala Lumpur juga menyambung kepada permasalahan ini dan sejurusnya itu keprihatinan kerajaan menerusi MTEN telah membangunkan pula 24 buah rumah PPR 3 bilik dan dua bilik air mulai 1995 bagi menempatkan 32,762 keluarga. Sehubungan dengan itu, seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang, Perdana Menteri telah bersetuju untuk menjual 15,007 unit rumah di bawah Projek PPR MTEN sahaja kepada pembeli yang layak.

Sebagai makluman tambahan kepada Dewan Rakyat ini, sehingga 1 Jun 2007, sejumlah 19,914 unit di bawah Skim PPR MTEN ini telah siap dibangunkan dan telah berjaya menempatkan 15,534 buah keluarga. Dalam waktu yang sama, baki 12,928 lagi unit PPR MTEN dijangka siap pada penghujung tahun 2007 ini.

Yang Berhormat Bukit Bintang mendakwa bahawa Skim Penjualan PPR MTEN yang diumumkan ini hanya akan membuka peluang kepada penghuni sedia ada di PPR tersebut, mengurangkan pula peluang kepada penghuni Projek Perumahan Awam DBKL sedia ada. Yang Berhormat Bukit Bintang juga mahu supaya harga penjualan PPR tersebut dikurangkan daripada harga RM35 ribu yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, penjualan PPR MTEN yang diumumkan tidaklah bermaksud hanya penghuni sedia ada sahaja yang akan diberi keutamaan untuk membeli rumah-rumah yang akan dijual. Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan Jemaah Menteri untuk meluluskan penjualan 15,007 unit perumahan tiga bilik dua bilik air di bawah Skim PPR MTEN akan diurus tadbir oleh Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi agensi kerajaan tempatan yang bertanggungjawab di Kuala Lumpur iaitu DBKL. Di waktu ini, pihak DBKL sedang menyediakan mekanisme yang tertentu dan lengkap untuk mempermudah urusan pendaftaran dan permohonan bagi pembelian PPR tersebut di kalangan mereka yang berminat. Mekanisme ini juga akan merangkumi beberapa kriteria syarat-syarat yang akan menentukan kelayakan pembeli sejurus dengan itu memastikan hanya mereka yang benar-benar layak akan diberi pertimbangan seterusnya.

■ 1940

Satu badan khas akan diwujudkan di peringkat kementerian dan DBKL mengendali urusan-urusan berkaitan penjualan PPR tersebut. Waktu yang sama, Jemaah Menteri juga telah bersetuju supaya DBKL terus mengkaji perkhidmatan perniagaan kepada PPR MTEN yang akan dijual ini. Tujuannya adalah untuk memastikan tahap perniagaan dan kesejahteraan di kawasan perumahan PPR yang dijual tetap dijaga dan baik seperti mana kawasan PPR yang kini disewa. Dengan itu, ianya akan memastikan kesejahteraan rakyat di perumahan PPR akan sentiasa dibela dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Selain daripada menghalang unit-unit PPR yang dijual daripada terbiar dan menjadi *urban slump* dengan izin, yang mengotori kemegahan pembangunan negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, DBKL menanggung kos pengurusan projek perumahan awam DBKL yang disewa berjumlah RM103,182,700 setahun di mana kos khusus penyelenggaraan perumahan awam DBKL sahaja berjumlah RM42.8 juta setahun. Peruntukan penyelenggaraan bagi projek PPR MTEN pula berjumlah RM41.5 juta setahun dan ini termasuk kerja-kerja awam, lif dan pembersihan.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang dan Dewan yang mulia ini, Jemaah Menteri juga turut mempersetujui supaya Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL melaksanakan kajian terperinci mencadangkan kepada kerajaan terhadap masa depan perumahan awam dan PPR milik DBKL studio, satu dan dua bilik yang sedia ada. Kajian ini termasuk kaedah penambahan bilik kepada rumah-rumah satu dan dua bilik ini untuk mempertingkatkan keselesaan para penghuni perumahan terbabit. Kajian akan diadakan untuk menentukan sama ada proses ini boleh dilaksanakan tanpa mengubah struktur sedia ada bangunan perumahan awam DBKL tersebut atau sama ada ia memerlukan pembangunan semula kawasan-kawasan ini menerusi proses skim pembangunan bandar dengan meroboh dan seterusnya membina projek yang baru.

Waktu yang sama, Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL juga akan mengkaji rasional kemungkinan untuk memohon kepada kerajaan pusat untuk membolehkan projek perumahan awam yang ditambah nilai dan dibangunkan semula ini dijual kepada mereka yang layak dan berminat. Inilah komitmen kerajaan Barisan Nasional bagi memastikan visi Wilayah Persekutuan maju dan sejahtera menjadi realiti dan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Berkenaan dengan saranan Yang Berhormat Bukit Bintang supaya harga penjualan PPR MTEN tiga bilik dan dua bilik air dikurangkan daripada RM35,000 mengambil kira jumlah sewa yang telah dibayar penghuni perumahan awam PPR di Kuala Lumpur. Sukacita saya memaklumkan bahawa sebenarnya harga penjualan PPR yang telah ditetapkan pada kadar RM35,000 seunit ini adalah jauh lebih murah berbanding dengan kos sebenar projek pembangunan projek PPR MTEN yang terpaksa ditanggung kerajaan. Untuk maklumat Yang

Berhormat, kerajaan menanggung kos pembangunan sebanyak RM60,000 seunit termasuk kos tanah bagi pembangunan PPR tersebut malah harga asal yang telah ditetapkan kerajaan adalah RM42,000 seunit bagi PPR pusat bandar tapi di atas keprihatinan kabinet Barisan Nasional untuk terus membantu rakyat, harga ini telah diberi diskaun potongan RM7,000 daripada harga penjualan yang ditetapkan sekarang iaitu RM35,000.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, kos sewaan yang dibayar oleh penghuni perumahan awam dan PPR MTEN sedia ada hanya RM124 seunit iaitu kurang daripada 50% jika dibandingkan dengan kos penyelenggaraan optimum yang terpaksa ditanggung kerajaan, dalam hal ini DBKL iaitu RM258 seunit. Oleh demikian, adalah tidak wajar sekiranya kerajaan terpaksa pula mengambil kira sewaan yang telah dibayar ini sebagai satu kriteria dan pemotongan kepada harga PPR yang akan dijual.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Bintang mendakwa bahawa kebanyakan daripada projek PPR yang dibangunkan adalah di luar kawasan pusat bandar dan kekurangan unit-unit di pusat bandar untuk dijual. Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah pun menetapkan bahawa penjualan PPR MTEN yang akan dilaksanakan adalah menerusi penjualan blok-blok yang tertentu sesuatu projek PPR MTEN di Kuala Lumpur baik yang dibangunkan di pusat bandar mahupun di luar pusat bandar. Seterus dengan itu, persoalan kekurangan unit untuk dijual di kawasan pusat bandar tidak timbul sama sekali. Sekian, terima kasih.

MENYEGERAKAN RANCANGAN WILAYAH PEMBANGUNAN MALAYSIA TIMUR

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mas, sila.

7.44 mlm.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya Henry Sum Agong, Ahli Parlimen P.219 Bukit Mas, mohon untuk membuat ucapan penangguhan di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1). Teks ucapan adalah seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempercepatkan proses pertumbuhan ekonomi negara ini dan membolehkan ekonomi dibahagi ke seluruh negara, maka tindakan kerajaan untuk membangunkan pertumbuhan wilayah kepada empat kawasan adalah tindakan betul, berani dan berwawasan. Wilayah Pembangunan Utara melibatkan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara. Wilayah Pembangunan Pantai Timur melibatkan Terengganu, Kelantan dan Pahang. Wilayah Pembangunan IRDA di Johor. Ketiga-tiga wilayah ini telah mula digerakkan dan mula menampakkan sambutan yang memberangsangkan. Bagi Wilayah Malaysia Timur, nampaknya

belum kelihatan. Wilayah Sabah dan Sarawak merupakan wilayah yang besar iaitu lebih kurang dari dua kali saiz Semenanjung dengan penduduk tujuh juta orang.

Rancangan mewujudkan Wilayah Pembangunan Malaysia Timur atau *East Malaysia Regional Development Area* (EMARDA) dengan izin perlu disegerakan. Kerajaan pusat mesti memulakan rundingan dengan kedua-dua Kerajaan Sabah dan Sarawak dengan segera. Agensi mana yang melaksanakan bolehlah ditentukan kemudian tetapi syarikat yang paling layak sebagai peneraju adalah Petronas kerana Sarawak merupakan pengeluar gas asli utama negara dan Sabah pula akan menjadi pengeluar minyak utama negara dengan penemuan beberapa telaga baru di Sabah.

Saya dan rakan-rakan melihat bahawa kawasan yang paling sesuai adalah wilayah meliputi kawasan Miri, Limbang dan Lawas di Sarawak dan Sipitang, Beaufort dan Kuala Penyu di Sabah. Kawasan ini sesuai oleh sebab beberapa faktor:

- (i) kawasan adalah sempadan Sabah dan Sarawak yang manfaatnya boleh dinikmati kedua-dua negeri;
- (ii) berjiran dengan negara Brunei Darussalam yang mana negara jiran ini boleh terlibat secara langsung atau tidak langsung;
- (iii) berjiran dengan Wilayah Persekutuan Labuan yang memberi kemudahan Perkhidmatan Kewangan Pesisir Antarabangsa, IOFC, pelabuhan dan khidmat perkapalan serta lapangan terbang bertaraf antarabangsa;
- (iv) kawasan ini mempunyai tanah kosong yang luas bagi dibangunkan sama ada industri pertanian, bioteknologi, ternakan atau pembuatan;
- (v) kawasan ini mempunyai sistem rangkaian jalan raya yang baik dan lapangan terbang di Lawas, Limbang dan Kota Kinabalu sendiri;
- (vi) mempunyai sumber asli dan sumber tenaga dari saluran paip gas asli dari Kimanis ke Bintulu;
- (vii) mempunyai pelabuhan kapal di Sipitang, Miri, Limbang dan Lawas;
- (viii) mempunyai tenaga buruh yang mencukupi; dan
- (ix) dengan terkandungnya dalam kawasan EMARDA, Miri sebagai bandar peranginan, Gua Mulu penarikan pelancongan sedia ada, Taman Burung di Sipitang, Gunung Murut yang tertinggi di Sarawak dan perkampungan tanah tinggi di Bario, Bakalalan dan 'Long Pak Sia' dapat menarik pelancongan ke kawasan ini.

Oleh yang demikian, kawasan sempadan Sabah dan Sarawak ini wajarlah dibangunkan yang memberi faedah kepada kedua-dua negeri. Dengan pembangunan ini, akan dapat merubah wilayah ini buat selama-lamanya. Memberi pembangunan, menarik pelaburan, memberi peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan, merapatkan kerjasama negeri dan

berbagai-bagai faedah yang lain. Saya berharap kerajaan dapat memberi pertimbangan dan perhatian kepada cadangan ini. Sekian, saya mencadangkan.

[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya jemput menteri menjawab.

7.49 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mas. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menubuhkan beberapa koridor pembangunan sebagai salah satu daripada pendekatan baru bagi memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah di negara ini.

■1950

Koridor-koridor tersebut seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu koridor selatan yang dikenali juga sebagai Wilayah Pembangunan Iskandar, koridor utara, koridor timur, koridor Sabah dan koridor Sarawak. Objektif utama projek pembangunan koridor Sabah dan Sarawak adalah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi di kedua-dua negeri tersebut. Penubuhan kawasan koridor pembangunan Sabah dan Sarawak adalah merupakan satu perancangan yang strategik untuk merapatkan jurang pembangunan antara negeri dan wilayah. Kerajaan menjangka pembangunan di kedua-dua negeri ini akan dapat ditingkatkan, khususnya di kawasan luar bandar yang akan dilengkapi dengan lebih banyak kemudahan infrastruktur yang akan memberi manfaat kepada semua lapisan penduduk.

Setakat ini pelaksanaan koridor Sabah dan Sarawak sebagai makluman kepada Yang Berhormat adalah di peringkat awal perancangan. Lokasi sebenar dan sektor teras yang menerap pembangunan koridor Sabah dan Sarawak akan bergantung kepada kajian yang akan dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Sarawak. Bagi kedua-dua koridor ini pihak kerajaan akan menjemput beberapa agensi dan syarikat berkaitan kerajaan di Sabah dan Sarawak untuk menerajui pembangunan koridor tersebut.

Memandangkan pelaksanaan koridor Sabah dan Sarawak berada di peringkat awal perancangan, kerajaan masih lagi belum dapat memutuskan jumlah peruntukan yang akan disediakan untuk kedua-dua koridor tersebut. Walau bagaimanapun, kedua-dua negeri ini mencatatkan jumlah keseluruhan peruntukan antara yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM18.337 bilion bagi projek pembangunan keseluruhan negeri Sabah, manakala RM1.701 bilion lagi melibatkan inisiatif pembiayaan swasta (PFI).

Manakala negeri Sarawak menerima sejumlah RM12.728 bilion bagi projek pembangunan dan RM1.941 bilion bagi PFI. Kerajaan percaya dan yakin bahawa dengan pelbagai usaha dan strategi yang dirangka oleh Kerajaan Persekutuan dan juga negeri, Sabah dan Sarawak akan terus membangun selaras dengan matlamat pembangunan nasional. Usaha pembangunan koridor ini adalah salah satu keutamaan kerajaan bagi memastikan nikmat pembangunan akan dapat dirasakan oleh semua rakyat di negeri ini secara adil dan saksama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ucapan penangguhan telah selesai. Dengan itu juga urusan kita hari ini telah selesai. Oleh itu Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.53 malam.